



KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
MALAYSIA



JABATAN PENGANGKUTAN
JALAN MALAYSIA

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU **LP**

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU MOTOSIKAL



MOTOSIKAL

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU

MODUL MOTOSIKAL

2021

Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Modul Motosikal

Semua hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini berupa gambar, tulisan dan ilustrasi tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain sama ada dengan cara elektronik, mekanik penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin secara bertulis terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia.

HAK CIPTA 2021

EDISI KETIGA OGOS 2021

JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

Penerbit dan Pengeluar:
Akademi Pengangkutan Jalan Malaysia
KM 15, Jalan Tiang Dua,
75460 Air Molek,
Melaka

Tel. : 06-269 2666

Faks : 06-269 5900

06-268 4599

Email : akademimelaka@jppj.gov.my



Kata-Kata Aluan Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia



Assalamualaikum w.b.t dan Salam Hormat,

Syukur ke hadrat ALLAH S.W.T dan syabas diucapkan kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan penerbitan **Buku Teks Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP)**, yang berteraskan kepada hasil pembelajaran (*Outcome Based Learning*) ini. Model baharu KPP ini merupakan suatu usaha dan inisiatif yang berterusan yang dirangka oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia, untuk merekayasakan pemanduan selamat serta kesedaran keselamatan jalan raya kepada semua pengguna jalan raya, bagi mencapai sasaran Kerajaan ke arah mengurangkan risiko kecederaan dan kematian akibat nahas kemalangan jalan raya di Malaysia.

Berdasarkan kajian, **lebih 80%** kemalangan jalan raya yang berlaku adalah disebabkan oleh faktor manusia. Dalam erti kata lain, pengguna jalan raya adalah merupakan faktor utama kepada berlakunya sesuatu nahas kemalangan jalan raya di negara ini. Sehubungan itu, pendekatan yang diambil oleh pihak JPJ bagi menangani masalah keselamatan jalan raya di negara ini adalah melalui Strategi Penguatkuasaan berteraskan **Advokasi, Literasi, Provokasi, Notifikasi dan Legislasi (Legislation)**.

Justeru itu, pelaksanaan model baharu KPP yang berteraskan kepada hasil pembelajaran ini adalah merupakan salah satu inisiatif Kerajaan ke arah melahirkan pemandu yang lebih berhemah, kompeten dan celik undang-undang dan peraturan jalan raya. Seterusnya, kadar pematuhan terhadap peraturan yang telah digariskan melalui pendekatan advokasi serta penerapan pembudayaan pemanduan selamat dan berhemah, akan secara langsung menyumbang kepada anjakan paradigma terhadap aspek keselamatan jalan raya di Malaysia, akan direalisasikan.

Kandungan buku ini juga telah diperkemas untuk kepentingan kumpulan sasar, iaitu bakal pemandu bagi menghasilkan *output* pemandu yang kompeten di jalan raya. Pendidikan berteraskan hasil pembelajaran ini juga merupakan suatu pendekatan yang menitikberatkan hasil pembelajaran secara holistik, berbanding pendekatan tradisional yang hanya menitikberatkan sukatan pelajaran tanpa memberi tumpuan khusus kepada hasil pembelajaran secara praktikal.

Selain itu, pendekatan ini juga diyakini dapat menambahkan keberkesanan pendidikan pemandu kerana kandungan kurikulum ini dibangunkan hasil daripada kajian mendalam dan ditambahbaik dengan modul yang dibangunkan khusus. Ini adalah berdasarkan kepada teori pendidikan terkenal iaitu **Teori Taksonomi Bloom**, untuk menghasilkan pemandu yang dapat membudayakan keselamatan sebagai hasil pembelajaran.



Pembangunan buku teks KPP ini juga adalah bermatlamat untuk melengkapkan perancangan pembelajaran teori dan praktikal bagi membantu proses pembelajaran pemanduan selamat dilaksanakan secara efektif dan efisien. Kandungan Buku KPP ini telah distrukturkan mengikut keperluan pembelajaran teori dan praktikal pemanduan selamat. Buku KPP ini juga merupakan rujukan asas dan wajib kepada semua bakal pemandu serta pelatih bagi diaplikasikan ilmu teori dan praktikal serta keperluan mengikut prosedur keselamatan dalam pelestarian pemanduan kenderaan.

Melalui pelancaran buku teks KPP ini, adalah diharapkan ianya juga akan dapat membantu semua Institut Memandu (IM) di Malaysia, untuk mengadaptasikan standard baharu sistem latihan pemanduan, ke arah peningkatan kualiti perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada pelajar IM. Justeru, peningkatan mutu penyampaian kurikulum dan penyediaan prasarana serta fasiliti yang terbaik amatlah penting bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang kondusif bagi mencapai halatuju pembangunan pemandu selamat yang sentiasa mengutamakan budaya keselamatan di jalan raya.

Akhir kata, penerbitan Buku Teks KPP ini juga secara tidak langsung akan dapat memperlihatkan berlakunya suatu transformasi dan komitmen JPJ dalam mewujudkan satu standard baharu sistem latihan pemanduan yang berintegriti, telus dan mengekalkan profesionalisme dalam penyampaian perkhidmatan pelesenan pemandu, yang memenuhi keperluan piawaian negara dan antarabangsa.

Sesungguhnya saya ingin merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih di atas inisiatif dan sumbangan daripada semua pihak dalam menjayakan penerbitan Buku Teks KPP ini. Saya percaya melalui pembangunan **Buku Teks KPP** ini ianya mampu menyumbang dan menjadi pemangkin kepada pencapaian peningkatan kualiti pembelajaran dan latihan pemanduan di Malaysia, khususnya.

Sekian, terima kasih.

DATO' ZAILANI HJ. HASHIM

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia



PENDAHULUAN

MATLAMAT DAN OBJEKTIF KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU

Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP) Modul Motosikal ini digubal khusus bagi membantu pengguna motosikal menguasai aspek-aspek keselamatan dan peraturan yang perlu diamalkan semasa di jalan raya. Penekanan terhadap aspek pengetahuan, kemahiran bersepadu untuk Melahirkan Penunggang Selamat Di Jalan Raya menjadi tunjang kepada KPP ini.

Matlamat KPP adalah memastikan setiap penunggang baru yang dilesenkan oleh Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mencapai atribut pemandu yang ditetapkan iaitu berpengetahuan dan kompeten dalam penunggangan selamat serta sentiasa mengamalkan budaya keselamatan di jalan raya.

Objektif KPP ini membantu pengguna motosikal menguasai dan memahami aspek-aspek Kognitif, Psikomotor dan Afektif semasa di jalan raya.

Aspek-aspek Kognitif merangkumi Undang-Undang, Penunggangan Selamat, Penyelenggaraan Motosikal dan Peralatan Keselamatan.

Aspek-aspek Psikomotor pula meliputi Kawalan dan Olah Gerak, Jangkaan dan Penafsiran Risiko, Kedudukan Kenderaan dan Tindakan Sesuai, Rutin Selamat dan Bantuan Kecemasan.

Aspek-aspek Afektif merangkumi aspek Budaya Utamakan Keselamatan, Tanggungjawab Sosial, Disiplin Kendiri dan Hasil Pembelajaran.

KANDUNGAN

PENGENALAN

1.0	Kata-Kata Aluan	iii
1.1	Lesen Memandu	1
1.2	Jenis-Jenis Lesen Memandu	2
1.3	Kelas-Kelas Lesen Memandu	4
1.4	Syarat-Syarat Kelayakan Pemohon Untuk Mendapatkan Lesen Memandu	5
1.5	Proses Mendapatkan Lesen Memandu	5
1.6	Ujian Kekompetenan Memandu	8
1.7	Ujian Bahagian I	9
1.8	Ujian Bahagian II dan III	9
1.9	Lesen Belajar Memandu	12
1.10	Lesen Memandu Percubaan	14
1.11	Lesen Memandu Kompeten	16
1.12	Lesen Vokasional	17
1.13	Lesen Memandu Tamat Tempoh	20
1.14	Pemegang Lesen Memandu Negara Asing Di Malaysia	20
1.15	Peruntukan Khas Lesen Memandu Singapura	22
1.16	Permit Memandu Antarabangsa	23



KPP 01

TEORI PENUNGGANGAN SELAMAT

BAB 1

KOD LALU LINTAS

1.1	Tanda Isyarat Lalu Lintas Bahaya Dan Kepentingannya	29
1.2	Tanda Isyarat Lalu Lintas Larangan Dan Kepentingannya	40
1.3	Tanda Isyarat Lalu Lintas Mandatori Dan Kepentingannya	43
1.4	Tanda Isyarat Lalu Lintas Memberitahu Dan Kepentingannya	45
1.5	Tanda Isyarat Lalu Lintas Sementara Dan Kepentingannya	49
1.6	Tanda Garisan Di Atas Jalan Raya	52
1.7	Tanda Isyarat Tangan Polis Trafik	53
1.8	Tanda Isyarat Tangan Penunggang Motosikal	54

BAB 2

PENUNGGANGAN BERHEMAT

2.1	Merancang Untuk Perjalanan Yang Selamat	55
2.2	<i>Hazard</i> Dan Risiko Serta Implikasinya Kepada Pengguna	56
2.3	Membuat Keputusan Dan Tindakan Yang Sesuai Dalam Menghadapi <i>Hazard</i>	58
2.4	Peraturan Penunggang Berhemat Dan Tanggungjawab Penunggang	59
2.5	Kawasan/Pandangan Terlindung (<i>Blind Spot</i>)	68
2.6	Membawa Pembonceng Dan Barangan	69



2.7	Faktor-Faktor Yang Menyebabkan Banyak Kemalangan Melibatkan Motosikal	70
2.8	Kedudukan Motosikal Yang Menyebabkan Berlaku Kemalangan	75
2.9	Olah Gerak	81

BAB 3

PENUNGGANGAN DALAM PELBAGAI KEADAAN

3.1	Menunggang Ketika Cuaca Yang Berbeza	83
3.2	Menunggang Pada Waktu Malam	85
3.3	Menunggang Dalam Kesesakan Lalu Lintas	85
3.4	Menunggang Di Jalan Bandaran	86
3.5	Menunggang Di Jalan Luar Bandar	86
3.6	Menunggang Di Pelbagai Permukaan Jalan	87

BAB 4

KOMPONEN-KOMPONEN WAJIB DISELENGGARA 88

BAB 5

PERALATAN KESELAMATAN 96

BAB 6

KESALAHAN-KESALAHAN BERKAITAN SISTEM KEJARA

6.1	Kesalahan-Kesalahan Memandu Dan Hukuman-Hukumannya Di Bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 Dan Kaedah-Kaedah Di Bawahnya (RTR1959)	100
6.2	Sistem KEJARA	112



KPP 02

PRAKTIKAL DI LITAR - PERSEDIAAN SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN

BAB 1

PEMERIKSAAN SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN 119

BAB 2

MENGHIDUP DAN MEMATIKAN ENJIN

2.1 Menghidupkan Enjin Motosikal 127

2.2 Mematikan Enjin Motosikal 129

BAB 3

MENGENALI PANEL INSTRUMEN MOTOSIKAL 130

BAB 4

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN BREK, KLAC DAN PENDIKIT MINYAK

4.1 Brek 134

4.2 Klac 135

4.3 Pendikit Minyak 136

BAB 5

MENGGUNAKAN GEAR MOTOSIKAL 137

BAB 6

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN RUTIN SELAMAT SEBELUM MENUNGGANG MOTOSIKAL

6.1 Peralatan Keselamatan Untuk Menunggang Motosikal 138

6.2 Pemeriksaan Motosikal Sebelum Menunggang 141



BAB 7

BANTUAN KECEMASAN

7.1	Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Jika Terlibat Dalam Kemalangan	146
7.2	Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Jika Terlibat Dalam Kemalangan Ringan Bersama Pengguna Jalan Raya Lain	147
7.3	Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Jika Terlibat Dalam Kemalangan Serius Bersama Pengguna Jalan Raya Lain	148
7.4	Langkah-Langkah Yang Boleh Diambil Jika Terlihat Mangsa Kemalangan Jalan Raya	148

BAB 8

MENGERAK, MEMBERHENTI DAN MENONGKAT MOTOSIKAL

8.1	Mengerak Motosikal	149
8.2	Memberhenti Motosikal	150
8.3	Menongkat Motosikal	151

BAB 9

KAWALAN MOTOSIKAL BERGERAK KE HADAPAN DAN BELAKANG

9.1	Mengerakkan Motosikal Ke Hadapan	153
9.2	Mengerakkan Motosikal Ke Belakang	154

BAB 10

MEMBUAT PERGERAKAN ANGKA '8' 155

BAB 11

MENUNGGANG DI ATAS TITI 156

BAB 12

MENUNGGANG RINTANGAN ANTARA KON (SLALOM) 158



BAB 13		
MEMBREK		
13.1	Brek Kadar Biasa (<i>Gradually Stop</i>)	160
13.2	Brek Kecemasan (<i>Emergency Stop</i>)	161
BAB 14		
MENUNGGANG DI LALUAN TIDAK RATA		162
BAB 15		
MENUNGGANG DI LALUAN LURUS		164
BAB 16		
MENUNGGANG DI PERSIMPANGAN		
16.1	Teknik Menunggang Di Persimpangan Berkawal	165
16.2	Teknik Menunggang Di Persimpangan Tidak Berkawal	166
BAB 17		
MEMBELOK DI PERSIMPANGAN		
17.1	Membelok Di Persimpangan Berkawal	168
17.2	Membelok Di Persimpangan Tidak Berkawal	170
BAB 18		
MEMBERI ISYARAT LAMPU DAN TANGAN		172
BAB 19		
MEMBUAT PUSINGAN 'U'		174
BAB 20		
MENUNGGANG DI SELEKOH		176



KPP 03

PRAKTIKAL DI JALAN - PENUNGGANGAN SELAMAT

BAB 1

PEMERIKSAAN SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN	181
---	------------

BAB 2

MENGAMALKAN RUTIN SELAMAT SEBELUM MENUNGGANG	186
---	------------

BAB 3

MEMULAKAN PERGERAKAN SELAMAT	190
-------------------------------------	------------

BAB 4

MENUNGGANG DI JALAN BANDAR

4.1	Menguruskan Kelajuan	195
4.2	Memotong Dengan Selamat	197
4.3	Menunggang Di Persimpangan	199
4.4	Menukar Lorong Dengan Selamat	202
4.5	Menunggang Dengan Selamat Di Kawasan Sekolah Dan Perumahan	202
4.6	Menunggang Dengan Jarak Selamat	204
4.7	Menunggang Di Laluan Yang Betul	204
4.8	Memberi Laluan Kepada Pejalan Kaki, OKU Dan Pengguna Jalan Raya Lain	205
4.9	Memperlahankan Motosikal Dengan Selamat	206



BAB 5

MENUNGGANG DI JALAN LUAR BANDAR

5.1	Menguruskan Kelajuan	207
5.2	Memotong Dengan Selamat	208
5.3	Menunggang Di Persimpangan	210
5.4	Menukar Lorong Dengan Selamat	211
5.5	Menunggang Dengan Selamat Di Kawasan Sekolah Dan Perumahan	212
5.6	Menunggang Dengan Jarak Selamat	214
5.7	Menunggang Di Laluan Yang Betul	215
5.8	Memberi Laluan Kepada Pejalan Kaki, OKU Dan Pengguna Jalan Raya Lain	215
5.9.	Memperlahankan Motosikal Dengan Selamat	216
6.	CONTOH SOALAN UJIAN BAHAGIAN I	219

PENGENALAN

1.1 LESEN MEMANDU

Seseorang yang ingin memandu sesebuah kenderaan seperti motosikal atau kereta di jalan raya hendaklah memiliki lesen memandu. Seksyen 26(1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 menegaskan:

‘..tiada seorang pun boleh memandu sesuatu kenderaan motor daripada apa-apa kelas atau perihalan, di sesuatu jalan melainkan jika dia adalah pemegang sesuatu lesen memandu yang membenarkannya memandu sesuatu kenderaan motor..’

Sekiranya pemandu tidak memiliki lesen memandu maka ia telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 26(2) yang menegaskan:

‘Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda... atau dipenjarakan... atau kedua-duanya.’

Seksyen 27 dan 29 Akta Pengangkutan Jalan 1987 juga menjelaskan bahawa Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) merupakan pihak berkuasa yang menentukan kekompetenan seseorang pemandu dan menetapkan ujian-ujian kekompetenan berdasarkan keperluan yang ditetapkan.

1.2 JENIS-JENIS LESEN MEMANDU

Terdapat beberapa jenis lesen memandu yang dikeluarkan oleh JPJ. Jenis-jenis lesen memandu adalah mengikut kegunaan sesuatu lesen itu dikeluarkan seperti berikut:

a. LESEN BELAJAR MEMANDU (LDL)




Lesen Belajar Memandu (*Learner's Driving License*) LDL dikeluarkan bagi membolehkan seseorang itu belajar memandu (latihan praktikal) sebelum dibenarkan menjalani ujian praktikal. Lesen belajar memandu dikeluarkan bagi tempoh 3 atau 6 bulan dan boleh diperbaharui tetapi tidak boleh melebihi tempoh keseluruhan 2 tahun dari tarikh mula lesen belajar memandu dikeluarkan. Dalam tempoh 2 tahun, seseorang itu perlu lulus semua ujian kekompetenan dan mendapat kelas lesen memandu yang dipohon.

b. LESEN MEMANDU PERCUBAAN (PDL)



Lesen Memandu Percubaan (*Probationary Driving License*) PDL dikeluarkan setelah seseorang itu lulus semua ujian kekompetenan bagi kelas lesen memandu yang dipohon untuk membolehkan pemandu baru memandu kenderaan. Tempoh percubaan adalah selama 2 tahun dan dikira mulai tarikh lesen memandu percubaan dikeluarkan.

c. LESEN MEMANDU KOMPETEN (CDL)



Lesen Memandu Kompeten (*Competent Driving License*) CDL dikeluarkan setelah pemandu menjalani tempoh percubaan dan tidak dikenakan sekatan di bawah sistem mata demerit Keselamatan Jalan Raya (KEJARA). Lesen memandu kompeten dikeluarkan bagi tempoh 1 hingga 5 tahun dan boleh diperbaharui bagi tempoh yang sama.

d. LESEN VOKASIONAL



Lesen Vokasional dikeluarkan bagi membolehkan seseorang itu memandu kenderaan perkhidmatan awam atau kenderaan barangan atau bertugas sebagai konduktor bas.



1.3 KELAS-KELAS LESEN MEMANDU

Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) mengeluarkan lesen memandu mengikut kelas-kelas seperti berikut:

A	Kenderaan Orang Cacat (Motosikal) berat tanpa muatan tidak melebihi 450kg
A1	Kenderaan Orang Cacat (Motokar) berat tanpa muatan tidak melebihi 3500kg
B	Motosikal Perseorangan
B1	Motosikal Perseorangan tidak melebihi 500sp
B2	Motosikal Perseorangan tidak melebihi 250sp
C	Motosikal selain daripada motosikal perseorangan
D	Motokar berat tanpa muatan tidak melebihi 3500kg
DA	Motokar Tanpa Pedal Klac berat tanpa muatan tidak melebihi 3500kg
E	Motokar Berat berat tanpa muatan melebihi 7500kg
E1	Motokar Berat berat tanpa muatan tidak melebihi 7500kg
E2	Motokar Berat berat tanpa muatan tidak melebihi 5000kg
F	Traktor/Jentera Bergerak Ringan (Beroda) berat tanpa muatan tidak melebihi 5000kg
G	Traktor/Jentera Bergerak Ringan (Berantai) berat tanpa muatan tidak melebihi 5000kg
H	Traktor/Jentera Bergerak Berat (Beroda) berat tanpa muatan melebihi 5000kg
I	Traktor/Jentera Bergerak Berat (Berantai) berat tanpa muatan melebihi 5000kg



1.4 SYARAT-SYARAT KELAYAKAN PEMOHON UNTUK MENDAPATKAN LESEN MEMANDU

1. Syarat-syarat kelayakan pemohon untuk mendapatkan lesen memandu adalah berdasarkan kelayakan umur dan kesihatan:
 - a. Kelayakan umur minimum enam belas (16) tahun bagi kelas motosikal, tujuh belas (17) tahun bagi kelas motokar dan dua puluh satu (21) tahun bagi kenderaan-kenderaan lain.
 - b. Kelayakan kesihatan adalah dari segi sihat tubuh badan, boleh melihat ke hadapan pada jarak 23 meter dan tidak buta warna.
2. Bagi pemohon orang kurang upaya (OKU), pemohon hendaklah mengemukakan borang Pemeriksaan Kesihatan Permohonan Lesen Memandu OKU yang telah mendapat pengesahan kelayakan untuk memohon lesen memandu daripada pegawai perubatan di Klinik Kesihatan Kerajaan seperti mana yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Permohonan untuk mendapatkan lesen memandu daripada pemohon warganegara asing adalah dibenarkan dengan syarat pemohon memiliki pasport dan visa yang masih berkuat kuasa dan akan berada di Malaysia sekurang-kurangnya bagi tempoh 1 bulan.

1.5 PROSES MENDAPATKAN LESEN MEMANDU

1. PENDAFTARAN

Seseorang pemohon itu perlu mendaftar di mana-mana institut memandu, sekolah memandu atau pejabat pendaftaran calon yang terdapat di seluruh Malaysia yang diiktiraf oleh JPJ.



INFO

- Institut memandu ialah premis latihan pemanduan yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan seperti litar latihan dan bilik kuliah manakala sekolah memandu tidak mempunyai kemudahan litar latihan.
- Pejabat pendaftaran calon ialah pejabat cawangan milik institut memandu untuk mendaftar calon sahaja dan semua proses latihan dijalankan di institut memandu.
- Latihan praktikal dikendalikan oleh jurulatih/pengajar memandu yang telah ditauliahkan oleh JPJ dan memiliki Sijil Pengajar Institusi Memandu (SPIM).
- Latihan praktikal dijalankan menggunakan kenderaan yang telah didaftarkan di bawah institut atau sekolah memandu dan memiliki Sijil Kenderaan Institusi Memandu (SKIM).



2. PROSES MENDAPATKAN LESEN MEMANDU KELAS MOTOSIKAL


Proses untuk mendapatkan lesen memandu kelas motosikal adalah seperti berikut:

- a. Menghadiri Kursus Teori Penunggangan Selamat (KPP 01) selama 6 jam.
- b. Menduduki dan lulus Ujian Bahagian I (Undang-undang Jalan Raya dan Pemanduan Berhemah).
- c. Pengeluaran lesen belajar memandu.
- d. Menjalani latihan praktikal di litar (KPP 02) selama 9.5 jam.
- e. Menjalani latihan praktikal di jalan raya (KPP 03) selama 6 jam.
- f. Menjalani ujian penilaian (Pra Ujian) selama 30 minit.
- g. Menjalani Ujian Bahagian II dan III (ujian praktikal) JPJ.
- h. Pengeluaran lesen memandu percubaan.
- i. Pertukaran daripada lesen memandu percubaan kepada lesen memandu kompeten.

3. TAMBAH KELAS LESEN MEMANDU

- a. Pemegang lesen memandu bagi sesuatu kelas yang ingin menambah kelas yang lain, ia hendaklah menghadiri Kursus KPP 01 serta proses latihan dan ujian yang ditetapkan bagi kelas yang ingin ditambah.
- b. Bagi pemegang lesen memandu kelas B2 yang ingin menambah kelas B, ia tidak perlu menghadiri semula Kursus Teori Penunggangan Selamat (KPP 01) dan menduduki semula Ujian Bahagian I.
- c. Pemegang lesen memandu kompeten bagi sesuatu kelas yang ingin menambah kelas yang lain, ia juga tidak perlu menjalani tempoh percubaan sekali lagi.

CARTA ALIR PROSES MENDAPATKAN LESEN MEMANDU





INFO

- Permohonan lesen memandu kelas motosikal B2 tunggal ialah permohonan lesen memandu kelas B2 semata-mata, tanpa memiliki atau memohon kelas lesen memandu yang lain.
- Mulai 1 September 2009, pemohon lesen memandu kelas B2 tunggal warganegara Malaysia diberi beberapa keistimewaan oleh Kerajaan iaitu:
 - Pengecualian bayaran penetapan ujian sebanyak RM10.
 - Bayaran lesen belajar memandu RM2 sahaja (pengecualian sebanyak RM18).
 - Bayaran lesen memandu percubaan RM2 sahaja (pengecualian sebanyak RM38).
- Keistimewaan ini diberikan untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah terutamanya golongan muda yang hanya mampu menggunakan motosikal sebagai mod pengangkutan dalam kehidupan seharian.
- Sekiranya pemohon melakukan penambahan kelas lain dalam lesen memandu sebelum pemohon mendapat lesen memandu kompeten, pemohon perlu menjelaskan semula semua bayaran yang telah dikecualikan.

1.6 UJIAN KEKOMPETENAN MEMANDU

Ujian kekompetenan bertujuan menentukan tahap kekompetenan seseorang dan memastikan setiap calon telah mencapai satu tahap piawaian dari segi kognitif, psikomotor dan efektif ke arah membudayakan pemanduan selamat sebelum ia diberikan lesen memandu dan dibenarkan memandu di atas jalan raya. Ujian kekompetenan perlu diadakan untuk menentukan tahap kekompetenan seseorang pemandu/penunggang.

BAHAGIAN-BAHAGIAN UJIAN KEKOMPETENAN

Ujian kekompetenan dijalankan oleh JPJ mengikut bahagian-bahagian seperti berikut:

1. Bahagian I (Ujian Teori Undang-Undang Jalan Raya dan Penunggang Berhemah)

Tujuannya adalah untuk menguji tahap kefahaman calon penunggang mengenai peraturan lalu lintas dan undang-undang jalan raya.

2. Bahagian II (Ujian Praktikal Penunggang Di Litar)

Tujuannya adalah untuk menguji tahap kemahiran calon penunggang mengawal kenderaan di litar dengan cara mengendali dan mengolah gerak kenderaan mengikut elemen-elemen yang ditetapkan.



3. Bahagian III (Ujian Praktikal Penunggangan Di Jalan Raya)

Tujuannya adalah untuk menguji tahap kemahiran calon penunggang mengaplikasikan penunggangan selamat di jalan raya dari segi, mengenalpasti dan mengatasi *hazard*, kebolehan mengurus kelajuan, memotong, menukar laluan dan kebolehan mengawal kenderaan dengan kompeten dan selamat di jalan raya.

1.7 UJIAN BAHAGIAN I

1. MENDUDUKI UJIAN BAHAGIAN I

a. Tujuannya adalah untuk menguji tahap kefahaman calon memandu mengenai peraturan lalu lintas dan undang-undang jalan raya. Calon lulus Ujian Bahagian I sekiranya memperoleh sekurang-kurangnya 42 markah daripada 50 markah (sebanyak 50 soalan disediakan) dengan masa yang diperuntukkan adalah selama 45 minit.

b. Penetapan Ujian Bahagian I

Calon pemandu hendaklah menghadiri KPP01 selama 6 jam (JPJL2A) mengikut kumpulan kelas yang dipohon sebelum menjalani ujian Bahagian 1. Ujian Bahagian 1 hanya boleh diduduki dalam tempoh sah sijil JPJL2A iaitu 1 tahun.

1.8 UJIAN BAHAGIAN II DAN III

1. Ujian Bahagian II dan III bagi kelas motosikal yang dijalankan oleh JPJ adalah seperti berikut:

Bahagian II	<ul style="list-style-type: none">• Menunggang di atas titi.• Menunggang rintangan antara kon (slalom).• Membrek kecemasan.• Menunggang di laluan tidak rata.• Membuat pergerakan angka '8'.• Menunggang di selekoh tajam.
Bahagian III	Ujian praktikal menunggang motosikal di jalan raya.



2. PENETAPAN UJIAN BAHAGIAN II DAN III

- a. Semua calon hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut sebelum dibenarkan untuk menjalani Ujian Bahagian II dan III:
 - i. Telah menjalani latihan Praktikal di litar (KPP 02) selama 9.5 jam dan Praktikal di Jalan Raya (KPP 03) selama 6 jam.
 - ii. Telah lulus penilaian (Pra Ujian) sebelum ujian.
 - iii. Lesen Belajar Memandu (LDL) masih berkuat kuasa dan telah melebihi 30 hari dari tarikh lesen dikeluarkan.
- b. Tempahan ujian Bahagian II dan III hendaklah dipohon di pejabat JPJ oleh wakil institut memandu dengan mengemukakan:
 - i. Salinan fotostat lesen belajar memandu.
 - ii. Rekod belajar memandu (SM4).
 - iii. Bayaran penetapan ujian (jika berkenaan).

3. PINDAAN TARIKH UJIAN

- a. Sekiranya tarikh Ujian Bahagian I, II atau III yang telah ditetapkan tidak dapat dipenuhi, seseorang calon boleh memohon untuk meminda kepada tarikh ujian lain tanpa bayaran di mana calon hanya boleh meminda tarikh ujian sebanyak sekali sahaja tertakluk kepada tempoh masa pindaan yang dibenarkan.
- b. Walau bagaimanapun sekiranya seseorang calon gagal dalam sesuatu bahagian ujian atau gagal hadir pada tarikh ujian yang ditetapkan, calon perlu mendapatkan tarikh penetapan ujian baru sebelum menduduki atau menjalani ujian ulangan.

4. TEMPOH SAH KEPUTUSAN UJIAN KEKOMPETENAN

- a. Tempoh sah keputusan ujian Bahagian I, II dan III ialah 1 tahun dari tarikh lulus ujian berkenaan.
- b. Sekiranya calon telah lulus Ujian Bahagian I tetapi tidak memohon lesen belajar memandu dalam tempoh 1 tahun dari tarikh lulus ujian, ia hendaklah mengulangi semula semua proses latihan dan ujian yang ditetapkan.
- c. Sekiranya calon telah lulus Ujian Bahagian II dan III tetapi tidak memohon lesen memandu percubaan dalam tempoh 1 tahun dari tarikh lulus ujian, pemohon hendaklah menjalani ujian semula dengan syarat lesen belajar memandu masih berkuat kuasa dalam tempoh 2 tahun semasa menjalani ujian semula.



5. KEPUTUSAN UJIAN KEKOMPETENAN

- a. Keputusan ujian akan dimaklumkan dengan serta-merta selepas ujian. Calon yang gagal dalam Ujian Bahagian I secara berkemputer dibenarkan menduduki ujian semula pada bila-bila masa setelah tempahan ujian dilakukan, manakala calon yang gagal dalam Ujian Bahagian II dan III hanya dibenarkan menjalani ujian semula selepas 1 minggu dari tarikh gagal.
- b. Sekiranya terdapat calon yang terkilan di atas keputusan Ujian Bahagian II dan III, ia boleh mengemukakan rayuan bertulis selewat-lewatnya sehari selepas gagal ujian kepada pejabat JPJ yang mengendalikan ujian tersebut.



INFO

Mulai 15 Mac 2013, Kerajaan telah memberi keistimewaan kadar bayaran kepada pemohon dan pemegang lesen memandu kelas A dan A1 iaitu:

- Pengecualian bayaran penetapan ujian sebanyak RM10.
- Bayaran lesen belajar memandu RM2 sahaja.
- Bayaran lesen memandu percubaan RM2 sahaja.
- Bayaran lesen memandu kompeten RM2/tahun sahaja.
- Lesen memandu kelas A ialah kelas lesen memandu OKU bagi kenderaan motosikal dengan berat tanpa muatan tidak melebihi 450kg.
- Lesen memandu kelas A1 ialah kelas lesen memandu OKU bagi kenderaan motokar dengan berat tanpa muatan tidak melebihi 3500kg.
- Kedua-dua kenderaan tersebut ialah kenderaan ubah suai iaitu direka bentuk dan dibina khas atau disesuaikan bagi kegunaan OKU yang mengalami kecacatan atau ketidakupayaan jasmani/fizikal.



1.9 LESEN BELAJAR MEMANDU


1. PENGELUARAN LESEN BELAJAR MEMANDU (LDL)

- a. Sebelum sesuatu lesen belajar memandu dikeluarkan, pemohon hendaklah memenuhi syarat-syarat seperti berikut:
 - Telah lulus Ujian Bahagian I dalam tempoh 1 tahun dari tarikh lulus ujian.
- b. Lesen belajar memandu boleh dikeluarkan bagi tempoh 3 atau 6 bulan dan boleh diperbaharui bagi tempoh 3 atau 6 bulan juga sehingga tempoh maksimum 2 tahun dari tarikh mula lesen dikeluarkan.

2. SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG LESEN BELAJAR MEMANDU

Syarat-syarat bagi pemegang lesen belajar memandu bagi kelas motosikal adalah seperti berikut:

- a. Mempamerkan tanda pengenalan 'L' di hadapan dan belakang motosikal.
- b. Tidak boleh membawa penumpang atau muatan.





3. PERMOHONAN LESEN BELAJAR MEMANDU BARU

- a. Permohonan lesen belajar memandu boleh dipohon di pejabat JPJ dan kios e-Khidmat dengan mengemukakan:
 - i. MyKad/pasport asal.
 - ii. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm.
 - iii. Bayaran RM20 untuk 3 bulan atau RM40 untuk 6 bulan bagi kelas motosikal dan RM2 bagi kelas motosikal B2 tunggal.

4. PEMBAHARUAN LESEN BELAJAR MEMANDU

- a. Lesen belajar memandu boleh diperbaharui di pejabat JPJ, pejabat *Urban Transformation Centre* (UTC) JPJ, pejabat pos dan kios e-Khidmat dengan mengemukakan:
 - i. MyKad/pasport asal.
 - ii. Lesen belajar memandu asal.
 - iii. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm (pilihan).
 - iv. Bayaran RM20 untuk 3 bulan atau RM40 untuk 6 bulan bagi kelas motosikal dan RM2 bagi kelas motosikal B2 tunggal.
- b. Pemegang lesen belajar memandu tidak boleh memperbaharui lesen belajar memandu yang telah tamat tempoh melebihi 2 tahun. Pemohon hendaklah menduduki semula KPP01 dan Ujian Bahagian I sebelum layak memperolehi LDL. Seseorang calon hendaklah lulus Ujian Bahagian II dan III dalam tempoh 2 tahun tersebut.



INFO

- Mulai 16 Julai 2013, Kerajaan telah memperkenalkan lesen memandu bentuk baru. Lesen memandu yang terlibat ialah lesen memandu percubaan dan lesen memandu kompeten.
- Bagi lesen memandu bentuk baru yang dipohon di pejabat JPJ atau pejabat UTC JPJ, pemohon diberi pilihan sama ada membawa gambar warna sendiri (berukuran 25mm x 32mm dengan latar belakang putih), mengambil gambar di kaunter atau menggunakan gambar daripada MyKad.



1.10 LESEN MEMANDU PERCUBAAN

1. PENGELUARAN LESEN MEMANDU PERCUBAAN

- a. Lesen memandu percubaan dikeluarkan oleh JPJ kepada pemandu baru bagi tempoh selama 2 tahun bagi mengenakan beberapa batasan supaya pemandu baru diberi masa untuk memperolehi kemahiran dan pengalaman untuk menjadi pemandu kompeten.
- b. Jika pemegang lesen memandu percubaan membuat tambah kelas lesen memandu, kelas lesen memandu yang ditambah juga akan mengikut tempoh percubaan 2 tahun kelas lesen memandu yang pertama.

2. SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KEPADA PEMEGANG LESEN MEMANDU PERCUBAAN

- a. Pemegang lesen memandu percubaan diwajibkan untuk mematuhi beberapa syarat semasa memandu di jalan raya iaitu:
 - i. Membawa lesen memandu percubaan bersama-samanya.
 - ii. Memastikan kadar alkohol dalam nafas, darah dan air kencing adalah 0.00%.
 - iii. Mempamerkan tanda pengenalan 'P' di hadapan dan belakang kenderaan.
- b. Pemegang lesen memandu percubaan yang didapati melanggar mana-mana syarat tersebut di atas adalah melakukan kesalahan di bawah Kaedah 15A Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Lesen Memandu) 1992 dan boleh didakwa di bawah Seksyen 119 Akta Pengangkutan Jalan 1987. Jika disabitkan dengan kesalahan itu, bagi kesalahan pertama boleh didenda RM2000 atau 6 bulan penjara manakala bagi kesalahan kedua dan seterusnya didenda RM4000 atau 12 bulan penjara atau kedua-duanya.
- c. Pemegang lesen memandu percubaan juga akan dikenakan mata demerit sekiranya melakukan kesalahan terjadual lain di bawah sistem mata demerit KEJARA.
- d. Mana-mana pemegang lesen memandu percubaan yang telah mengumpul 20 mata demerit atau lebih akan mengakibatkan lesen memandu percubaannya dibatalkan oleh Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia.




- e. Sekiranya lesen memandu percubaan dibatalkan, seseorang itu dilarang memandu, memegang atau memohon apa-apa lesen (termasuk lesen belajar memandu) bagi tempoh 12 bulan dari tarikh penyerahan lesen memandu percubaan.
- f. Selepas tempoh larangan, seseorang itu hendaklah mengulangi semula proses latihan dan ujian sebelum dibenarkan untuk mendapatkan lesen memandu dan akan dikenakan tempoh percubaan sekali lagi.

3. PERMOHONAN LESEN MEMANDU PERCUBAAN

Permohonan lesen memandu percubaan boleh dipohon dengan mengemukakan:

- a. MyKad/pasport asal.
- b. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm berlatar belakang putih (pilihan) antaranya:
 - i. Gambar sendiri; atau
 - ii. Gambar dalam sistem JPJ; atau
 - iii. Ambil gambar di kaunter.
- c. Bayaran RM40 bagi lesen kelas motosikal dan RM2 bagi kelas motosikal B2 tunggal.



4. CARA-CARA MEMPAMERKAN TANDA PENGENALAN 'P'

Pemegang-pemegang lesen memandu percubaan kelas motosikal hendaklah mempamerkan tanda pengenalan 'P' di bahagian atas atau bawah lampu hadapan motosikal dan satu lagi di bahagian atas atau bawah plat nombor pendaftaran belakang motosikal seperti yang ditunjukkan di bawah:



1.11 LESEN MEMANDU KOMPETEN

1. PENGELUARAN LESEN MEMANDU KOMPETEN

- a. Apabila seseorang pemegang lesen memandu percubaan telah tamat tempoh percubaan 2 tahun, ia hendaklah memohon lesen memandu kompeten tidak melebihi 1 tahun dari tarikh tamat lesen memandu percubaan.
- b. Lesen memandu kompeten boleh dipohon bagi tempoh 1 hingga 5 tahun.
- c. Bagi permohonan untuk menukar lesen memandu percubaan kepada lesen memandu kompeten yang diterima dalam tempoh 7 hari sebelum tamat tempoh percubaan dan hendaklah dalam tempoh tidak melebihi 1 tahun.
- d. Pemegang lesen memandu kompeten yang disabitkan dengan kesalahan tertentu, lesen memandu kompetennya boleh dibatalkan oleh mahkamah (majistret/hakim) atau Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan Malaysia.



INFO

Mulai 20 November 2011, tarikh tamat lesen memandu kompeten diselaraskan mengikut tarikh lahir pemegang lesen.

2. PERMOHONAN LESEN MEMANDU KOMPETEN BAHARU

Permohonan untuk mendapatkan lesen memandu kompeten boleh dipohon di pejabat JPJ dan pejabat UTC JPJ dengan mengemukakan:

- a. MyKad/pasport asal.
- b. Lesen memandu percubaan asal.
- c. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm (pilihan).
- d. Bayaran RM20/tahun bagi kelas motosikal.

3. PEMBAHARUAN LESEN MEMANDU KOMPETEN

Lesen memandu kompeten boleh diperbaharui bagi tempoh 1 tahun hingga 5 tahun di pejabat JPJ, pejabat UTC JPJ, pejabat pos, pejabat Jabatan Pendaftaran Negara (MyKad sahaja), kios eKhidmat (kad lesen memandu sahaja) dan secara dalam talian (kad lesen memandu sahaja) dengan mengemukakan:

- a. MyKad/pasport asal.
- b. Lesen memandu kompeten asal.
- c. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm berlatar belakang putih (pilihan).
 - i. Gambar sendiri; atau
 - ii. Gambar dalam sistem JPJ; atau
 - iii. Ambil gambar di kaunter.
- d. Bayaran RM20/tahun bagi kelas motosikal.

1.12 LESEN VOKASIONAL

1. PERMOHONAN BARU UNTUK MENDAPATKAN LESEN VOKASIONAL

Semua permohonan baru untuk mendapatkan lesen vokasional hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- a. Memenuhi syarat kelayakan umur yang ditetapkan.
- b. Memiliki lesen CDL atau PDL (bagi kelas C sahaja).
- c. Telah lulus pemeriksaan kesihatan sebagaimana disyaratkan.
- d. Telah menghadiri kelas teori dan latihan praktikal sebagaimana disyaratkan.
- e. Lulus ujian teori dan praktikal sebagaimana disyaratkan.



2. UJIAN TEORI

- a. Ujian teori terbahagi kepada empat kategori seperti berikut:
 - i. Lesen Kenderaan Barangan (GDL) termasuk motosikal.
 - ii. Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) bas termasuk bas mini/van.
 - iii. Lesen Kenderaan Perkhidmatan Awam (PSV) teksi/kereta sewa teksi mewah/E-Hailing.
 - iv. Lesen Konduktor.
- b. Pemohon lesen seperti di perkara (i) dan (ii) perlu lulus ujian teori memperoleh sekurang-kurangnya 84 peratus (42 daripada 50 soalan).
- c. Pemohon lesen seperti di perkara (iii) perlu lulus ujian teori memperoleh sekurang-kurangnya 80 peratus (48 daripada 60 soalan).
- d. Bagi pemohon lesen konduktor pula seperti di perkara (iv) adalah lulus ujian teori sekiranya memperoleh sekurang-kurangnya 84 peratus (32 daripada 40 soalan).
- e. Masa yang diperuntukkan adalah selama 60 minit bagi perkara (i) hingga (iii) dan selama 45 minit bagi perkara (iv).
- f. Keputusan ujian teori dikeluarkan dengan menggunakan sijil lulus ujian JPJL12.
- g. Bagi calon-calon yang lulus ujian teori boleh dibenarkan mengambil ujian praktikal setelah memenuhi syarat yang ditetapkan.
- h. Manakala calon-calon yang gagal ujian teori pula boleh memohon untuk menduduki semula ujian tersebut sekurang-kurangnya 1 minggu daripada tarikh gagal ujian.

3. UJIAN PRAKTIKAL

- a. Tidak seperti Ujian Bahagian II dan III, semua elemen ujian praktikal bagi lesen vokasional dirangkumkan menjadi satu.
- b. Calon-calon akan dinilai berdasarkan kepada kemahirannya memandu pada semua peringkat dan penentuan lulus atau gagalannya seseorang calon itu adalah bergantung kepada prestasi pemanduannya secara menyeluruh.
- c. Ujian praktikal bagi lesen vokasional hanya boleh dilaksanakan selepas lulus ujian teori.
- d. Ujian praktikal bagi lesen vokasional hanya diwajibkan bagi kategori seperti berikut:
 - i. GDL (Motokar Berat Bersendi)
 - ii. PSV (Bas)



- e. Bagi lesen vokasional seperti kategori berikut adalah dikecualikan daripada ujian praktikal:
- GDL (Motokar Berat Kejur)
 - GDL (Motokar Ringan)
 - GDL (Motosikal)
 - PSV (Teksi/Kereta Sewa/Teksi Mewah/E-Hailing)
 - PSV (Motokar Ringan – Bas Mini/Van)
 - Konduktor

4. JUMLAH JAM LATIHAN

Semua pemohon hendaklah menghadiri kelas teori dan praktikal selama tempoh yang ditetapkan seperti berikut:

Kelas Lesen	Kelas Teori	Latihan Praktikal	Jumlah Jam
GDL (Motokar Berat Bersendi)	7	8	15
GDL (Motokar Berat Kejur)	7	-	7
GDL (Motokar Ringan)	7	-	7
GDL (Motosikal)	7	-	7
PSV (Bas)	7	8	15
PSV (Teksi/Kereta Sewa/ Teksi Mewah/E-Hailing)	6	-	6
PSV (Motokar Ringan - Bas Mini/Van)	7	-	7
Konduktor	6	-	6



INFO

Mulai 15 Mac 2013, lesen vokasional yang sebelum ini dikeluarkan dalam 3 kad iaitu kategori PSV, GDL dan Konduktor dengan bayaran RM20 setiap satu kad telah digabungkan kepada satu kad baru lesen vokasional sahaja serta bayaran yang dikenakan sebanyak RM20 setahun sahaja.

Mulai 15 Mac 2013, tarikh tamat lesen vokasional juga diselaraskan mengikut tarikh lahir pemegang lesen.



1.13 LESEN MEMANDU TAMAT TEMPOH

Mengikut Seksyen 29, Akta Pengangkutan Jalan 1987, lesen memandu yang tamat tempoh dan gagal diperbaharui dalam tempoh yang ditetapkan adalah terbatal secara automatik seperti berikut:

1. Lesen memandu percubaan tamat tempoh melebihi 1 tahun.
2. Lesen memandu kompeten tamat tempoh melebihi 3 tahun.
3. Lesen vokasional tamat tempoh melebihi 3 tahun.

1.14 PEMEGANG LESEN MEMANDU NEGARA ASING DI MALAYSIA

1. Terdapat beberapa cara yang boleh digunakan oleh pemegang lesen memandu negara asing untuk memandu di Malaysia. Antaranya ialah:
 - a. Mengguna pakai lesen memandu negara asing yang telah diiktiraf di bawah peruntukan Seksyen 28 Akta Pengangkutan Jalan 1987.
 - b. Pertukaran lesen memandu negara asing kepada lesen memandu Malaysia.
2. Pengiktirafan Lesen Memandu Negara Asing
 - a. Seksyen 28 Akta Pengangkutan Jalan 1987, menjelaskan bahawa:

“Sesuatu lesen memandu yang dikeluarkan di bawah peruntukan yang bersamaan dengan mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di mana-mana negara yang menjadi pihak dalam sesuatu triti yang mana Malaysia juga menjadi pihak dan berupa sebagai mengiktiraf lesen-lesen memandu domestik yang dikeluarkan oleh negara pejanji hendaklah, selagi lesen tersebut masih berkuat kuasa di negara itu, disifatkan sebagai lesen memandu yang diberikan di bawah Bahagian ini.”
 - b. Selaras dengan Seksyen 28 tersebut di atas, pemegang lesen memandu negara asing boleh memandu di Malaysia selagi lesen memandu domestik negara asing tersebut masih sah tempoh berkuat kuasanya dengan membawa bersama terjemahan dalam Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris (jika lesen memandu dalam bahasa selain Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris) yang telah disahkan oleh kedutaan negara asing asal lesen memandu tersebut di Malaysia atau pihak pengeluar lesen memandu berkenaan. Dalam hubungan ini, seseorang warganegara asing tidak disyaratkan untuk memegang lesen memandu Malaysia untuk memandu di Malaysia.



- c. Lesen memandu negara asing yang boleh diterima untuk memandu di Malaysia adalah berpandukan kepada senarai negara di bawah:
 - i. *Convention on Road Traffic Geneva 1949.*
 - ii. *Agreement on the Recognition of Domestic Driving License issued by ASEAN Countries 1985.*
 - iii. Perjanjian dua hala di antara Malaysia dan Negara Luar.
3. Senarai negara asing yang diiktiraf dan boleh memandu di Malaysia tertakluk di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. (Senarai negara ini boleh berubah dari semasa ke semasa)

Albania	Greece	Philippines
Algeria	Guatemala	Poland
Argentina	Haiti	Portugal
Australia	Holy See	Republic of Korea
Austria	Hungary	Romania
Bangladesh	Iceland	Russian Federation
Barbados	India	Rwanda
Belgium	Ireland	San Marino
Benin	Italy	Senegal
Botswana	Jamaica	Serbia
Brazil	Japan	Sierra Leone
Brunei Darussalam	Jordan	Singapore
Bulgaria	Kyrgyzstan	Slovakia
Burkina Faso	Laos	Slovenia
Cambodia	Lebanon	South Africa
Canada	Lesotho	Spain
Central African Rep.	Liechtenstein	Sri Lanka
Chile	Luxembourg	Sweden
Congo	Madagascar	Switzerland
Cote D'Ivoire	Malawi	Syria
Croatia	Malaysia	Thailand



Cuba	Mali	Togo
Cyprus	Malta	Trinidad and Tobago
Czech Republic	Monaco	Tunisia
Democratic Republic of the Congo	Montenegro	Turkey
Denmark	Morocco	Uganda
Dominican Republic	Namibia	United Arab Emirates
Ecuador	Netherlands	United Kingdom
Egypt	New Zealand	USA
Fiji	Niger	Uruguay
Finland	Norway	Venezuela
France	Papua New Guinea	Vietnam
Georgia	Paraguay	Zimbabwe
Ghana	Peru	

1.15 PERUNTUKAN KHAS LESEN MEMANDU SINGAPURA

1. Berdasarkan Seksyen 27(6) Akta Pengangkutan Jalan 1987, hanya satu lesen memandu sahaja sama ada lesen memandu Malaysia atau Singapura boleh dipegang pada satu-satu masa oleh warganegara Malaysia atau Singapura.
2. Pemegang lesen memandu Singapura tidak perlu menukar lesen memandu tersebut kepada lesen memandu Malaysia untuk memandu di Malaysia dengan syarat lesen memandu tersebut masih sah berkuat kuasa.
3. Semasa memegang lesen memandu Singapura, pemegang lesen berkenaan boleh memandu kenderaan di Malaysia sama ada kenderaan itu didaftar di Malaysia atau Singapura.
4. Walau bagaimanapun, pertukaran lesen memandu Singapura kepada lesen memandu Malaysia adalah dibenarkan bagi kelas yang sama taraf dengannya. Untuk itu, lesen memandu Singapura yang ditukar kepada lesen memandu Malaysia akan ditebuk (*invalidate*) sebelum lesen memandu tersebut diserahkan semula kepada pemohon.
5. Pertukaran lesen memandu Singapura kepada lesen memandu Malaysia boleh diterima terus bagi kelas-kelas yang sama taraf dengan kelas-kelas lesen memandu Malaysia. Ini bermakna pertukaran tidak dihadkan kepada kelas B dan D sahaja.



6. Permohonan hendaklah dipohon di pejabat JPJ dengan mengemukakan:
 - a. Lesen memandu Singapura — Untuk semakan dan ditebuk (*invalidate*) sebelum diserahkan semula.
 - b. 1 salinan fotostat lesen memandu Singapura.
 - c. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm.
 - d. Pengesahan lesen memandu Singapura daripada pihak berkuasa Singapura yang masih sah dalam tempoh 1 tahun.

1.16 PERMIT MEMANDU ANTARABANGSA

1. Pemegang Permit Memandu Antarabangsa atau *International Driving Permit* (IDP) dari negara-negara yang mempunyai perjanjian dua hala dengan Malaysia dan negara-negara yang tersenarai dalam *Convention on Road Traffic Geneva 1949* boleh menggunakan IDP bagi memandu di Malaysia selagi IDP tersebut masih berkuat kuasa.
2. Bagi pemegang-pemegang lesen memandu memandu kompeten Malaysia yang ingin memandu di negara luar adalah dinasihatkan untuk mendapatkan pengesahan dengan pihak berkuasa negara luar tersebut sebelum memohon IPD di mana-mana Pejabat JPJ Negeri yang berdekatan. Lesen memandu kompeten hendaklah masih berkuat kuasa sekurang-kurangnya 1 tahun.
3. Permohonan IDP hendaklah dipohon dengan mengemukakan:
 - a. MyKad/pasport asal dan salinan fotostat lesen CDL yang berkuatkuasa mesti melebihi 1 tahun.
 - b. 1 keping gambar warna berukuran 25mm x 32mm.
 - c. Bayaran RM150 untuk 1 tahun.

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU

**KPP01 :
TEORI PENUNGGANGAN
SELAMAT**



MOTOSIKAL

BAB 1

TANDA ISYARAT LALU LINTAS DAN KOD LEBUH RAYA

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengaplikasi undang-undang dalam pelbagai situasi di jalan raya.
2. Menerangkan kepentingan kod lalu lintas.









1. Tanda Isyarat

Semua pemandu hendaklah sentiasa mematuhi tanda-tanda isyarat dan peraturan-peraturan jalan raya yang ditetapkan untuk memastikan keselamatan terjamin. Oleh itu amat penting untuk mempelajari dan memahami makna setiap tanda-tanda isyarat lalu lintas yang digunakan di jalan raya sepertimana yang dikategorikan mengikut jadual di bawah Kaedah 5, Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan 1959.

- a. Fungsi isyarat lalu lintas adalah untuk menyampaikan maklumat kepada pengguna jalan raya dengan jelas dan boleh:
 - i. Dilihat
 - ii. Difahami
 - iii. Mengambil tindakan sepatutnya
- b. Tanda-tanda dan isyarat ini dipasang untuk:
 - i. Mengatur pergerakan lalu lintas
 - ii. Memberi peringatan dan memberitahu pengguna jalan raya tentang bahaya atau maklumat
- c. Tanda-tanda dan isyarat ini mesti sentiasa dipatuhi walaupun tiada bahaya yang kelihatan di hadapan. Sebagai pemandu berhemah, jangan pandang ringan terhadap tanda-tanda dan isyarat ini.



Mengenali dan mematuhi isyarat lalu lintas adalah satu praktis yang sangat penting. Bentuk dan warna papan tanda isyarat secara amnya adalah seperti berikut:

	a. Isyarat Bahaya bentuk empat segi (diamond) berwarna kuning dan hitam.
	b. Isyarat Larangan bentuk bulat berwarna merah dan putih.
	c. Isyarat Mandatori bentuk bulat berwarna biru.
	d. Isyarat Maklumat bentuk empat segi berwarna biru dan hijau.
	e. Isyarat Sementara bentuk empat segi (diamond) berwarna jingga dan hitam.
	f. Lampu isyarat trafik.
	g. Garisan dan lain-lain tanda di permukaan jalan.
	h. Anak panah di permukaan jalan.



- d. Sekiranya terdapat pengguna jalan raya lain tidak mematuhi tanda-tanda dan isyarat ini, jangan jadikan ia sebagai alasan untuk melakukan perkara yang sama. Ia bukan sahaja membahayakan diri dan orang lain, tetapi memberi contoh yang tidak baik terutamanya kepada kanak-kanak.

1.1 TANDA ISYARAT LALU LINTAS BAHAYA DAN KEPENTINGANNYA

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
1.		JALAN TIDAK RATA <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Tukarkan atau rendahkan gear dan teruskan perjalanan. <p><i>Motosikal akan hilang kawalan dan boleh terjatuh.</i></p>
2.		SELEKOH BAHAYA <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Dilarang memotong.• Pandu dengan berhati-hati. <p><i>Tayar akan hilang cengkaman jika ditungguang terlalu laju.</i></p>
3.		PERSIMPANGAN JALAN / SIMPANG EMPAT <ul style="list-style-type: none">• Berhenti di setiap simpang empat.• Perhatikan kenderaan di sebelah kanan dan hadapan.• Beri laluan kepada kenderaan dari sebelah kanan. <p><i>Motosikal akan bertembung kenderaan dari arah lain jika tidak berhati-hati di persimpangan.</i></p>
4.		LINTASAN KERETAPI BERPAGAR <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan ketika menghampiri tanda ini.• Berhenti dan tunggu sehingga pintu dibuka.• Pandu dengan berhati-hati. <p><i>Motosikal akan melanggar pagar jika anda menungguang terlalu laju.</i></p>






Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
5.		<p>LINTASAN KERETAPI BERPAGAR AUTOMATIK</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan ketika menghampiri tanda ini. • Berhenti dan tunggu sehingga pintu dibuka. • Selepas pintu dibuka pandulah dengan berhati-hati. <p><i>Awas dengan pagar yang dikawal secara automatik.</i></p>
6.		<p>LINTASAN KERETAPI TIDAK BERPAGAR</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan ketika menghampiri tanda ini. • Berhenti dan tentukan tiada keretapi sebelum meneruskan perjalanan. <p><i>Motosikal akan dirempuh keretapi jika anda tidak berhati-hati ketika melintas.</i></p>
7.		<p>MENURUNI BUKIT CURAM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan apabila melihat tanda ini. • Gunakan gear rendah. • Dilarang memotong. • Tidak boleh pusing balik. <p><i>Kelajuan yang tinggi membuatkan motosikal sukar dikawal di kawasan curam.</i></p>
8.		<p>MENDAKI BUKIT CURAM</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pandulah dengan berhati-hati. • Gunakan gear rendah. • Dilarang memotong. • Tidak boleh pusing balik. <p><i>Risiko terlibat dalam kemalangan adalah sangat tinggi jika anda memotong di kawasan mendaki.</i></p>
9.		<p>JALAN SEMPIT DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan. • Beri laluan kepada kenderaan dari hadapan. <p><i>Motosikal akan bergesel jika tidak berhati-hati.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
10.		<p>JALAN BENGKANG-BENGGOK</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan. • Dilarang memotong. • Pandulah dengan berhati-hati. <p><i>Penglihatan anda terbatas dan tidak mampu melihat kenderaan dari arah hadapan.</i></p>
11.		<p>BAHU JALAN LEMBUT</p> <ul style="list-style-type: none"> • Pandu dengan berhati-hati. • Berhati-hati sebelum memotong. • Awas tepi jalan lembut. <p><i>Motosikal akan tergelincir jika melewatinya.</i></p>
12.		<p>JALAN LICIN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan. • Pandu dengan berhati-hati. • Berbahaya ketika memotong. • Memerlukan jarak yang selamat untuk berhenti. <p><i>Cengkaman tayar akan hilang dan menyebabkan motosikal anda terjatuh.</i></p>
13.		<p>LINTASAN PEJALAN KAKI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan ketika melihat tanda ini. • Berhenti sekiranya ada orang melintas dan pandu dengan berhati-hati. • Tidak boleh membunyikan hon. <p><i>Utamakan pejalan kaki dengan memberi laluan untuk melintas.</i></p>
14.		<p>KAWASAN KANAK-KANAK MELINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan di kawasan ini. • Patuhi arahan pegawai lalu lintas. • Beri laluan kepada orang melintas dan pandu berhati-hati. • Tidak boleh membunyikan hon. <p><i>Berhati-hati dengan kanak-kanak yang melintas jalan tanpa berfikir.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
15.		BAHAYA-BAHAYA LAIN <ul style="list-style-type: none">Pandu dengan berhati-hati kerana kemungkinan ada bahaya tertentu di hadapan. <p><i>Tanda awal tentang bahaya-bahaya tertentu di hadapan.</i></p>
16.		AWAS <ul style="list-style-type: none">Pandu dengan berhati-hati kerana kemungkinan ada bahaya-bahaya tertentu. <p><i>Tanda awal tentang pelbagai kemungkinan di hadapan.</i></p>
17.		ISYARAT BERHENTI DI HADAPAN <ul style="list-style-type: none">Perlahankan kenderaan apabila menghampiri tanda ini.Berhenti dan tentukan keadaan selamat barulah teruskan perjalanan. <p><i>Anda mungkin akan dilanggar jika tidak berhenti.</i></p>
18.		ISYARAT BERI LALUAN DI HADAPAN <ul style="list-style-type: none">Perlahankan kenderaan anda.Bersedia untuk berhenti kerana di hadapan ada isyarat beri laluan. <p><i>Persimpangan yang memerlukan anda membuat pilihan ketika menunggang.</i></p>
19.		LIKU KE KIRI <ul style="list-style-type: none">Ikut arahan anak panah untuk membelok ke kiri sahaja. <p><i>Selekoh yang memerlukan anda sentiasa berhati-hati.</i></p>
20.		LIKU KE KANAN <ul style="list-style-type: none">Ikut arahan anak panah untuk membelok ke kanan sahaja. <p><i>Selekoh yang memerlukan anda sentiasa berhati-hati.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
21.		<p>JALAN SEMAKIN SEMPIT DI SEBELAH KIRI</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan apabila melihat tanda ini.• Beri laluan kepada kenderaan dari sebelah kanan hadapan.• Dilarang memotong. <p><i>Keadaan laluan yang memerlukan anda berhati-hati dari bergesel.</i></p>
22.		<p>JALAN SEMAKIN SEMPIT DI SEBELAH KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan apabila melihat tanda ini.• Beri laluan kepada kenderaan dari sebelah kiri hadapan.• Dilarang memotong. <p><i>Keadaan laluan yang memerlukan anda berhati-hati dari bergesel.</i></p>
23.		<p>LAMPU ISYARAT DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Pandu dengan berhati-hati.• Patuhi lampu isyarat. Merah – berhenti. Kuning – bersedia untuk berhenti. Hijau – jalan jika keadaan selamat. <p><i>Anda berkemungkinan dilanggar jika mengingkari arahan lampu isyarat.</i></p>
24.		<p>HALANGAN DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Awas! Halangan di hadapan.• Perlahankan kenderaan. <p><i>Halangan boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan.</i></p>
25.		<p>TANDA HALANGAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Pandu dengan berhati-hati melalui tanda halangan.• Pastikan jalan selamat sebelum meneruskan perjalanan. <p><i>Amaran awal tentang halangan yang terdapat di kawasan yang akan dilalui.</i></p>










Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
26.		<p>PERSIMPANGAN KIRI DAN KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri isyarat ketika membelok.• Rapatkan kenderaan ke arah yang dikehendaki. <p><i>Bersedia memulakan langkah menentukan haluan.</i></p>
27.		<p>JALAN KECIL BERCANTUM DI SEBELAH KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri isyarat jika berhasrat untuk membelok ke kanan.• Beri laluan kepada kenderaan dari hadapan. <p><i>Anda mungkin melanggar kenderaan dari sebelah kanan jika tidak berhati-hati.</i></p>
28.		<p>JALAN KECIL BERCANTUM DI SEBELAH KIRI</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri isyarat ketika membelok ke kiri.• Belok ke kiri jika keadaan selamat. <p><i>Anda mungkin melanggar kenderaan dari sebelah kiri jika tidak berhati-hati.</i></p>
29.		<p>JALAN MENYIMPANG DI SEBELAH KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri isyarat jika berhasrat untuk membelok ke kanan.• Beri laluan kepada kenderaan dari hadapan. <p><i>Membuat keputusan lebih awal untuk membelok ke kanan.</i></p>
30.		<p>JALAN MENYIMPANG DI SEBELAH KIRI</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri isyarat jika berhasrat untuk membelok ke sebelah kiri. <p><i>Beri laluan kepada kenderaan dari hadapan. Membuat keputusan lebih awal untuk membelok ke kanan.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
31.		<p>SIMPANG KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Beri isyarat sebelum membelok ke kanan.• Beri laluan kepada kenderaan dari hadapan.• Pandu kenderaan ke tengah jalan kemudian belok ke kanan. <p><i>Anda akan mengelirukan pengguna dari arah bertentangan jika tidak menggunakan lampu isyarat.</i></p>
32.		<p>SIMPANG KIRI</p> <ul style="list-style-type: none">• Beri isyarat sebelum membelok ke kiri.• Rapatkan kenderaan di sebelah kiri.• Belok ke kiri dan teruskan perjalanan. <p><i>Anda akan mengelirukan pengguna dari arah belakang jika tidak menggunakan isyarat.</i></p>
33.		<p>SIMPANG TIGA DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Beri isyarat sebelum membelok ke kiri atau ke kanan.• Berhenti apabila tiba di persimpangan.• Jika tiada kenderaan, teruskan perjalanan. <p><i>Memberi isyarat lebih awal untuk mengelak dilanggar kenderaan dari arah belakang.</i></p>
34.		<p>LORONG MENDAKI (Dua Lorong)</p> <ul style="list-style-type: none">• Kenderaan berat hendaklah berada di lorong sebelah kiri.• Kenderaan yang hendak memotong gunakan lorong sebelah kanan.• Berhati-hati apabila mendaki. <p><i>Menggunakan laluan memotong dengan betul.</i></p>
35.		<p>LORONG MENDAKI (Satu Lorong)</p> <ul style="list-style-type: none">• Kenderaan berat yang dipandu perlahan hendaklah menggunakan lorong di sebelah kiri.• Kenderaan yang hendak memotong hendaklah menggunakan lorong di sebelah kanan.• Berhati-hati terhadap kenderaan yang dipotong dan kenderaan yang datang dari hadapan. <p><i>Menggunakan laluan memotong dengan betul dan lebih berhati-hati.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
36.		<p>BATU / TANAH RUNTUH</p> <ul style="list-style-type: none"> Berhati-hati apabila melalui kawasan ini. Pastikan keadaan jalan selamat sebelum meneruskan perjalanan. <p><i>Perlu lebih berwaspada ketika melalui kawasan geografi yang tidak stabil.</i></p>
37.		<p>BULATAN DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pastikan kedudukan kenderaan di lorong yang betul ketika melihat tanda ini. Beri laluan kepada kenderaan dari sebelah kanan. Perlahankan kenderaan, beri isyarat yang betul dan teruskan perjalanan sekiranya keadaan selamat. <p><i>Melancarkan aliran trafik dari kesemua arah dengan menggantikan fungsi lampu isyarat trafik.</i></p>
38.	 	<p>LEMBU MELINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan. Bersedia memberhentikan kenderaan apabila mendapati binatang melintas. <p><i>Berhati-hati dengan binatang yang melintas jalan.</i></p>
39.		<p>ORANG BUTA MELINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahan dan berhentikan kenderaan sekiranya ada orang buta melintas. <p><i>Bertimbang rasa dengan memberi laluan kepada orang buta.</i></p>
40.		<p>LINTASAN UNTUK ORANG CACAT</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan dan berhentikan kenderaan sekiranya ada orang cacat melintas. <p><i>Bertimbang rasa dengan memberi laluan kepada orang cacat.</i></p>
41.		<p>PEMBAHAGI LEBUH RAYA / JALAN TAMAT</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda akan melepasi pembahagi jalan lebuhraya. Perhatikan kenderaan yang datang dari arah hadapan. <p><i>Berhati-hati dengan kenderaan di laluan tersebut terutama dari arah hadapan.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
42.		PEMBAHAGI LEBUH RAYA / JALAN DI HADAPAN <ul style="list-style-type: none">• Anda akan menempuh pembahagi jalan lebuhraya.• Berhati-hati dan lihatlah pembahagi jalan tersebut dari arah kenderaan di hadapan anda. <p><i>Berhati-hati agar tidak terlanggar pembahagi jalan.</i></p>
43.		JALAN BERCABANG (DOUBLE ARROW SIGN) <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri laluan kepada kenderaan di hadapan.• Ikut lorong yang betul. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana terdapat kenderaan di hadapan.</i></p>
44.		LALU LINTAS DUA HALA <ul style="list-style-type: none">• Berhati-hati ketika memandu, pastikan keadaan lalu lintas selamat sebelum memotong. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana terdapat kenderaan dari arah hadapan.</i></p>
45.		JAMBATAN SEMPIT DI HADAPAN <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan, beri laluan kepada kenderaan di hadapan. <p><i>Memberi peringatan agar berhati-hati ketika memasuki laluan jambatan untuk mengelak berlaku pergeselan terutama dengan kenderaan besar seperti lori.</i></p>
46.		TANDA ARAH SELEKOH KE KANAN <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan anda apabila menghampiri selekoh.• Perhatikan arah selekoh. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana terdapat selekoh ke arah kanan.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
47.		<p>TANDA ARAH SELEKOH KE KIRI</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan anda apabila menghampiri selekoh.• Perhatikan arah selekoh. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana terdapat selekoh ke arah kiri.</i></p>
48.		<p>KAWASAN SEKOLAH DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan dan patuhi had laju yang dibenarkan.• Tidak boleh membunyikan hon. <p><i>Memberi peringatan agar berhati-hati kerana kawasan ini terdapat pelajar-pelajar sekolah.</i></p>
49.		<p>PERSIMPANGAN KIRI DAN KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri isyarat semasa hendak membelok ke kiri atau ke kanan.• Rapatkan kenderaan ke arah yang hendak dituju. <p><i>Kawasan yang mempunyai tempat pertemuan kenderaan dari dua arah.</i></p>
50.		<p>BINANG LIAR MELINTAS</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Bersedia untuk berhenti apabila binatang liar melintas. <p><i>Kawasan yang berisiko kerana terdapat binatang melintas jalan.</i></p>
51.		<p>STESEN JAMBATAN TIMBANG</p> <ul style="list-style-type: none">• Semua kenderaan berat mesti mematuhi isyarat kebenaran melalui jambatan ini. <p><i>Tempat keluar masuk anggota dan kenderaan penguatkuasa.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
52.		<p>BONGGOL DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Pandu dengan berhati-hati. <p><i>Suatu kaedah penenangan trafik di kawasan yang mempunyai penempatan awam dan kesibukan lalu lintas.</i></p>
53.		<p>PERSIMPANGAN KIRI DAN KANAN DENGAN SATU JALAN DITUTUP</p> <ul style="list-style-type: none">• Di hadapan anda ada persimpangan.• Pastikan jalan mana yang tidak dibenarkan masuk.• Masuk ke jalan yang dibenarkan sahaja. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana terdapat salah satu simpang yang tidak boleh dilalui.</i></p>
54.		<p>PADANG PERMAINAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Bersedia untuk berhenti apabila mendapati sesuatu di atas jalan. <p><i>Untuk mengelak melanggar objek atau barangan permainan yang terjatuh di atas jalan yang boleh mengakibatkan anda terjatuh.</i></p>
55.		<p>ANGIN LINTANG</p> <ul style="list-style-type: none">• Pandu dengan berhati-hati.• Bersedia untuk berhenti apabila angin terlalu kencang. <p><i>Sentiasa bersedia mengawal motosikal anda dari hilang kawalan sekiranya dilanda tiupan angin lintang yang kencang.</i></p>
56.		<p>TANDA ARAH KIRI DAN KANAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Di hadapan ada isyarat arah ke kiri dan ke kanan.• Berhati-hati apabila menghampiri simpang.• Tentukan arah tujuan anda. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana terdapat tanda arah ke kiri dan kanan.</i></p>



1.2 TANDA ISYARAT LALU LINTAS LARANGAN DAN KEPENTINGANNYA

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
1.		<p>KENDERAAN DILARANG MASUK</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua kenderaan tidak dibenarkan masuk ke kawasan ini. <p><i>Memberi peringatan laluan tersebut sehala atau tempat perhimpunan orang ramai atau sesuatu acara sedang dijalankan.</i></p>
2.		<p>DILARANG MEMBELOK KE KIRI</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua kenderaan tidak dibenarkan membelok ke kiri. <p><i>Untuk mengelak dari dilanggar kenderaan yang datang dari arah kiri.</i></p>
3.		<p>DILARANG MEMBELOK KE KANAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua kenderaan tidak dibenarkan membelok ke kanan. <p><i>Untuk mengelak dari dilanggar kenderaan yang datang dari arah kanan.</i></p>
4.		<p>DILARANG BERPUSING BALIK</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua kenderaan tidak dibenarkan berpusing balik. <p><i>Memberi peringatan laluan tersebut berisiko tinggi yang berkemungkinan anda akan dilanggar kenderaan dari belakang atau hadapan.</i></p>
5.		<p>KENDERAAN BERAT MELEBIHI HAD BERAT DILARANG MASUK</p> <ul style="list-style-type: none"> Semua kenderaan yang melebihi had berat yang ditetapkan tidak dibenarkan masuk. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana laluan jalan tersebut agak sempit.</i></p>
6.		<p>KERETA LEMBU, BASIKAL, BECA DAN BASIKAL RODA TIGA TIDAK BOLEH MASUK</p> <ul style="list-style-type: none"> Kenderaan-kenderaan seperti yang dinyatakan tidak dibenarkan menggunakan jalan yang mempunyai tanda ini. <p><i>Laluan tersebut berisiko tinggi untuk kenderaan yang berkelajuan rendah kerana akan memperlambatkan pergerakan lalu lintas dan menimbulkan kesesakan.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
7.		<p>KENDERAAN MELEBIHI HAD KETINGGIAN YANG DITETAPKAN DILARANG MASUK</p> <ul style="list-style-type: none">• Kenderaan yang tingginya lebih daripada yang dihadkan mengikut isyarat ini tidak dibenarkan masuk. (Contoh: 4.5 meter) <p><i>Laluan tersebut terdapat halangan seperti jejambat atau palang dengan had ketinggian tertentu.</i></p>
8.		<p>HAD LAJU</p> <ul style="list-style-type: none">• Semua kenderaan tidak dibenarkan melebihi had laju yang ditetapkan. <p><i>Laluan tersebut adalah kawasan sekolah atau keadaan jalan yang tidak rata yang memungkinkan akan berlaku kemalangan jika anda menunggang dengan laju.</i></p>
9.		<p>HAD LAJU BERAKHIR</p> <ul style="list-style-type: none">• Apabila melihat tanda ini pemandu boleh menambahkan had laju. <p><i>Membolehkan anda menambah kelajuan yang sesuai.</i></p>
10.		<p>BERHENTI DI PERSIMPANGAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Semua kenderaan dikehendaki berhenti apabila melihat tanda ini.• Berhenti, pandang ke kiri dan kanan.• Apabila tiada kenderaan yang lain, teruskan perjalanan. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari arah yang berbeza.</i></p>
11.		<p>DILARANG MELETAK KENDERAAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Semua pemandu tidak dibenarkan meletak kenderaan di tempat yang diletakkan tanda ini. <p><i>Kawasan tersebut adalah laluan jalan raya utama.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
12.		<p>DILARANG BERHENTI</p> <ul style="list-style-type: none">• Semua kenderaan tidak dibenarkan berhenti di kawasan yang mempunyai tanda ini. <p><i>Kawasan tersebut adalah laluan utama yang akan menyebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas atau risiko dilanggar sekiranya anda berhenti.</i></p>
13.	 	<p>BERI LALUAN</p> <ul style="list-style-type: none">• Perlahankan kenderaan.• Beri laluan kepada kenderaan yang datang dari arah kanan. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari arah hadapan.</i></p>
14.	 	<p>DILARANG MEMOTONG</p> <ul style="list-style-type: none">• Apabila melalui kawasan bertanda di atas patuhilah arahan dilarang memotong. <p><i>Laluan tersebut agak sempit, berbukit atau berselekoh yang menghadkan penglihatan anda yang memungkinkan berlakunya pelanggaran dengan kenderaan di hadapan sekiranya anda memotong.</i></p>
15.		<p>MOTOSIKAL DILARANG MASUK</p> <ul style="list-style-type: none">• Kenderaan seperti motosikal dilarang masuk. <p><i>Memberi peringatan kepada anda laluan tersebut berisiko tinggi yang biasanya menjadi laluan utama bagi kenderaan lebih besar seperti lori dan kereta.</i></p>
16.		<p>KENDERAAN MELEBIHI HAD LEBAR DILARANG MASUK</p> <ul style="list-style-type: none">• Kenderaan yang melebihi had lebarnya dilarang masuk sama sekali. (Contoh: 2.5 meter) <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana laluan jalan tersebut agak sempit.</i></p>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
17.		KENDERAAN BERAT IKUT KIRI <ul style="list-style-type: none">Kenderaan berat seperti lori dan bas disaran tidak menggunakan laluan sebelah kanan. <i>Laluan berbukit yang memungkinkan kenderaan berat bergerak perlahan di sebelah kiri jalan.</i>
18.		KENDERAAN BERAT DILARANG MEMOTONG <ul style="list-style-type: none">Kenderaan berat seperti lori dan bas dilarang memotong. <i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati dengan kenderaan berat seperti lori dan bas di laluan.</i>

1.3 TANDA ISYARAT LALU LINTAS MANDATORI DAN KEPENTINGANNYA

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
1.		JALAN TERUS ATAU KE KANAN SAHAJA <ul style="list-style-type: none">Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah.Jika berhasrat membelok ke kanan, perlahankan kenderaan, beri isyarat dan belok ke kanan. <i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati untuk mengelak dilanggar kenderaan lain dari belakang dan hadapan.</i>
2.		JALAN TERUS ATAU KE KIRI SAHAJA <ul style="list-style-type: none">Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah.Jika berhasrat membelok ke kiri, perlahankan kenderaan, beri isyarat dan belok ke kiri. <i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati untuk mengelak dilanggar kenderaan lain dari belakang dan hadapan.</i>
3.		IKUT ARAH PANAH (KE HADAPAN) <ul style="list-style-type: none">Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah. <i>Memberi peringatan anda hanya dibenarkan mengikut arah ke depan sahaja untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari belakang dan depan.</i>



Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
4.		BELOK KE KANAN SAHAJA <ul style="list-style-type: none">• Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah. <i>Memberi peringatan anda hanya dibenarkan mengikut arah ke kanan sahaja untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari belakang dan depan.</i>
5.		BELOK KE KIRI SAHAJA <ul style="list-style-type: none">• Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah. <i>Memberi peringatan anda hanya dibenarkan mengikut arah ke kiri sahaja untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari belakang dan depan.</i>
6.		IKUT ARAH ANAK PANAHE KE KANAN <ul style="list-style-type: none">• Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah. <i>Memberi peringatan anda hanya dibenarkan mengikut arah ke kanan sahaja untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari belakang dan depan.</i>
7.		IKUT ARAH ANAK PANAHE KE KIRI <ul style="list-style-type: none">• Pandu kenderaan mengikut isyarat anak panah. <i>Memberi peringatan anda hanya dibenarkan mengikut arah ke kiri sahaja untuk mengelak dari dilanggar kenderaan dari belakang dan depan.</i>
8.		LORONG BASIKAL SAHAJA <ul style="list-style-type: none">• Lorong yang disediakan untuk pengguna basikal sahaja.• Kenderaan lain selain daripada basikal dilarang menggunakan lorong ini. <i>Memberi peringatan anda dilarang menggunakan lorong basikal.</i>
9.		LORONG BASIKAL TIGA RODA <ul style="list-style-type: none">• Lorong yang disediakan untuk pengguna basikal tiga roda sahaja.• Kenderaan lain selain daripada basikal tiga roda dilarang menggunakan lorong ini. <i>Memberi peringatan anda dilarang menggunakan lorong basikal tiga roda.</i>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
10.		<p>LORONG MOTOSIKAL SAHAJA</p> <ul style="list-style-type: none"> Gunakan lorong yang disediakan sahaja. Kenderaan lain selain daripada motosikal dilarang menggunakan lorong ini. <p><i>Memberi peringatan lorong laluan ini adalah sempit dan dikongsi oleh pengguna-pengguna motosikal yang lain.</i></p>
11.		<p>LORONG BECA SAHAJA</p> <ul style="list-style-type: none"> Lorong yang disediakan untuk pengguna beca sahaja. Kenderaan lain selain daripada beca dilarang menggunakan lorong ini. <p><i>Memberi peringatan anda dilarang menggunakan lorong beca.</i></p>
12.		<p>LORONG KENDERAAN DITARIK HAIWAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Lorong yang disediakan untuk pengguna kereta lembu sahaja. Kenderaan lain selain daripada kereta lembu dilarang menggunakan lorong ini. <p><i>Memberi peringatan anda dilarang menggunakan lorong kereta lembu.</i></p>


1.4 TANDA ISYARAT LALU LINTAS MEMBERITAHU DAN KEPENTINGANNYA

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
1.		<p>TEMPAT MEMARKIR KENDERAAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Dibenarkan memarkir kenderaan di kawasan ini. <p><i>Kawasan dan ruang yang selamat untuk anda memarkir kenderaan.</i></p>
2.		<p>HOSPITAL</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan. Jangan sesekali membunyikan hon. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana ia menjadi tempat tumpuan orang ramai berjalan kaki untuk berulang alik atau ambulans keluar masuk ke hospital.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
3.		<p>IKUT KIRI</p> <ul style="list-style-type: none"> Pandu kenderaan di sebelah kiri. <p><i>Memberi peringatan agar anda mengikut lorong kiri yang telah ditetapkan.</i></p>
4.		<p>DILARANG MEMBUNYIKAN HON</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan sama sekali membunyikan hon. <p><i>Tanda isyarat ini biasanya terdapat di kawasan hospital. Hon yang berbunyi akan mengganggu ketenteraman kepada pesakit-pesakit.</i></p>
5.		<p>PERHENTIAN BAS</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan. Pandu dengan berhati-hati. Tidak dibenarkan meletak kenderaan dalam jarak 9 meter. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati kerana ia menjadi laluan bas keluar dan masuk di lorong ini untuk mengambil dan menurunkan penumpang bas.</i></p>
6.		<p>PAPAN TANDA</p> <ul style="list-style-type: none"> Anda sedang berada di bandar atau kampung yang ditunjukkan. <p><i>Memberitahu anda lokasi atau nama tempat.</i></p>
7.		<p>PAPAN TANDA TUNJUK ARAH</p> <ul style="list-style-type: none"> Pandu kenderaan mengikut arah yang ditunjukkan. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati dan mengambil langkah-langkah awal seperti memberi isyarat jika mengubah lorong laluan untuk menghala arah tuju anda.</i></p>
8.		<p>PAPAN TANDA TUNJUK ARAH BULATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Petunjuk di hadapan menunjukkan bulatan. Berada di lorong yang betul dengan arah tuju anda. Perlahankan kenderaan apabila menghampiri bulatan ini. <p><i>Memberi peringatan agar anda berhati-hati.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
9.		<p>PAPAN TANDA TEMPAT TUJU / DESTINASI</p> <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan ada jalan susur ke bandar utama. <p><i>Berhati-hati dengan susur keluar.</i></p>
10.		<p>PAPAN TANDA TUNJUK ARAH DENGAN PAPAN TANDA KAWASAN PELANCONGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan terdapat jalan arah ke kawasan pelancongan dan bandar utama. <p><i>Membuat keputusan awal haluan dan arah tuju anda.</i></p>
11.		<p>PAPAN TANDA TUNJUK ARAH DENGAN PAPAN TANDA KE ARAH LEBUH RAYA</p> <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan terdapat jalan arah ke lebuh raya dan bandar utama. <p><i>Berhati-hati dengan kenderaan yang menuju ke arah yang berbeza.</i></p>
12.		<p>PAPAN TANDA TUNJUK ARAH DI ATAS GANTRI</p> <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan adalah jalan ke arah bandar-bandar utama. <p><i>Berada di atas lorong arah laluan destinasi yang dituju.</i></p>
13.		<p>PAPAN TANDA TUNJUK ARAH DI LEBUH RAYA</p> <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan terdapat jalan ke bandar-bandar utama. <p><i>Berhati-hati dengan susur keluar.</i></p>
14.		<p>PAPAN TANDA JARAK</p> <ul style="list-style-type: none"> Jarak jauh bandar-bandar utama adalah.....km. <p><i>Merancang jarak perjalanan.</i></p>
15.		<p>PAPAN TANDA JARAK</p> <ul style="list-style-type: none"> Jarak jauh bandar-bandar utama adalah.....km. <p><i>Merancang jarak perjalanan.</i></p>
16.		<p>ARAH JALAN DARI SIMPANG</p> <ul style="list-style-type: none"> Di hadapan ada jalan ke bandar utama. <p><i>Bersedia bertindak untuk menghampiri persimpangan.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
17.		<p>PETUNJUK TEMPAT DARI SIMPANG</p> <ul style="list-style-type: none"> Arah menunjukkan tempat dari simpang. <p><i>Berhati-hati ketika menghampiri persimpangan.</i></p>
18.		<p>LAPANGAN TERBANG</p> <ul style="list-style-type: none"> Arah tuju ke lapangan terbang. <p><i>Berada di laluan ke lapangan terbang.</i></p>
19.		<p>TELEFON AWAM</p> <ul style="list-style-type: none"> Telefon awam di hadapan. Tidak boleh membunyikan hon. <p><i>Peka dengan kemudahan awam.</i></p>
20.		<p>STESEN MINYAK</p> <ul style="list-style-type: none"> Stesen minyak di hadapan. <p><i>Pastikan bekalan petrol anda mencukupi.</i></p>
21.		<p>JALAN MATI</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan kerana tiada jalan di hadapan. <p><i>Bersedia untuk berhenti.</i></p>
22.		<p>PUSAT KESIHATAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan. Sentiasa berhati-hati. Beri keutamaan kepada ambulans. Jangan letak kenderaan di pintu masuk atau keluar hospital. Jangan bunyikan hon. <p><i>Mengekalkan nilai-nilai murni ketika menunggang di kawasan tersebut.</i></p>
23.		<p>DIBENARKAN BERPUSING BALIK</p> <ul style="list-style-type: none"> Boleh membuat pusingan balik (U). <p><i>Berhati-hati ketika menghampiri laluan tersebut.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
24.		<p>ZON HAD LAJU DI HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Berhati-hati apabila tiba di kawasan ini dan patuhi had laju yang telah ditetapkan. <p><i>Laluan yang mempunyai tanda isyarat ini kebiasaannya kawasan bandar, berhampiran sekolah dan kawasan kemalangan.</i></p>
25.		<p>PAIP BOMBA</p> <ul style="list-style-type: none"> Tidak dibenarkan meletak kenderaan dalam jarak 3 meter dari paip bomba. <p><i>Memudahkan anggota bomba menjalankan tugas ketika kecemasan.</i></p>

1.5 TANDA ISYARAT LALU LINTAS SEMENTARA DAN KEPENTINGANNYA

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
1.		<p>JALAN SEDANG DIBAIKI</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan dan perhatikan isyarat-isyarat sementara yang disediakan. Beri laluan kepada kenderaan yang datang dari arah hadapan. Apabila selamat barulah mulakan perjalanan. <p><i>Peka dengan pekerja-pekerja yang sedang menjalankan tugas.</i></p>
2.		<p>LONGGOKAN BAHAN BINAAN DI TEPI JALAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan dan perhatikan isyarat-isyarat sementara yang disediakan. Berhenti apabila melihat kenderaan yang datang dari arah hadapan. Apabila selamat barulah mulakan perjalanan. Jangan pandu terlalu hampir dengan bahan binaan tersebut. <p><i>Berhati-hati untuk mengelak dari terlanggar bahan binaan.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
3.		<p>JALAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila isyarat hijau diberikan, anda boleh meneruskan perjalanan sekiranya tidak ada halangan. <p><i>Tanda amaran selamat.</i></p>
4.		<p>BERHENTI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila isyarat kuning diberikan, anda dikehendaki berhenti. Jika anda terlalu hampir dengan garisan atau tidak selamat untuk berhenti, teruskan perjalanan. <p><i>Tanda amaran bertindak dengan betul mengikut keadaan.</i></p>
5.		<p>BERHENTI</p> <ul style="list-style-type: none"> • Apabila isyarat merah diberikan, anda dikehendaki berhenti dan jangan sekali-kali melintas atau meneruskan perjalanan. <p><i>Tanda amaran berbahaya.</i></p>
6.		<p>BERHENTI KANAK-KANAK MELINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan apabila menghampiri kawasan ini. • Jika ada kanak-kanak melintas, berhenti dan beri peluang kepada mereka melintas. • Setelah memerhati kiri dan kanan serta memastikan keadaan selamat teruskan perjalanan. <p><i>Bersikap bertimbang rasa dan menghormati hak pengguna jalan raya.</i></p>
7.		<p>KERJA-KERJA PEMBAIKAN DI JALAN HADAPAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan apabila melihat tanda ini kerana kerja-kerja pembaikan jalan sedang dijalankan. <p><i>Risiko kemalangan jika ingkar mematuhi tanda amaran.</i></p>
8.		<p>LENCONGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> • Perlahankan kenderaan apabila melihat tanda ini dan ikut arah petunjuk. <p><i>Risiko kemalangan jika ingkar mematuhi tanda amaran.</i></p>

Bil.	Tanda	Peraturan Dan Kepentingan
9.		<p>LENCONGAN TAJAM</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan dan ikut lencongan yang diarahkan kerana ada rintangan di hadapan. <p><i>Laluan sementara dan berisiko bagi penunggang motosikal.</i></p>
10.		<p>TANDA HALANGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pandu dengan berhati-hati apabila melalui tanda halangan. Pastikan jalan selamat sebelum meneruskan perjalanan. <p><i>Bersedia untuk berhenti.</i></p>
11.		<p>LORONG TENGAH DITUTUP KEPADA LALU LINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan dan patuhi arahan lalu lintas. Ikut lorong yang dibenarkan dan pandu dengan berhati-hati. <p><i>Amalkan rutin menukar lorong dengan selamat jika perlu.</i></p>
12.		<p>LORONG KIRI DITUTUP KEPADA LALU LINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan dan patuhi arahan lalu lintas. Ikut lorong yang dibenarkan dan pandu dengan berhati-hati. <p><i>Bersedia untuk berkongsi lorong laluan dengan kenderaan lain.</i></p>
13.		<p>LORONG KANAN DITUTUP KEPADA LALU LINTAS</p> <ul style="list-style-type: none"> Perlahankan kenderaan dan patuhi arahan lalu lintas. Ikut lorong yang dibenarkan dan pandu dengan berhati-hati. <p><i>Bersedia melakukan rutin memotong dengan selamat.</i></p>
14.		<p>TANDA HALANGAN</p> <ul style="list-style-type: none"> Pandu dengan berhati-hati apabila melalui tanda halangan. Pastikan jalan selamat sebelum meneruskan perjalanan. <p><i>Bersedia untuk berhenti.</i></p>

Nota: Ayat berwarna merah adalah Nilai Keselamatan Jalan Raya bagi setiap tanda isyarat.

1.6 TANDA GARISAN DI ATAS JALAN RAYA



Chevron

Dilarang memasuki dan memandu di dalam kawasan ini.



Garisan Putih Berkembar (garisan terus)

Dilarang memotong.

Dilarang membuat pusingan 'U'.

Dilarang meletak kenderaan kiri dan kanan jalan.



Garisan Putih Berkembar (garisan terus dan garisan tidak bersambung)

Kenderaan di sebelah garisan terus dilarang memotong.

Dilarang meletak kenderaan di mana terdapat satu garisan.



Garisan Putih Tidak Bersambung

Boleh memotong sekiranya selamat.



Garisan Kuning Di Tepi Jalan

Dilarang meletak kenderaan di sepanjang jalan tersebut.

**P e r k a t a a n -
p e r k a t a a n y a n g
b e r k a i t a n s e p e r t i
'B e r h e n t i' a t a u
l u k i s a n p a n a h,
l e t a k k e n d e r a a n
a t a u k a w a s a n
l a r a n g a n**

**I k u t a r a h a n,
p e r k a t a a n
a t a u a n a k
p a n a h**

Menunjukkan tempat rezab khas berhenti, tempat letak kenderaan atau kawasan larangan.



1.7 TANDA ISYARAT TANGAN POLIS TRAFIK



Kenderaan dari hadapan dan belakang mesti berhenti, kenderaan dari hadapan diarah ke kanan.



Kenderaan dari kanan, kiri dan belakang mesti berhenti. Kenderaan dari hadapan boleh membelok ke kanan.



Kenderaan dari kiri dan kanan boleh bergerak.



Kenderaan di hadapan dan belakang mesti berhenti. Lalu lintas dari sebelah kanan teruskan perjalanan mengikut arahan yang ditunjukkan.




Kenderaan dari hadapan mesti berhenti.



1.8 TANDA ISYARAT TANGAN PENUNGGANG MOTOSIKAL




Apabila membelok ke kanan.



Apabila membelok ke kiri.



Apabila memperlahankan
motosikal.



Apabila memberhentikan
motosikal.

BAB 2

PENUNGGANGAN BERHEMAT

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan elemen penunggang dan pendekatan yang fleksibel dan sistematik terhadap pengurusan hazard.
2. Mengikut cara tunggangan yang selamat untuk mengelakkan kemalangan.

Secara amnya penunggang berhemat membawa maksud penunggang yang dapat mengelakkan dan menyelamatkan dari berlaku kemalangan. Ia meliputi pengetahuan, kemahiran dan sikap yang betul ketika menunggang. Menurut Duanne R. Johnson (1979), penunggang berhemat bermaksud penunggang bersedia menghadapi keadaan *hazard* yang disebabkan oleh pemandu lain atau keadaan jalan raya melalui teknik *Identify, Predict, Decide and Act* IPDA (Mengenalpasti, meramal, membuat keputusan dan bertindak).

Kesimpulannya, konsep penunggang berhemat yang dilakukan oleh seseorang penunggang, mempunyai pengetahuan tentang peraturan lalu lintas, kemahiran yang tinggi dalam aspek penunggang, sikap yang betul ketika menunggang serta sentiasa bersedia dengan mengenalpasti, menganalisa, membuat keputusan dan bertindak terhadap *hazard* yang disebabkan oleh pengguna jalan raya atau hazard semula jadi yang wujud.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang motosikal mampu mengelak risiko kemalangan dan *hazard* ketika di perjalanan.

2.1 MERANCANG UNTUK PERJALANAN YANG SELAMAT

Sebelum memulakan perjalanan, seseorang penunggang motosikal hendaklah merancang perjalanan. Perjalanan yang dirancang dengan betul akan lebih sempurna dan menyeronokkan.

Perkara-perkara yang perlu dirancang:

- Masa perjalanan.
- Keadaan mental dan fizikal.
- Keadaan motosikal.
- Tempat berhenti berehat.
- Barang keperluan untuk perjalanan.



2.2 HAZARD DAN RISIKO SERTA IMPLIKASINYA KEPADA PENGGUNA

Hazard dalam penunggangan merangkumi elemen-elemen yang boleh mendatangkan bahaya sama ada sedia ada di persekitaran atau terjadi dengan tiba-tiba. Oleh itu, pemerhatian yang lebih cekap pada setiap masa dapat membantu penunggang untuk tidak panik dan dapat menangani *hazard* terutama dalam keadaan yang tidak disangka-sangka.

Secara amnya, semua benda yang berada di persekitaran jalan raya adalah *hazard* kerana jika kita tidak bernasib baik, kemalangan boleh berlaku dengan objek-objek di persekitaran jalan yang akan menjadikan keadaan lebih teruk dan kecederaan lebih parah jika objek tersebut berada di laluan tempat kejadian.

Sebagai contoh, tiang elektrik atau telefon, perhentian bas, tiang jambatan dan pondok telefon. *Hazard* juga meliputi keadaan dan permukaan jalan. Selekoh, selekoh tajam, jalan berlubang, jalan tidak rata, jalan licin



akibat hujan, lubang yang dilitupi air dan bonggol adalah contoh *hazard* tersebut.

Hazard kepada penunggang juga boleh berlaku secara tiba-tiba. Sebagai contoh, anda mungkin berhadapan dengan kemalangan yang berlaku berhampiran anda, pokok tumbang, objek yang jatuh atau berterbangan dari kenderaan lain, binatang melintas dan bermacam-macam lagi keadaan.

Justeru sebagai penunggang yang cekap dan berhemat, setiap elemen *hazard* harus ditangani dengan cepat menyesuaikan diri tentang keadaan jalan iaitu menentukan kelajuan dan menetapkan jarak mengekor yang sesuai. Ini akan memberikan anda lebih masa untuk bertindak sekiranya keadaan-keadaan tersebut benar-benar berlaku ketika menunggang motosikal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang perlu menunggang dengan lebih cermat, berhati-hati dan sentiasa bersedia ketika melewati di pelbagai permukaan jalan untuk keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya lain.

Bentuk *Hazard*


Ada tiga (3) jenis bentuk *hazard*:

- Bentuk fizikal – contohnya persimpangan, bulatan, selekoh, bukit tinggi, lintasan pejalan kaki, lintasan kereta api dan kerja-kerja di tepi jalan.
- Kedudukan dan pergerakan pengguna jalan raya lain, contoh pejalan kaki.
- Keadaan permukaan jalan atau cuaca contoh air bertakung.



2.3 MEMBUAT KEPUTUSAN DAN TINDAKAN YANG SESUAI DALAM MENGHADAPI HAZARD

- i. Mengenalpasti – Potensi *hazard*.
- ii. Meramalkan – Kemungkinan ada *hazard* yang boleh memberi kesan buruk kepada keselamatan penunggang.
- iii. Membuat keputusan – Beri pertimbangan dan buat keputusan apakah tindakan yang perlu diambil jika ada unsur-unsur *hazard* yang terus membahayakan penunggang.
- iv. Bertindak – Bertindak selamat dengan cara penggunaan sistem kawalan motosikal yang baik seperti berikut:



Sentiasa membuat jangkaan pandangan 5 - 15 meter ke hadapan sebagai persediaan awal untuk mengenalpasti potensi *hazard* dan tindakan.

a. Cermin

Pandang cermin sisi kiri dan kanan untuk memastikan kenderaan lain, mungkin ada kenderaan mengekori terlalu hampir di belakang.

b. Isyarat

Tunjukkan perhatian lebih awal dan perhatikan reaksi pengguna jalan raya lain.

c. Brek

Mula membrek mengikut keperluan keadaan. Elakkan membrek dengan mengejut.

d. Gear

Pilih serta gunakan gear sesuai dengan kelajuan motosikal yang ditunggang.

e. Kelajuan

Malajukan/memperlahankan motosikal bergantung kepada jenis *hazard*.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Bersedia untuk bertindak dengan betul ketika menghadapi *hazard* yang tidak dijangka.



2.4 PERATURAN PENUNGGANGAN BERHEMAT DAN TANGGUNGJAWAB PENUNGGANG

Seseorang penunggang sentiasa perlu mematuhi beberapa peraturan yang telah ditetapkan semasa menunggang di jalan raya. Peraturan sangat penting bagi memastikan kelancaran kenderaan di jalan raya seterusnya mengelakkan dari berlakunya kemalangan. Beberapa peraturan telah digariskan bagi tujuan tersebut, antaranya:

Semua penunggang perlu diingatkan, seseorang penunggang tidak dapat bergerak dengan selamat kecuali dapat mengenalpasti enam (6) kedudukan yang boleh melibatkan kemalangan dua (2) buah kenderaan serta enam (6) keadaan yang boleh mempengaruhinya.



1. Peraturan Jarak

Kenapakah peraturan jarak diperlukan? Seseorang penunggang memerlukan masa dan jarak mencukupi untuk memberhentikan motosikal yang ditunggang apabila kenderaan yang diekori di hadapan berhenti dengan tiba-tiba. Semakin laju motosikal dipacu, semakin jauh jarak berhenti diperlukan.

Tiga (3) ciri penting yang perlu diketahui dan diambil kira sebelum peraturan-peraturan ini dipraktikkan:

- i) Kelajuan motosikal yang ditunggang adalah lebih kurang sama dengan kelajuan kenderaan yang diekori.
- ii) Satu tanda yang tidak bergerak di tepi jalan perlu dikenalpasti untuk dijadikan panduan sebagai contoh tiang lampu/telefon, pokok, jambatan dan sebagainya yang kekal.
- iii) Tidak perlu melihat kepada meter halaju untuk menentukan kelajuan.

a. Peraturan 2 Saat



Apabila sebaik sahaja kenderaan yang diekori melintasi satu tanda yang telah dipilih sebelumnya seperti tiang elektrik, maka perkiraan hendaklah dimulakan dengan mengira **'satu ribu satu, satu ribu dua'**.

Sekiranya motosikal yang ditunggang tiba sebelum tiang elektrik yang dijadikan pedoman tadi, maka jarak mengekori adalah dianggap selamat. Akan tetapi sekiranya motosikal yang ditunggang tiba sebelum perkiraan habis dibuat, maka jarak mengekori adalah dianggap tidak selamat. Tindakan memperlambatkan motosikal yang ditunggang hendaklah dilakukan.


b. Peraturan 4 Saat

Peraturan 4 saat boleh diamalkan pada mana-mana kelajuan apabila berada dalam keadaan-keadaan berikut:

- i) Kenderaan di belakang mengekori terlalu rapat.
- ii) Kenderaan di hadapan mengekori rapat dengan kenderaan di hadapannya.
- iii) Keadaan cuaca yang buruk, jalan yang licin atau berpasir.

Penggunaan peraturan 4 saat ialah apabila kenderaan di hadapan atau di belakang mengekori terlalu rapat. Kaedah mengira peraturan 4 saat akan memberikan jarak yang lebih bagi penunggang motosikal dan lain-lain pemandu berhenti sekiranya berlaku kecemasan.

Peraturan 4 saat bermaksud penunggang motosikal tidak perlu berhenti serta merta sebab kemungkinan berlaku pelanggaran dari belakang oleh pemandu kereta A.



Penunggang motosikal semestinya mengamalkan peraturan 4 saat apabila pemandu kenderaan A mengekori rapat kenderaan B.




c. Peraturan 12 Saat

Penggunaan teknik yang sama seperti peraturan 2 dan 4 saat, penunggang boleh terus mempelajari kemahiran pandangan imbas 12 saat atau 100 meter ke hadapan.

Peraturan 12 saat membolehkan seseorang penunggang memerhati lalu lintas dari mana-mana arah dalam masa sesuai untuk menyesuaikan kelajuan dan kedudukan motosikal.

Setelah mahir dengan peraturan 2 dan 4 saat, penunggang boleh teruskan pandangan ke arah 12 saat ke hadapan dan kira **'satu ribu satu, satu ribu dua, satu ribu tiga'** dan jika sampai di tanda kekal sebelum kiraan **'satu ribu dua belas'**, itulah jarak yang selamat dan mesti jelas dilihat setiap masa ketika menunggang dan jarak selamat yang diperlukan untuk memotong.




d. Jarak Di Bahagian Tepi

Penunggang motosikal boleh melakukan sesuatu pergerakan yang tidak boleh dilakukan oleh kenderaan lain. Ia boleh bergerak dari satu lorong ke lorong yang lain untuk menjarakkan motosikal dari kenderaan lain.



2. Peraturan Memotong

Seorang penunggang yang berhemat memerlukan kecekapan serta pandangan imbas yang wajar dan mestilah memahami dan mempelajari teknik-teknik memotong yang betul. Memotong diperlukan dalam keadaan-keadaan berikut:



- i) Apabila kenderaan di hadapan bergerak terlalu perlahan.
- ii) Apabila kenderaan di hadapan menukar haluan.
- iii) Apabila mengekori sesebuah kenderaan di hadapan yang mungkin boleh menyebabkan kemalangan.

Terdapat sepuluh (10) peraturan yang perlu diamalkan semasa memotong iaitu:

i) Berada di belakang

Mengekori dalam jarak yang selamat dengan mengamalkan peraturan 2 saat atau 4 saat.

ii) Periksa di hadapan

Sentiasa mengamalkan peraturan 12 saat pada setiap masa dengan membuat pandangan jauh ke hadapan. Adalah perlu diingatkan setiap kali memotong anda memerlukan masa sekurang-kurangnya 10 saat untuk melepasi kenderaan yang dipotong.

iii) Periksa di belakang

Pastikan tidak ada kenderaan lain yang cuba memotong sebelum penunggang memotong. Ini boleh dilakukan dengan melihat cermin sisi dan menoleh ke belakang seketika.



iv) Memberi isyarat ke kanan

Memberi isyarat untuk bergerak ke kanan sekurang-kurangnya 3 saat. Pada masa yang sama peraturan 12 saat terus diamalkan.

v) Bergerak ke kanan

Pastikan mempunyai ruang yang cukup dan selamat sebelum bergerak ke kanan.

vi) Melajukan kenderaan

Pada ketika ini penunggang sudah berada di lorong memotong. Adalah dinasihatkan supaya mengawal dan memotong dengan berhati-hati. Penunggang juga hendaklah memotong dengan kelajuan yang dibenarkan dan mematuhi had laju yang ditetapkan.

vii) Komunikasi

Sebaik sahaja kenderaan melintas kawasan yang terlindung (*blind spot*) penunggang dinasihatkan supaya membunyikan hon ataupun memberi isyarat dengan menggunakan lampu isyarat sebagai tanda berkomunikasi sedang memotong.

viii) Memberi isyarat ke kiri

Penunggang hendaklah sekali lagi memberi isyarat ke kiri sekurang-kurangnya tiga saat. Pada masa yang sama juga hendaklah menggunakan jangkaan jarak yang selamat sebelum bergerak ke kiri.

ix) Bergerak ke kiri

Sebelum bergerak ke kiri, pastikan penunggang mempunyai ruang yang cukup untuk berada di hadapan kenderaan yang dipotong. Motosikal boleh bergerak ke kiri sebaik sahaja penunggang dapat melihat kenderaan yang dipotong melalui cermin sisi.

x) Menyambung kelajuan

Tentukan penunggang berada di lorong yang betul dengan mengambil kira peraturan 2 saat bagi kenderaan di belakang dan peraturan 12 saat untuk pandangan ke hadapan.

3. Peraturan Di Persimpangan

Kemalangan di persimpangan dapat dielakkan sekiranya setiap pengguna jalan raya mengetahui dan mengamalkan peraturan di persimpangan. Untuk menjadi seorang penunggang yang berhemat, setiap penunggang hendaklah mempelajari 4 peraturan asas di persimpangan:



a) Tahu Arah

Sebelum tiba di simpang jalan, penunggang hendaklah merancang dan menentukan arah perjalanannya. Penunggang dilarang menukar haluan secara tiba-tiba apabila sudah sampai di simpang jalan kerana amalan ini akan mengganggu aliran lalu lintas. Semua penunggang hendaklah mengamalkan Peraturan 2 saat, Peraturan 4 saat, Peraturan 12 saat, mengetahui peraturan untuk mengelakkan kemalangan daripada hadapan, mengetahui enam (6) kedudukan yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan dua (2) buah kenderaan dan juga hendaklah sentiasa memikirkan tentang bahaya yang mungkin timbul di persimpangan.

b) Perlahankan Motosikal Di Persimpangan

Penunggang dinasihatkan supaya memperlambatkan motosikal apabila melintasi persimpangan meskipun pada waktu itu penunggang mempunyai keutamaan laluan. Peraturan-peraturan yang sama seperti di atas juga perlu diamalkan setiap kali melintasi persimpangan.

c) Memperlihatkan Hasrat Melalui Kedudukan Dan Isyarat

Sekali lagi penunggang perlu memperhatikan dan meyakinkan pengguna jalan raya yang lain tentang hasratnya untuk bergerak dan menukar haluan melalui kedudukan dan isyarat motosikal. Ini boleh dilakukan dengan memastikan penunggang berada di lorong yang betul dan isyarat lampu motosikal di samping mengikut petunjuk arah panah dan lain-lain.


d) Bergerak Dengan Berhati-hati

Pastikan keadaan di hadapan, kiri dan kanan selamat sebelum bergerak. Disamping itu juga penunggang dinasihati supaya berhati-hati dan bersedia untuk berhenti dengan selamat sekiranya wujud keadaan yang tidak diduga.

4. Peraturan Di Pelbagai Persimpangan

Simpang Empat

1. Perhatikan
 - a) Lampu isyarat.
 - b) Kenderaan melintas.
 - c) Arah kenderaan.
 - d) Pejalan kaki.




2. Tindakan
 - a) Kedudukan sebelum memberi isyarat.
 - b) Kedudukan sebelum menukar lorong persimpangan.
 - c) Kedudukan anda yang terakhir.
 - d) Laluan membelok lintas jalan.

3. Membelok ke kiri


Kedudukan

- a) Lihat di hadapan dan belakang sama ada terdapat kenderaan lain.
- b) Memberi isyarat.
- c) Lihat kawasan/pandangan terlindung (*blind spot*) di sebelah kiri sebelum membelok ke kiri.
- d) Kurangkan kelajuan.
- e) Perhatikan lampu isyarat dan ikut arahan lampu.
- f) Lihat depan dan kanan, jika selamat, teruskan perjalanan.
- g) Masuk ke lorong yang terdekat.




4. Membelok ke kanan


Peraturan sama seperti membelok ke kiri.




5. Bergerak ke hadapan
 - a) Pilih lorong yang betul.
 - b) Kurangkan kelajuan.
 - c) Lihat lampu isyarat dan ikut arahan.
 - d) Jika berhenti, lihat pejalan kaki yang melintas di hadapan dan kenderaan lain.
 - e) Meneruskan perjalanan setelah lampu isyarat hijau menyala dan jika selamat.



6. Simpang Tiga
Di persimpangan ada tanda isyarat berhenti, berhenti di belakang garisan dan beri laluan kepada kenderaan yang berada di jalan besar.



7. Bulatan (*Roundabout*)
 - a) Berada di lorong yang betul sebelum memasuki bulatan.
 - b) Semasa menghampiri bulatan, perlahan kenderaan dan beri keutamaan laluan kepada kenderaan dari sebelah kanan.





5. Peraturan Mengelakkan Kemalangan Daripada Hadapan

Walaupun penunggang sentiasa mengamalkan peraturan 12 saat di sepanjang menunggang, tetapi dalam keadaan yang tidak terduga penunggang akan menghadapi keadaan di mana secara tiba-tiba muncul kenderaan menuju ke arah kenderaan yang sedang dipandu. Apakah tindakan yang perlu dibuat? Seharusnya penunggang tidak perlu panik sekiranya sentiasa bersedia dan mengetahui 4 peraturan untuk mengelakkan kemalangan daripada hadapan.

Empat (4) peraturan yang perlu diamalkan ialah:

i) **Melihat jalan di hadapan**

Dengan mengamalkan Peraturan 12 saat, bererti penunggang bukan sahaja melihat di sekeliling dan di sepanjang jalan, tetapi dalam masa yang sama juga dapat mengenal pasti tentang pergerakan di hadapan.

ii) **Bertindak dengan bergerak ke kiri**

Pastikan setiap sentiasa bergerak di atas jalan raya di lorong sebelah kiri. Dengan berbuat demikian penunggang seolah-olah memberi satu ruangan kepada kenderaan daripada hadapan yang mungkin memerlukan ruang pada ketika itu. Di samping itu juga penunggang dapat membuat pemerhatian yang lebih di kiri jalan dan boleh bertindak segera ke sebelah kiri dalam keadaan-keadaan yang mencemaskan.

iii) **Mengurangkan kelajuan**

Apabila seseorang penunggang melihat kenderaan daripada hadapan memasuki lorongnya, penunggang tersebut hendaklah terus mengurangkan kelajuan dan mengawal kenderaan. Penunggang juga adalah dinasihatkan supaya membunyikan hon atau menyalakan lampu sebagai amaran.

iv) **Memandu keluar daripada jalan raya**

Ini adalah merupakan satu langkah yang bijak untuk mengelakkan berlakunya kemalangan daripada hadapan biar pun penunggang terpaksa berkorban sedikit demi kerana nyawa.



2.5 KAWASAN/PANDANGAN TERLINDUNG (*BLIND SPOT*)

Kawasan/pandangan terlindung (*blind spot*) adalah dua kawasan di kiri dan kanan yang terlindung dari pandangan mata penunggang motosikal. Ia juga terselindung dari penglihatan dengan menggunakan cermin sisi.


Penunggang perlu bertindak dengan berhati-hati sebelum membuat keputusan:

- Menukar lorong semasa menunggang.
- Ketika ingin memotong kenderaan lain.
- Ketika ingin memasuki persimpangan.



Langkah keselamatan yang perlu dilakukan di Kawasan/Pandangan Terlindung adalah:

- Menoleh sedikit di sebelah kanan atau kiri sebelum membuat sebarang pergerakan.
- Menggunakan isyarat lampu (*signal*) sebelum bergerak.
- Membunyikan hon sebelum bergerak.





2.6 MEMBAWA PEMBONCENG DAN BARANGAN

Perkara yang perlu dipatuhi apabila membawa pembonceng dan barangan:

1. Tempat duduk yang sesuai, besar dan duduk rapat antara penunggang dan pembonceng.
2. Gunakan pemijak kaki yang kukuh.
3. Memakai pakaian pelindung dan topi keledar yang sesuai.
4. Pembonceng hendaklah:
 - a. Menaiki motosikal setelah enjin dihidupkan.
 - b. Duduk rapat dengan penunggang.
 - c. Pegang peha, tali pinggang atau memegang bar di bahagian belakang motosikal.
 - d. Letak kaki di atas pemijak kaki.

Peringatan Sewaktu Membawa Pembonceng Dan Barangan

- a) Pembonceng hanya dibenarkan menaiki motosikal apabila motosikal telah dihidupkan dan turun setelah enjin dimatikan.
- b) Pembonceng hendaklah duduk rapat dengan penunggang.
- c) Bawa barang yang ringan.
- d) Ikat barangan dengan tali anjal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Mengurangkan risiko kemalangan akibat terlanggar, bergesel dan melanggar kenderaan di hadapan.



Posisi pembonceng duduk terlalu renggang ke belakang.



Posisi pembonceng duduk rapat dengan penunggang.



2.7 FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN BANYAK KEMALANGAN MELIBATKAN MOTOSIKAL

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kita terlibat dalam kemalangan. Sebagai penunggang yang berhemat, kita perlu mengenalpasti keadaan-keadaan tersebut sebelum menunggang. Langkah ini penting untuk mengelak kemalangan.

Ada enam (6) keadaan yang dikenalpasti boleh menyebabkan kemalangan jika penunggang tidak berhati-hati:

i. Penunggang

- Merupakan faktor terpenting dan utama yang menyebabkan kemalangan apabila penunggang dalam keadaan fizikal yang letih, fikiran dan emosi yang tertekan.
- Pastikan kesihatan mental dan fizikal baik. Contohnya penunggang yang letih, mengantuk, marah, bimbang atau cemas tidak sepatutnya menunggang.
- Jangan menunggang selepas minum minuman keras atau di bawah pengaruh dadah. Dilarang menunggang jika mempunyai 80 miligram alkohol setiap 100 milimeter kandungan darah.
- Bijak menyesuaikan diri dengan keadaan cuaca atau jalan yang berubah.
- Jangan menggunakan ubat yang tidak mendapat kelulusan doktor, mesti mendapatkan nasihat doktor jika menghadapi masalah kesihatan.



- Gunakan peraturan 2 saat, 4 saat atau 12 saat apabila mengekori kenderaan lain.
- Jangan memotong di kawasan larangan. Sentiasa kerling cermin sisi kiri dan kanan.
- Sentiasa sabar dan bertimbang rasa serta mematuhi tanda/isyarat jalan raya.

ii. Jalan

- Jalan raya dibina supaya kenderaan dapat bergerak dengan selamat dan selesa, tetapi keadaan jalan tidak selamanya berkeadaan baik pada setiap masa. Jalan akan rosak akibat kesan daripada hujan, panas, minyak yang tumpah dan sebagainya.
 - a. Kelajuan menunggang mesti mengikut keadaan jalan.
 - b. Kurangkan kelajuan semasa hujan dan jalan licin.
- Menunggang laju di permukaan jalan raya yang berair menyebabkan kawalan batang pemegang (hendal), tayar dan brek tidak dapat berfungsi dengan sempurna. Proses di mana tayar tidak mencecah permukaan jalan raya disebabkan terdapat lapisan air di bawahnya dikenali dengan *hydroplaning*.





iii. Kenderaan

- Motosikal adalah jentera bermotor yang memerlukan penyelenggaraan berkala kerana motosikal yang tidak berfungsi dengan baik boleh menyebabkan kemalangan.
- Pastikan brek, lampu hadapan, lampu brek, lampu isyarat dan hon sentiasa berfungsi dengan baik.
- Tayar hendaklah dipastikan dalam keadaan baik dan berbunga.
- Uji brek, lampu isyarat dan sesuaikan diri dengan keadaan motosikal sebelum menunggang.



Elakkan menukar laluan secara berbahaya dan sentiasa mengamalkan rutin selamat.

iv. Cuaca

- Hujan lebat dan kabus tebal boleh menyebabkan pandangan menjadi kurang jelas.
- Hujan lebat diikuti dengan angin kencang kadangkala menghalang kita untuk terus menunggang.
- Keadaan jalan yang basah juga akan menjadi licin dan mudah membuatkan penunggang tergelincir.



v. Cahaya

- *Hazard* yang mungkin dihadapi adalah seperti cahaya berlebihan atau tidak mencukupi seperti menunggang menghadap matahari, silauan embun pagi atau cahaya lampu dari arah hadapan.
- Mata akan kembali pulih seperti biasa dari silauan dalam masa 7 saat dan jika penunggang memacu pada kelajuan 70km/j jarak motosikal tersebut akan bergerak sejauh 140 meter. Oleh itu, sesuaikan kadar kelajuan apabila menghadapi keadaan tersebut.





vi. Lalu Lintas

- Keadaan sesak lalu lintas boleh menyebabkan kemalangan. Kekerapan kemalangan biasanya berlaku pada waktu puncak atau waktu sibuk.
- Faktor tempat seperti kawasan berhampiran pusat membeli belah, kawasan kilang, kawasan sekolah, kawasan kompleks sukan dan lain-lain boleh juga memungkinkan kemalangan berlaku.

Walaupun bagaimanapun enam (6) keadaan *hazard* tersebut boleh diatasi atau dihadapi jika penunggang-penunggang memiliki ciri-ciri sebagai seorang penunggang yang berhemat.



Sentiasa peka dengan keadaan sekeliling terutama di kawasan sesak.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Penunggang perlu menunggang dengan betul dalam keadaan, tempat dan cuaca yang sesuai.

2.8 KEDUDUKAN MOTOSIKAL YANG MENYEBABKAN BERLAKU KEMALANGAN

Kemalangan jalan raya boleh berlaku, antaranya adalah disebabkan pelanggaran antara dua buah kenderaan. Faktor utama adalah kecuaiian pemandu atau penunggang motosikal sendiri. Penunggang perlu mengenalpasti kedudukan-kedudukan yang boleh menyebabkan pelanggaran antara dua buah kenderaan. Enam (6) kedudukan yang dikenalpasti boleh menyebabkan berlakunya pelanggaran.

i. Pelanggaran dengan kenderaan di hadapan

- Penunggang gagal/tidak menggunakan peraturan jarak mengekori dengan betul. Selalunya penunggang mengekori terlalu rapat. Penunggang gagal melihat ke hadapan seperti melihat isyarat kenderaan di hadapan dan sebagainya.




Elakkan mengekori kenderaan di hadapan terlalu rapat.




ii. Pelanggaran dengan kenderaan di belakang

- Penunggang tidak melihat cermin sisi sebelah kanan atau kiri. Penunggang juga tidak mengamalkan peraturan jarak jika kenderaan di belakang mengekori terlalu hampir. Malah penunggang juga sering kali lupa tanggungjawab memberi isyarat lampu dalam masa yang mencukupi. Isyarat lampu sepatutnya diberi dalam masa sekurang-kurangnya 3 saat sebelum mengubah haluan.




iii. Pelanggaran ketika memotong

- Penunggang tidak bijak membuat keputusan, seperti perlukah memotong?
- Penunggang gagal mengamalkan peraturan memotong. Penunggang juga gagal melihat ke hadapan sekurang-kurangnya dalam jarak 100 meter ke hadapan atau 12 saat ke hadapan.
- Penunggang gagal memeriksa kawasan 'blind spot' iaitu dengan menoleh ke kanan.



iv. Pelanggaran ketika dipotong


- Penunggang tidak menunggang ikut kiri jalan. Penunggang gagal mematuhi peraturan/disiplin menggunakan lorong.
- Penunggang tidak melihat cermin sisi kiri atau kanan. Dalam situasi ini kadangkala ia juga cuba memotong.
- Penunggang tidak bekerjasama. Ada penunggang atau pemandu yang melajukan kenderaannya apabila ada kenderaan lain cuba memotongnya.





v. Pelanggaran dari sebelah tepi/di persimpangan jalan

- Penunggang tidak merancang perjalanan. Penunggang kurang pasti arah laluan.
- Gagal memberi isyarat. Bila gagal berkomunikasi dengan pengguna jalan raya yang lain keadaan menjadi kurang selamat.
- Tidak menggunakan peraturan di persimpangan jalan.



Mengubah laluan secara tergesa-gesa tanpa memberi isyarat lampu mampu mengundang padah.




vi. Pelanggaran dengan kenderaan dari arah hadapan

- Penunggang gagal melihat ke hadapan sekurang-kurangnya dalam jarak 12 saat ke hadapan atau 100 meter ke hadapan.
- Penunggang tidak faham 'peraturan mengelak dari arah hadapan'.
- Penunggang atau pemandu tidak bertimbang rasa/sombong. Terdapat di kalangan pemandu atau penunggang tidak mahu mengalah iaitu bergerak ke kiri semula atau masuk ke lorong sebelah kiri.



Penunggang yang kurang pasti arah laluan berhadapan risiko dilanggar kenderaan lain.

Pelanggaran seperti ini boleh dielakkan sekiranya penunggang mempraktikkan peraturan yang telah digariskan. Sikap penunggang yang mementingkan keselamatan orang lain juga dapat mengelakkan berlakunya pelanggaran.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Penunggang perlu mengamalkan sikap bertimbang rasa, memberi laluan jika perlu dan menghormati pengguna jalan raya lain untuk mengelak kemalangan.

2.9 OLAH GERAK

Dalam penunggangannya sebenar, penunggang akan melakukan sekurang-kurangnya tujuh (7) olah gerak atau pergerakan semasa di jalan raya. Proses pergerakan ini perlu diketahui oleh penunggang bagi menjamin kelancaran semasa penunggangannya dan untuk mengelakkan daripada sebarang kemalangan. Berikut adalah antara olah gerak-olah gerak yang penting untuk dipraktikkan apabila berada di jalan raya:


i) Pergerakan ke dalam

Bergerak ke dalam lalu lintas bermaksud masuk mengikuti aliran lalu lintas. Olah gerak ini berlaku apabila seseorang penunggang dari bahu jalan masuk ke jalan raya, dari jalan susur masuk ke dalam, dari tempat meletak kenderaan masuk ke jalan raya, menukar lorong dan memasuki bulatan.




ii) Pergerakan ketika berada di atas jalan raya

Bergerak di atas jalan raya bermaksud menunggang dengan selamat di atas laluan yang betul dan kedudukan yang baik. Olah gerak ini berlaku apabila motosikal berada/bergerak di atas jalan raya, menunggang di selekoh tajam, menunggang di atas berbagai-bagai permukaan jalan, berada di atas jalan raya yang rosak, berlubang dan minyak tumpah serta ketika kecemasan seperti kenderaan rosak dan kemalangan.



iii) Pergerakan bersama aliran lalu lintas


Bergerak bersama dengan aliran lalu lintas bermaksud mengawal motosikal dengan selamat dan lancar dalam kedudukan yang betul dengan kenderaan lain. Olah gerak ini dilakukan semasa mengekori kenderaan lain, berada di hadapan kenderaan lain, bergerak bersaing kenderaan lain dan hendaklah mengelakkan olah gerak yang boleh menghalang lalu lintas.






iv) Pergerakan melintasi

Bergerak melintasi lalu lintas bermaksud motosikal melalui suatu jalan di mana kenderaan lain mungkin bergerak menyeberangi laluan seseorang pemandu. Olah gerak ini berlaku di semua persimpangan, lintasan pejalan kaki, lintasan keretapi dan di lalu lintas kawalan warden lalu lintas atau polis.




v) Pergerakan ketika memotong dan dipotong

Bergerak semasa memotong bermaksud perjalanan dalam arah yang sama tetapi pada kelajuan yang berbeza serta mendahului kenderaan yang lain dengan selamat. Olah gerak ini juga sama semasa memotong dan ketika dipotong.




vi) Pergerakan berpusing balik

Bergerak berpusing balik bermaksud menunggang sesebuah motosikal ke arah yang asal. Olah gerak ini termasuk berundur semasa hendak meletak motosikal dan melakukan pusingan U.



vii) Pergerakan keluar

Bergerak keluar daripada aliran lalu lintas bermaksud melakukan satu olah gerak untuk berhenti atau meletak motosikal daripada aliran lalu lintas. Olah gerak ini termasuk meninggalkan lalu lintas dan susur keluar, keluar dari jalan raya dengan membelok ke kiri atau ke kanan untuk memberhentikan motosikal atau berhenti semasa kecemasan.



BAB 3

PENUNGGANGAN DALAM PELBAGAI KEADAAN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengamalkan cara-cara menunggang dalam pelbagai keadaan dengan selamat.
2. Menghargai kepentingan menunggang dengan selamat dalam pelbagai keadaan.

Penunggangan dalam pelbagai keadaan bermaksud penunggang motosikal akan berhadapan keadaan cuaca berbeza, kesesakan lalu lintas, situasi jalan bandar atau luar bandar serta pelbagai permukaan jalan ketika menunggang. Justeru penunggang perlu lebih berhati-hati, bijak dalam mengatasi keadaan dan mengamalkan cara menunggang dengan keadaan selamat.

3.1 MENUNGGANG KETIKA CUACA YANG BERBEZA

- a. Panas.
- b. Hujan.
- c. Angin.
- d. Banjir.
- e. Kabus.




Penunggang motosikal harus memberi perhatian dan lebih berhati-hati apabila berhadapan situasi cuaca yang berbeza.



Apabila menunggang dalam lima (5) keadaan di atas secara ringkasnya, **PETUA ASAS** untuk anda menunggang dengan selamat ialah:

- Memakai pakaian dan kelengkapan menunggang yang sesuai.
- Amalkan posisi menunggang dengan betul.
- Gunakan cara membrek yang betul dan selamat.
- Gunakan kaedah mengambil selekoh dengan selamat.
- Lebih berhati-hati ketika hari hujan.
- Mengenalpasti, meramal, membuat keputusan dan bertindak.



Pastikan berada dalam zon teduhan hujan dengan susunan motosikal yang teratur.



Dilarang dari berteduh di luar zon teduhan hujan.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang dapat menghargai keadaan jalan raya dalam cuaca yang berbeza dengan menunggang lebih berhati-hati demi menjaga keselamatan diri dan pembonceng.

3.2 MENUNGGANG PADA WAKTU MALAM

Apabila menunggang pada waktu malam, penunggang motosikal harus memberikan perhatian kepada perkara-perkara seperti berikut:

- Pastikan lampu depan dan belakang menyala, gunakan lampu tinggi ketika tidak mengekori atau berselisih dengan kenderaan lain.
- Kurangkan kelajuan dan mengekori kenderaan di hadapan anda pada jarak yang selamat.
- Gunakan cahaya lampu kenderaan di hadapan.
- Menambah jarak dari kenderaan lain.
- Pastikan penunggang dan pembonceng boleh dilihat dengan memakai topi keledar dan pakaian yang ada pemantul cahaya.
- Adalah baik jika penunggang motosikal menampal pemantul cahaya di belakang, hadapan dan badan motosikal.



Pastikan lampu depan dan belakang berfungsi dan kurangkan kelajuan demi keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang perlu menjaga keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain dari berlakunya kemalangan dengan memastikan diri dan motosikal mereka mudah untuk dilihat terutama dalam keadaan cuaca gelap.

3.3 MENUNGGANG DALAM KESESAKAN LALU LINTAS

Apabila menunggang dalam keadaan seperti ini elakkan dari memecut laju, memotong dan mencelah kenderaan di hadapan tanpa memberi isyarat lampu atau tangan. Pastikan anda sentiasa melihat cermin sisi kiri dan kanan atau menoleh ke kiri dan kanan atau belakang sebelum menukar lorong atau memotong kenderaan lain.



Elakkan dari memecut laju, memotong dan mencelah kenderaan di hadapan tanpa memberi isyarat lampu atau tangan.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang perlu menjaga keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain dari berlakunya kemalangan dengan menunggang pada jarak sesuai serta bertolak ansur antara satu sama lain.

3.4 MENUNGGANG DI JALAN BANDARAN

Kebiasaannya jalan bandar sesak dengan pelbagai kenderaan dan orang ramai. Oleh itu, elakkan dari memecut laju dan sentiasa menunggang dengan berhati-hati dan memperlahan atau berhenti untuk memberi laluan kepada pejalan kaki dan mematuhi tanda isyarat seperti lampu isyarat dan kawalan Polis Trafik.



Pastikan menunggang di lorong paling tepi.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang mesti mengikut arahan kod lalu lintas untuk mengelak dari berlakunya kemalangan di jalan raya demi keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya lain.

3.5 MENUNGGANG DI JALAN LUAR BANDAR

Walaupun jarang berlaku kesesakan ketika menunggang di jalan luar bandar tetapi anda dilarang memecut laju kerana keadaan jalan raya di kawasan seperti ini biasanya sempit dan tidak mempunyai kemudahan lampu isyarat di persimpangan. Terdapat penduduk kampung yang menunggang basikal atau pejalan kaki yang melintas termasuk binatang ternakan yang berkeliaran di tepi jalan.



Sentiasa berhati-hati dengan pejalan kaki atau peniaga di bahu jalan.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang perlu peka dengan keadaan luar jangkaan ketika menunggang di jalan luar bandar untuk mengelak dari berlakunya kemalangan demi keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain.

3.6 MENUNGGANG DI PELBAGAI PERMUKAAN JALAN

Menunggang di pelbagai permukaan jalan bermaksud keadaan jalan yang tidak rata, berlubang, berbukit dan sebagainya. Apabila berhadapan dengan keadaan jalan seperti ini elakkan memecut dan anda perlu bijak menggunakan brek dan kesesuaian gear serta mengimbangi badan semasa menunggang.



Gunakan gear yang sesuai ketika mendaki.



Condongkan badan sedikit ke belakang. Gunakan gear yang sesuai, pedal brek dan brek enjin ketika menuruni curam.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang perlu menunggang dengan lebih cermat, berhati-hati dan sentiasa bersedia ketika melewati di pelbagai permukaan jalan untuk keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya lain.


BAB 4

KOMPONEN-KOMPONEN WAJIB DISELENGGARA

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti komponen-komponen asas motosikal yang perlu diselenggara.
2. Menghargai kepentingan penyelenggaraan komponen asas motosikal.



1. Petrol Dan Penutup Tangki Petrol



Petrol disimpan di dalam tangki yang terletak di bawah tempat duduk motosikal (bagi motosikal skuter dan *underbone*) dan di hadapan tempat duduk (bagi motosikal tertentu). Buka penutup yang terletak di atas tangki untuk mengisi petrol dan pastikan tangki sentiasa berkeadaan bersih. Penutup perlu ditutup rapat setiap kali selepas dibuka.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Enjin motosikal anda tidak akan berfungsi sekiranya tidak mempunyai bekalan petrol yang mencukupi.

2. Minyak Enjin

Minyak enjin adalah bahan pelincir yang berfungsi untuk menjaga enjin motosikal dari panas, haus dan bunyi. Gred minyak berbeza bergantung kepada tahap keperluan enjin motosikal yang berbeza.

Motosikal 4 lejang dan 2 lejang menggunakan minyak enjin yang berbeza. Antara gred minyak enjin adalah:

- 10/50
- 20/50
- 15/40
- 20/40

(Gred berdasarkan suhu dan kelikatan minyak enjin)



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Enjin motosikal akan rosak sekiranya minyak enjin tidak mencukupi, kotor dan lama.



3. Tayar

Motosikal mempunyai dua (2) tayar yang terletak pada roda hadapan dan belakang. Tayar diperbuat daripada getah dan berfungsi untuk:

- 1) Menerima bebanan motosikal ke atas jalan raya.
- 2) Menyerap hentakan dengan baik.
- 3) Memudahkan untuk mengawal motosikal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Pastikan bunga tayar yang sempurna dan mempunyai tekanan angin yang cukup agar motosikal tidak mudah hilang kawalan dan terjatuh.

4. Rantai

Rantai berfungsi untuk menukarkan kuasa yang ada pada enjin melalui kotak gear ke roda motosikal. Rantai motosikal perlu berada dalam keadaan berminyak dan mempunyai ketegangan yang sesuai. Jarak kelonggaran rantai sekurang-kurangnya 15 - 20mm.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Rantai yang terlalu tegang boleh merosakkan enjin motosikal. Motosikal akan hilang kawalan jika roda terhenti secara tiba-tiba.

5. Brek

Berfungsi untuk memperlahan dan memberhentikan motosikal. Motosikal mempunyai dua jenis brek iaitu brek cakera dan brek gelendong (drum).

Brek cakera menggunakan bendalir yang disambung dari tuil tangan menggunakan paip minyak.

Brek drum pula menggunakan kabel yang dihubungkan menerusi kedudukan kaki kanan.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Brek tidak berfungsi jika tidak diselaras dengan betul. Kerosakan brek boleh menyebabkan motosikal yang anda tunggang terbabat dalam kemalangan.

6. Bateri

Berfungsi membekalkan kuasa elektrik untuk motosikal seperti menghidupkan enjin dan menyalakan lampu motosikal. Kebiasaannya terletak di bawah tempat duduk motosikal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Enjin akan sukar untuk dihidupkan. Pengendalian motosikal pada waktu malam amat berbahaya.



7. Klac

Berfungsi untuk memindahkan kuasa enjin melalui kotak gear ke roda belakang motosikal. Ia memudahkan pertukaran satu gear ke gear yang lain. Klac disambung menggunakan tuil yang terdapat di sebelah kiri hendal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Pelarasan tuil klac membantu pertukaran gear dengan sempurna. Penggunaan klac yang salah boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan.

8. Lampu

Lampu hadapan

Lampu hadapan mempunyai dua tahap penyuluhan iaitu:

- i) Lampu tinggi.
- ii) Lampu rendah.

Lampu hadapan biasanya berwarna kuning muda. Berfungsi menerangkan jalan pada waktu malam dan memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain pada setiap masa sama ada waktu hujan, berkabus, kawasan seperti terowong dan sebagainya.





Lampu tinggi dan rendah berfungsi memberikan keupayaan jarak penglihatan yang lebih jauh atau dekat semasa melihat ke hadapan.

Lampu belakang

- i) Lampu malam.
- ii) Lampu brek.

Lampu belakang berwarna merah, berfungsi memberi amaran kepada pengguna jalan raya yang lain di belakang ketika menunggang pada waktu malam, hujan, berkabus, kawasan seperti terowong dan sebagainya. Lampu brek memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain di belakang ketika membrek.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kerosakan lampu belakang menyebabkan motosikal tidak dapat dilihat dengan jelas. Ketiadaan lampu brek boleh mengakibatkan penunggang dilanggar apabila membrek motosikal.

Lampu penunjuk arah (lampu isyarat)

Terletak di kiri dan kanan motosikal (di bahagian hadapan dan belakang). Lampu isyarat berfungsi untuk memberi isyarat kepada pengguna jalan raya lain tentang arah yang hendak dituju. Ia dapat mengelak pengguna jalan raya lain keliru dengan pergerakan motosikal anda.

Anda perlu menggunakan lampu isyarat ketika hendak membelok. Beri isyarat lampu pada jangka waktu yang sesuai sebelum anda mengubah laluan. Fikir sebelum anda menggunakan lampu isyarat dan pastikan dipadam selepas digunakan.



Memberi isyarat lampu dengan betul dapat memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain bertindak dengan betul dan dapat mengelakkan anda terlibat dalam keadaan yang berbahaya.

Apabila anda menggunakan lampu isyarat, anda sebenarnya menghargai pengguna jalan raya yang lain, mereka tidak perlu membrek atau berhenti tanpa alasan yang munasabah. Pengguna jalan raya yang lain akan menghormati anda sekiranya anda menggunakan lampu isyarat dengan betul.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Lampu isyarat berfungsi untuk memaklumkan kepada pengguna jalan raya yang lain.

9. Hon

Hon adalah satu instrumen penting pada sesebuah motosikal. Berfungsi untuk memberi amaran dan peringatan tetapi jangan gunakan hon motosikal kepada pengguna jalan raya yang lain tanpa tujuan.

Ia akan memberikan imej yang tidak baik anda kepada mereka dan juga akan memberi provokasi kepada pengguna lain sekiranya disalah guna.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Gagal memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain apabila hon tidak berfungsi. Penggunaan hon yang salah, menimbulkan kemarahan pengguna jalan raya lain.

10. Cermin Sisi

Amat penting bagi seorang penunggang motosikal untuk memastikan apa yang terjadi di belakang seperti melihat pandangan di hadapan. Anda perlu memeriksa cermin sisi untuk melihat pergerakan kenderaan di belakang sebelah kiri dan kanan.

Anda juga perlu melihat ke belakang untuk memastikan keadaan selamat sebelum mengubah haluan ketika menunggang.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang meletakkan diri dalam risiko dilanggar jika membelok tanpa melihat ke belakang. Penunggang tidak dapat melihat arah belakang jika cermin sisi terlalu kotor.

BAB 5

PERALATAN KESELAMATAN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan jenis-jenis peralatan keselamatan menunggang motosikal.
2. Menerangkan kepentingan peralatan keselamatan menunggang motosikal.

Pelindungan kecederaan:

1. Topi keledar

Bagi setiap penunggang motosikal tiada alat pelindung keselamatan yang penting seperti topi keledar. Fungsi keberkesanan topi keledar boleh menyelamatkan nyawa penunggang apabila berlaku kemalangan. Penunggang dan pembonceng yang tidak memakai topi keledar terdedah menghadapi risiko kecederaan serius di bahagian kepala jika berlaku kemalangan.



Topi keledar boleh dipasang dengan apa jua jenis cermin pelindung muka yang jernih dan tidak berwarna dengan syarat mana-mana bahagian tambahan atau alat tambahannya tidak akan menutupi atau melindungi mana-mana bahagian muka di antara kening dengan dagu.

Orang yang dikecualikan daripada keperluan untuk memakai topi keledar ialah:

- i. Haji, Hajah dan Lebai yang memakai serban.
- ii. Orang Sikh yang memakai turban.

Ciri-ciri topi keledar yang baik:

- Diperakui piawaian oleh SIRIM.
- Selesa, kemas dan diikat dengan betul.
- Ada pita pemantul cahaya di bahagian tepi dan belakang topi.
- Berwarna cerah, putih, kuning atau merah.
- Ditukar apabila terdapat keretakan atau terkena hentakan yang kuat.
- Tali pengikat dan bahagian dalam topi yang rosak perlu diganti.



Pastikan topi keledar dipakai mengikut saiz, kemas melindungi kepala serta tidak mengganggu tumpuan semasa menunggang.

- Cermin mata keselamatan / pelindung muka.
- Gunakan cermin mata / pelindung muka untuk mengelakkan dari habuk dan serangga semasa menunggang.



2. Kasut

Pakailah but atau kasut dengan tapak yang kuat untuk memberi penukaran gear atau pengendalian brek kaki yang lebih meyakinkan. Ia juga boleh mengelakkan kaki daripada mudah tergelincir.



3. Sarung tangan

Pakailah sarung tangan untuk melindungi tangan anda daripada kecederaan. Sarung tangan mestilah dari jenis telap peluh untuk genggamannya lebih kemas.



4. Jaket keselamatan

Jaket yang menutupi keseluruhan badan dapat melindungi anggota badan dari kesejukan ketika menunggang dan mengelak kecederaan sekiranya berlaku pelanggaran atau terjatuh. Jaket yang berwarna cerah membolehkan anda mudah dilihat oleh pengguna jalan raya yang lain terutama pada waktu malam.





5. Kebolehlihatan:

i. Warna yang sesuai

Warna cerah, contoh: putih, kuning atau merah yang terdapat pada badan motosikal atau pakaian yang dipakai oleh penunggang membolehkan anda mudah dilihat pengguna jalan raya yang lain.



ii. Baju pantulan cahaya

Baju ini dapat memantulkan cahaya apabila lampu kenderaan lain menyuluh ketika anda menunggang dalam keadaan gelap atau malam.



iii. Pelekat pemantul cahaya

Alat pelekat pemantul cahaya yang dipasang pada bahagian badan motosikal atau topi keledar akan memberi pantulan cahaya agar anda lebih mudah dilihat terutama semasa menunggang di kawasan gelap atau malam.




6. Baju hujan

Pakaian ini adalah kalis air yang dapat melindungi pengguna daripada basah sewaktu menunggang dalam keadaan hujan.



7. Alat untuk membaiki motosikal

Alat asas seperti ragum, sepana, pemutar skru, pembuka palam pencucuh amat penting sekiranya berlaku kerosakan kecil seperti tayar pancit, rantai kendur atau menukar palam pencucuh yang gagal berfungsi apabila ruangan tersebut dimasuki air.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Peralatan yang sesuai mampu mengurangkan risiko kecederaan jika terlibat dalam kemalangan.

BAB 6

KESALAHAN-KESALAHAN BERKAITAN SISTEM KEJARA

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menerangkan kesalahan pemanduan di bawah Sistem KEJARA.
2. Menghargai peranan sebagai penunggang yang bertanggungjawab kepada masyarakat.

6.1 KESALAHAN-KESALAHAN MEMANDU DAN HUKUMAN-HUKUMANNYA DI BAWAH AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 DAN KAEDAH-KAEDAH DI BAWAHNYA (RTR1959)

Pengenalan

Bahagian ini mengandungi jenis-jenis kesalahan memandu dan hukuman-hukuman yang dikenakan ke atas pengguna-pengguna jalan raya yang didapati melanggar peraturan-peraturan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-kaedah di bawahnya (*Road Transport Rules 1*).

Jenis-jenis kesalahan dan hukuman adalah seperti berikut:

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987 (AKTA 333) DAN KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN 1959

1. PENDAFTARAN KENDERAAN-KENDERAAN MOTOR

BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
1.	Memiliki / menggunakan kenderaan tidak didaftarkan	Seksyen 7(1)	Seksyen 7(3)	Mahkamah			Denda RM2000
2.	Tidak memberitahu Ketua Pengarah atau Pengarah mengenai perubahan butir-butir dalam daftar	Seksyen 12(5)	Seksyen 11(2)	RM70	RM120	RM200	
3.	Tidak membuat tukar milik dalam masa 7 hari	Seksyen 13(1)	Seksyen 119(2)	RM70	RM120	RM200	



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
4.	Nombor pendaftaran tidak peraga / kabur / keliru / tidak ikut ukuran	Seksyen 14(1)	Seksyen 14(1)	RM100	RM150	RM250	
5.	Tidak tukar alamat dalam masa 2 bulan	Seksyen 58A(1)	Seksyen 58A(5)	RM70	RM120	RM200	

2. PELESENAN KENDERAAN-KENDERAAN MOTOR

BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
1.	Menggunakan kenderaan tanpa LKM / LKM telah diserahkan balik	Seksyen 15(1) Seksyen 119(2)	Seksyen 15(4) Seksyen 15(4)	Mahkamah			Denda RM5000
2.	LKM tidak pamer / mencacat / ubah / rosak / pamerkan LKM diubah / dirosak / dicatkan	Seksyen 20(1)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
3.	3.1 Tiada LKM / Trade Plate	Seksyen 23(1)	Seksyen 23(2)	Mahkamah			Denda RM2000 dan gantung LKM / Trade Plate
	3.2 LKM / Trade Plate tamat tempoh bagi kenderaan	Seksyen 22(4)					Denda RM2000 dan gantung LKM / Trade Plate
	a) Motosikal			Mahkamah			
	b) Kenderaan persendirian			Mahkamah			
	c) Teksi / kereta sewa			Mahkamah			
	d) Bas / lori			Mahkamah			



3. PELESENAN PEMANDU-PEMANDU MOTOR

BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
1.	a) Lesen Memandu tamat tempoh	Seksyen 26(1)	Seksyen 26(2)	RM70	RM120	RM200	
	b) Tiada lesen memandu		Seksyen 19(2)	RM150	RM200	RM300	
2.	Tidak patuhi syarat-syarat lesen belajar memandu	Seksyen 24(4)	Seksyen 24(4)	RM70	RM120	RM200	
3.	Gagal mengemukakan butir untuk pengendorsan	Seksyen 34(2)	Seksyen 34(4)	Mahkamah			Denda RM2000 atau 6 bulan penjara
4.	Memandu semasa lesen memandu kompeten digantung atau dibatal	Seksyen 38(2)	Seksyen 38(5)	Mahkamah			Denda RM2000 atau 6 bulan penjara

4. MEMANDU DAN KESALAHAN-KESALAHAN YANG BERKAITAN DENGANNYA

BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
1.	Memandu / menyebabkan / membenarkan memandu di bawah umur	Seksyen 39	Seksyen 39(5)	Mahkamah			Denda RM1000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya sekali
2.	i) Melebihi had laju kepada kenderaan	Seksyen 40(1)	Seksyen 40(1)	Mahkamah			Denda RM1000 dan lesen diendoskan / digantung satu bulan. Sabitan kedua lesen digantung 3 bulan



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
	ii) Melebihi had laju kebangsaan segala jalan a) Melebihi 40km/j b) 26km/j – 40km/j c) 1km/j – 25km/j	Seksyen 69(1A)	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
3.	Memandu dengan melulu dan membahayakan dan menyebabkan kematian	Seksyen 41	Seksyen 41	Mahkamah			Penjara mandatori 2 hingga 10 tahun dan denda RM5000 hingga RM20000 dan digantung lesen memandu bermula dari tarikh di mahkamah sehingga kes diputuskan penjara
4.	Memandu dengan melulu dan membahayakan (tidak melibatkan kematian)	Seksyen 42	Seksyen 42	Mahkamah			Penjara mandatori sekurang-kurangnya satu (1) hari tetapi tidak lebih lima tahun dan denda RM5000 hingga RM15000. Kesalahan berikutnya dipenjarakan tidak lebih 10 tahun dan denda RM10000 hingga RM20000



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
5.	Memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa (tidak melibatkan kematian)	Seksyen 43	Seksyen 43	Mahkamah			Denda RM4000 hingga RM10000 dan penjara tidak lebih 12 bulan
6.	Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah (melibatkan kematian atau kecederaan)	Seksyen 44	Seksyen 44	Mahkamah			Penjara mandatori 3 hingga 10 tahun dan denda RM8000 hingga RM20000 dan digantung lesen memandu bermula dari tarikh sebutan pertama di mahkamah sehingga kes diputuskan
7.	Jaga kenderaan semasa mabuk / dadah	Seksyen 45(1)	Seksyen 45(1)	Mahkamah			Denda RM500 atau penjara satu bulan. Sabitan kedua denda RM1000 atau penjara 3 bulan atau kedua-duanya
8.	Memandu atau menjaga kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan	Seksyen 45A	Seksyen 45A(3)	Mahkamah			Denda RM2000 atau penjara 6 bulan. Sabitan kedua denda RM4000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya dan lesen digantung / batal



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
9.	Ujian pernafasan 45B	Seksyen 45B	Seksyen 45B	Mahkamah			Denda RM2000 atau penjara 6 bulan atau kedua- duanya. Sabitan kedua denda RM4000 atau penjara satu tahun atau kedua- duanya dan lesen digantung 1 tahun
10.	Pengadaan spesimen bagi analisis	Seksyen 45C	Seksyen 45C(6)	Mahkamah			Denda RM2000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya sekali dan lesen digantung / batal
11.	Pandu semasa sakit / tidak upaya	Seksyen 46	Seksyen 46	Mahkamah			Denda RM1000 atau penjara 3 bulan atau kedua-duanya
12.	Menunggang atas injak / halang pemandu	Seksyen 47	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
13.	Halang lalu lintas cara bahaya	Seksyen 48	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
14.	Tunggang belakang pemandu / bawa lebih penumpang (motosikal)	Seksyen 49(1)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
15.	Gagal menunjukkan lesen memandu	Seksyen 58(2)	Seksyen 119(2)	RM70	RM120	RM200	
16.	Ambil kenderaan tanpa izin	Seksyen 51	Seksyen 51	Mahkamah			Denda RM2000 atau penjara 6 bulan atau kedua-duanya
17.	Wajib berhenti dan lapor kepada polis dalam masa 24 jam selepas kemalangan	Seksyen 52(1)	Seksyen 119(2)	RM100	RM100	RM100	



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
18.	Tidak berhenti bila ditahan (pakaian seragam)	Seksyen 55	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
19.	Guna jalan terhad / langgar sekatan penggunaan sesuatu jalan	Seksyen 70(1)	Seksyen 70(4)	RM70	RM120	RM200	
20.	Kesalahan di lintasan pejalan kaki	Seksyen 75	Seksyen 75(5)	RM150	RM200	RM300	
21.	Tidak berhenti di sekatan jalan	Seksyen 78(2)	Seksyen 78(2)	RM300	RM300	RM300	
22.	Tidak mematuhi / mengabaikan isyarat lalu lintas jalan	Seksyen 79(2)	Seksyen 79(2)	RM300	RM300	RM300	
23.	Menaja / menyertai lumba haram	Seksyen 81	Seksyen 81(2) Seksyen 81(3)	Mahkamah			Denda RM2000 atau 6 bulan penjara atau kedua-duanya. Denda RM2000 atau 6 bulan penjara dan lesen digantung satu tahun. Sabitan kedua denda RM5000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya dan lesen digantung 3 tahun
24.	Tidak pandu di sebelah kiri jalan	K.3(1)RTR/ LN 166/59	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
25.	Tidak pakai tali pinggang keledar	K.4MV (SSB)78 (P.U.A/ 378/78)	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
26.	Tidak memasang lampu motosikal pada waktu siang / malam	K.96 (A) MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM50	RM100	RM150	



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
27.	Pandu tidak rapat tepi jalan / kiri semasa pandu perlahan	K.4RTR (LN166/59)	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
28.	Tidak pakai topi keledar	K.4MS (SH)	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
29.	Memotong ikut kiri	K.5RTR (LN166/59)	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
30.	Memotong cara bahaya / susahkan orang lain / tidak benarkan kenderaan lain memotong/ meninggikan kelajuan	K.6RTR (LN166/59)	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
31.	Tidak rapat kiri semasa belok kiri / kanan	K.7RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
32.	Tidak ikut lorong betul ketika hampir di simpang	K.8RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
33.	Masuk dan berhenti di petak kuning	K.8RT(SCP) LN101/63	K.9RT(SCP)	RM150	RM200	RM300	
34.	Tidak berhenti semasa murid sekolah melintas	K.8RT(SCP) LN101/63	K.9RT(SCP)	RM150	RM200	RM300	
35.	Tidak beri laluan kepada kenderaan ambulans, Polis, Kastam, JPJ dan Bomba	K.9RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
36.	Tidur semasa memandu	K.10RTR	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
37.	Memandu tanpa dapat mengawal kenderaan	K.17RTR	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
38.	Menggunakan telefon bimbit semasa memandu	K.17(A)RTR	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
39.	Memotong di garisan kembar	K.12(3)(a)75 LN167/59	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
40.	Pusing 'U' di jalan yang ada had laju	K.13RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
41.	Tinggalkan kenderaan tanpa mematikan enjin / menggunakan brek tangan	K.14RTR	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
42.	Brek tidak berfungsi	K.15(9) MV(C/U) LN170/59	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
43.	Halang lalu lintas / tidak berhenti rapat tepi semasa turun dan naik penumpang	K.16RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
44.	Gagal mematuhi lampu isyarat	K.17 dan K.18 TS (LN167/59)	Seksyen 119(2)	RM300	RM300	RM300	
45.	Buka tepi / belakang dinding kenderaan / bahaya	K.22RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
46.	Tidak pasang cermin sisi motosikal	K.21MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM50	RM100	RM150	
47.	Pengilap cermin tidak berfungsi	K.23MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
48.	Hon tidak berfungsi / nada siren	K.24MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM50	RM100	RM150	
49.	Lampu isyarat tidak berfungsi	K.25MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
50.	Lampu brek tidak berfungsi / nyala berkelip / bukan merah jingga	K.26MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
51.	Tiada mudflap (wings)	K.31MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
52.	Tidak selenggara kenderaan dengan baik	K.94MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
53.	Tidak jaga brek / gear / stereng / pengilap cermin	K.95MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
54.	Tidak jaga lampu dengan baik / tidak berfungsi	K.97MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
55.	Tidak pasang lampu pada waktu malam	K.101MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
56.	Tidak ada alat amaran tiga segi	K.101A MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM70	RM120	RM200	
57.	Pasang lampu semasa berhenti di sebelah kanan jalan	K.102MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
58.	Tidak jaga <i>silencer</i> / ekzos	K.103MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM70	RM120	RM200	
59.	Tidak jaga meter kelajuan	K.104MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
60.	Tidak jaga tayar / tidak berbunga	K.105MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
61.	Ekzos bunyi bising	K.109MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
62.	Halang lalu lintas kecuali turun penumpang	K.113MV(C/U)	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
63.	Memasang lampu hadapan selain warna putih	K.96(20)(i)	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
64.	Larangan penggunaan cermin gelap	K.5MV(PCTG) 1991	K.10MV (PCTG)	RM100	RM150	RM250	
65.	Letak kenderaan di tempat yang dilarang:						
	i) Tanda 'tidak boleh meletak kenderaan'	K.8A (TS(SCT) 59 LN 167/59		RM100	RM150	RM250	
	ii) Di garisan kuning	K.12(3A)TS	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	



BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
66.	Letak kenderaan di tempat yang dilarang:						
	i) Di simpang / selekoh	K.12(1)RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
	ii) Daripada paip bomba	K.12(2)RTR	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
	iii) Di tempat bahaya / terlindung	K.12(3)RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
	iv) Perhentian bas	K.12(4)RTR	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
67.	Baiki / basuh kenderaan di garis pejalan kaki awam	K.48RTR	Seksyen 119(2)	RM100	RM150	RM250	
68.	Henti / halang lalu lintas di pejalan kaki	K.38RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	
69.	Guna / letak kenderaan di pejalan kaki / jalan awam	K.50RTR	Seksyen 119(2)	RM150	RM200	RM300	

5. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN TERHADAP RISIKO-RISIKO PIHAK KETIGA YANG TIMBUL DARIPADA PENGGUNAAN KENDERAAN MOTOR

BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
1.	Tiada perlindungan insuran	Seksyen 90(1)	Seksyen 90(2)	Mahkamah			Denda RM1000 atau penjara 3 bulan atau kedua-duanya dan lesen digantung selama 12 bulan
2.	Pemilik gagal kemukakan insuran	Seksyen 58(1)	Seksyen 103	RM70	RM120	RM200	



6. KESALAHAN-KESALAHAN DAN PELBAGAI PERUNTUKAN

BIL.	KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH KESALAHAN	SEKSYEN / KAEDAH HUKUMAN	KADAR KOMPAUN			KADAR MAHKAMAH
				15 hari	Sebulan	Maksimum	
1.	Palsu / pemalsuan atau (kemuka / ubah) rosak / usik / cacatkan / gunakan lesen / dokumen / plat palsu	Seksyen 108	Seksyen 108	Mahkamah			Denda RM5000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya
2.	Liabiliti Pemunya Berdaftar	Seksyen 109	Seksyen 109				Disabitkan bersalah sebanyak 3 kali di bawah Seksyen 41, 42, 43, 44, 45 dan 45A dalam masa 3 tahun oleh pemandu yang sama. Pemilik kenderaan boleh didenda RM50,000 hingga RM150,000. Kesalahan berikutnya didenda RM100,000 hingga RM500,000
3.	Halangan / gangguan lalu lintas	Seksyen 110	Seksyen 110	RM150	RM200	RM300	
4.	a) Enggan beri maklumat b) Maklumat palsu	Seksyen 114(3)	Seksyen 114(2)	Mahkamah			Denda RM5000 atau penjara satu tahun atau kedua-duanya
5.	Gagal beri maklumat pemandu	Seksyen 115(1)	Seksyen 115(1)	RM100	RM150	RM250	



6.2 SISTEM KEJARA

1. Pengertian Umum

Sistem KEJARA adalah singkatan dari Sistem Keselamatan Jalan Raya iaitu suatu prosedur pemberian mata demerit kepada pemegang lesen memandu yang melakukan kesalahan terjadual di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah di bawahnya. Sistem ini ditujukan kepada pemandu kenderaan yang memiliki Lesen Memandu Kompeten, Lesen Memandu Percubaan dan Lesen Vokasional.

2. Pengertian Khusus

Sistem pemberian mata demerit kepada pemandu kenderaan yang disabitkan dengan kesalahan terjadual dan telah membayar kompaun yang ditetapkan (sama ada JPJ, PDRM, PBT, SPAD dan LLM) atau denda Mahkamah bagi kesalahan terjadual.

3. Kenapa Sistem KEJARA Diwujudkan

Sistem KEJARA diwujudkan bertujuan untuk:

- i. Mendisiplinkan atau mendidik pengguna jalan raya dan mengelakkan pesalah melakukan kesalahan berulang.
- ii. Mengambil tindakan terhadap pemandu yang melakukan kesalahan jalan raya.
- iii. Untuk mengasingkan pemandu yang bermasalah dan berisiko di atas jalan raya.
- iv. Untuk meningkatkan kesedaran kepada pemandu mengenai keselamatan jalan raya dan mematuhi peraturan jalan raya.
- v. Menjadikan pemandu yang lebih berdisiplin, bertanggungjawab dan bertimbang rasa di jalan raya.

4. Bagaimana Sistem KEJARA Berfungsi

Sistem KEJARA berfungsi seperti berikut:

- i. Sistem KEJARA berfungsi di bawah Seksyen 35, 35A, 37 dan 38 Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah Pengangkutan Jalan (Mata Demerit) 2017.



- ii. Rekod pesalah Sistem KEJARA diwujudkan melalui notis saman yang berkaitan dengan kesalahan-kesalahan terjadual dan mata demerit akan dikira
- iii. Bagi pemandu yang telah mengumpul 20 atau lebih mata demerit, tindakan berikut akan diambil:

MATA DEMERIT	HUKUMAN
20 atau lebih mata demerit kali pertama	Amaran
20 atau lebih mata demerit bagi kali kedua	Lesen memandu digantung selama 6-8 bulan
20 atau lebih mata demerit bagi kali ketiga	Lesen memandu digantung selama 8-10 bulan
20 atau lebih mata demerit bagi kali keempat	Lesen memandu digantung selama 10-12 bulan dan tindakan pembatalan lesen memandu akan dibuat sekiranya lesen memandu telah digantung sebanyak 3 kali dalam tempoh 5 tahun

5. Kursus Pemulihan

Ketua Pengarah JPJ boleh mengarahkan pemegang lesen memandu yang digantung menghadiri kursus pemulihan. Apabila pemegang lesen menghadiri kursus dengan jayanya, Ketua Pengarah JPJ boleh memotong sejumlah mata demerit (tidak melebihi 50%) daripada jumlah mata terkumpul dan tidak disabitkan dengan mana-mana kesalahan terjadual selama tempoh 12 bulan dari tarikh terakhir melakukan kesalahan terjadual.

6. Pemberian Bonus (Insentif Pemanduan Berhemah)

Pemotong mata demerit tidak melebihi 50% boleh diberikan jika:

- i. Tidak melakukan kesalahan terjadual dalam tempoh 12 bulan;
- ii. Tiada kesalahan tertunggak; ATAU
- iii. Hadir kursus pemulihan dengan jayanya.

7. Penalti Denda

Apabila lesen memandu sedang digantung atau dibatalkan, pemandu adalah dilarang untuk memandu. Jika pemandu memandu ketika lesen memandu digantung atau dibatalkan, ia boleh didenda tidak kurang daripada RM3,000 dan tidak melebihi RM10,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga bulan.



8. Kesalahan-Kesalahan Terjadual Dan Mata Demerit Yang Diberikan

Kesalahan terjadual dan mata demerit adalah seperti berikut:

Bil.	Kesalahan	Mata demerit yang diberikan	
		Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas	Pemandu kenderaan barangan dan bas
1.	Menjaga suatu kenderaan motor semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan atau dadah	10	10
2.	Memandu atau menjaga suatu kenderaan motor dengan kepekatan alkohol melebihi had yang ditetapkan	10	10
3.	Memandu dengan tidak cermat dan tidak bertimbang rasa	10	10
4.	Gagal mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas apabila dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai polis	10	10
5.	Gagal mengadakan spesimen nafas bagi ujian nafas atau spesimen darah atau air kencing bagi ujian makmal apabila di kehendaki berbuat demikian oleh pegawai polis	10	10
6.	Memandu kenderaan barangan yang membawa muatan yang boleh mendatangkan bahaya atau mungkin mendatangkan bahaya	—	10
7.	Memandu kenderaan barangan yang membawa muatan yang menjulur melebihi bahagian belakang, hadapan atau tepi kenderaan barangan tanpa kebenaran terdahulu Ketua Pengarah	—	10
8.	Memandu kenderaan barangan dengan muatan yang terjatuh atau dengan tumpahan daripada kenderaan barangan	—	10
9.	Memandu kenderaan barangan yang tidak sesuai yang menyebabkan atau boleh menyebabkan bahaya	—	10



Bil.	Kesalahan	Mata demerit yang diberikan	
		Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas	Pemandu kenderaan barangan dan bas
10.	Gagal atau mengabaikan arahan pegawai polis, pegawai pengangkutan jalan atau warden lalu lintas dalam mengawal selia lalu lintas	4	6
11.	Orang yang memandu atau mendorong kenderaan motor yang gagal atau mengabaikan mematuhi isyarat lalu lintas yang berikut:		
	(a) isyarat merah;	4	6
	(b) isyarat berhenti pada simpang jalan; atau	4	6
	(c) isyarat had laju, dengan—		
	(i) melebihi 40 km sejam;	4	6
	(ii) melebihi 25 km ke 40 km sejam; atau	3	5
	(iii) melebihi 1 km ke 25 km sejam	2	4
12.	Gagal mematuhi isyarat merah	4	6
13.	Melebihi had laju yang dikenakan pada sesuatu kenderaan:		
	(a) melebihi 40 km sejam;	4	6
	(b) melebihi 25 km ke 40 km sejam	3	5
	(c) melebihi 1 km ke 25 km sejam	2	4
14.	Memotong kenderaan di garisan berterusan	4	6
15.	Memandu kenderaan barangan dengan melebihi had maksimum berat dengan muatan yang dibenarkan	—	6
16.	Membawa orang dalam kenderaan perkhidmatan awam melebihi bilangan yang ditetapkan dalam lesen atau perakuan kenderaan perkhidmatan awam	—	6



Bil.	Kesalahan	Mata demerit yang diberikan	
		Pemandu kenderaan motor selain kenderaan barangan dan bas	Pemandu kenderaan barangan dan bas
17.	Memandu, menunda, menolak atau meninggalkan tanpa berjaga suatu kenderaan di lorong kecemasan	4	6
18.	Memotong kenderaan motor di sebelah kiri	4	6
19.	Gagal memberi laluan kepada kenderaan yang diberi keutamaan	3	5
20.	Menggunakan atau cuba untuk menggunakan telefon bimbit atau apa-apa kelengkapan komunikasi lain tanpa melalui suatu alat bebas tangan semasa memandu	3	5
21.	Memandu kenderaan barangan atau kenderaan perkhidmatan awam secara berterusan di lorong paling kanan	-	4
22.	Memandu kenderaan motor tanpa memakai tali pinggang keledar mengikut cara yang dikehendaki oleh jenis dan binaan tali pinggang keledar itu	3	3
23.	Memandu motosikal tanpa memakai topi keledar mengikut cara yang dikehendaki oleh jenis dan binaan topi keledar itu	2	2

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU

**KPP02 :
PRAKTIKAL DI LITAR
(PERSEDIAAN SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN)**



MOTOSIKAL

BAB 1

PEMERIKSAAN SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengamalkan rutin memeriksa dan memastikan motosikal dalam keadaan selamat sebelum memulakan perjalanan.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.

1. Petrol Dan Penutup Tangki

Pastikan petrol mencukupi sebelum anda memulakan perjalanan. Anda juga boleh melihat penanda aras minyak petrol pada panel instrumen.



Buka penutup tangki petrol melawan arah jam.



Periksa penanda aras minyak petrol pada panel instrumen.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Enjin motosikal tidak akan berfungsi sekiranya tidak mempunyai petrol.




2. Minyak Enjin

Periksa minyak enjin ketika enjin motosikal berhenti. Letak motosikal di atas permukaan yang rata. Sukatan minyak tidak tepat sekiranya motosikal anda berada dalam keadaan menyereng. Rod penyukat aras terdapat di sebelah kanan enjin motosikal.

Tambah minyak enjin sekiranya tidak mencukupi. Tukar minyak enjin bila ia telah kotor dan lama. Minyak enjin juga boleh ditukar dengan jadual:

Setiap 3 bulan atau 3000km perjalanan (yang mana dahulu).



Buka rod penyukat aras melawan arah jam dengan menggunakan ragum.

Bersihkan rod penyukat aras menggunakan kain bersih, masukkan kembali ke dalam enjin dan lihat kesan minyak.



Tambah minyak enjin sekiranya tidak mencukupi.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Penjagaan minyak enjin mengikut jadual yang disyorkan mampu mengelak kerosakan motosikal.



3. Tayar

Periksa bunga tayar dengan melihat tanda sukatan yang terdapat pada permukaan tayar. Prestasi tayar berada dalam keadaan yang baik jika digunakan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pengeluaran.



Lihat permukaan tayar agar tidak rosak dan haus.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Utamakan keselamatan penunggang dan pembonceng dari terbabas dengan penggunaan tayar yang baik dan tekanan angin sesuai.

4. Rantai

Jika rantai terlalu tegang, ia akan mengganggu prestasi enjin dan juga kestabilan motosikal. Jika terlalu kendur, ia akan terlucaut dan akan membuatkan roda belakang terhenti secara tiba-tiba.



Gunakan minyak pelincir rantai. Kendur dan tegangkan pada kiraan 15 – 20 mm jarak bebas rantai. Tukar rantai sekiranya pemacu (sprocket) telah haus dan tajam.



Penegang rantai automatik.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Bagi memastikan keselamatan diri dan pembonceng dari berlakunya kemalangan akibat rantai motosikal putus secara tiba-tiba ketika menunggang dalam keadaan laju.



5. Brek (Model motosikal tertentu)

Apabila kita menarik tuil brek, kedua-dua keping pad brek akan bertemu dan memperlahankan pergerakan roda hadapan.

Apabila kita menekan pedal kaki, brek gelendong (drum) akan menekan dinding brek drum dan memperlahankan roda belakang.

Pegang hendal dan dua jari kanan menarik tuil brek. Cengkam jari dengan perlahan. Makin kuat cengkaman, brek akan lebih mencengkam.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Utamakan keselamatan diri dan pembonceng dari melanggar pengguna jalan raya di hadapan dengan sistem brek yang sempurna.




Letak hujung kaki di atas pedal brek. Tekan pedal ke bawah menggunakan pergerakan pergelangan kaki. Makin kuat kaki menekan pedal, brek akan lebih mencengkam.



Brek drum : Selaraskan kabel brek belakang mengikut kesesuaian.



Makin kuat cengkaman, brek akan lebih mencengkam.



Brek cakera : Periksa takungan bendalir brek dan saluran bendalir brek dari kebocoran.




6. Bateri

Terdapat dua jenis bateri iaitu bateri kering dan bateri basah. Bateri terletak di bawah tempat duduk motosikal.



Pastikan bateri kering berada dalam keadaan baik. Tukar setiap 1 – 2 tahun sekali.



Bagi bateri basah, periksa cecair melalui penanda yang terdapat di tepi bateri mengikut sukatan dan tambah jika perlu.



7. Klac

Menukar kuasa enjin dari kotak gear kepada roda belakang. Klac disambung menggunakan kabel ke tuil klac. Pastikan kabel tidak putus.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Utamakan keselamatan diri dan pembonceng dari melanggar pengguna jalan raya di hadapan dengan sistem brek yang sempurna.



Cengkam klac dengan empat jari.



Pastikan kabel klac tidak putus.



Nilai Keselamatan Jalan Raya


Utamakan keselamatan diri dan pembonceng dari terbabas jika menggunakan klac yang rosak.

8. Lampu dan Lampu Isyarat

Pastikan semua lampu berfungsi dengan baik. Antaranya ialah:

- Lampu Tinggi.
- Lampu Rendah.
- Lampu Belakang.
- Lampu Brek.

Kaedah:



Tolak suis ke atas bagi lampu tinggi atau ke bawah bagi lampu rendah.



Tarik tuil brek tangan dan tekan pedal brek kaki untuk memastikan lampu brek menyala.





Tolak suis lampu isyarat ke kiri atau ke kanan bagi memberi isyarat membelok.

Gunakan lampu isyarat setiap kali anda hendak menukar haluan ataupun membelok sama ada terdapat pengguna jalan raya yang lain di hadapan atau di belakang.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Utamakan keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya lain yang mungkin akan terdapat dalam kemalangan akibat kegagalan memastikan lampu berfungsi dengan sempurna.

9. Hon

Gunakan hon untuk memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain dengan kadar yang ringkas.



Tekan butang hon dengan kadar segera untuk memastikan ia berfungsi.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Demi keselamatan, penunggang dapat memberi peringatan atau amaran dengan penggunaan hon yang betul kepada pengguna jalan raya lain untuk mengelak kemalangan.



10. Cermin Sisi

Pastikan kedua-dua cermin sisi di kiri dan kanan motosikal berkeadaan baik.

Cermin sisi biasanya mempunyai permukaan rata atau melengkung dan ini memberi gambaran keadaan belakang yang berbeza. Cuba biasakan dengan jarak kenderaan di belakang melalui perbezaan cermin sisi yang ada pada motosikal anda.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Demi keselamatan, penunggang dapat memberi peringatan atau amaran dengan penggunaan hon yang betul kepada pengguna jalan raya lain untuk mengelak kemalangan.



Cermin sisi perlu sentiasa bersih dengan mengelap menggunakan kain bersih.

BAB 2

MENGHIDUP DAN MEMATIKAN ENJIN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:


1. Menghidupkan dan mematikan enjin dengan cara yang betul dan selamat.
2. Menghargai kepentingan motosikal berada dalam keadaan sempurna.

2.1 MENGHIDUPKAN ENJIN MOTOSIKAL

Pastikan injap aliran minyak (*fuel cock*) dibuka sepenuhnya.

Gunakan kaki dan tangan untuk memastikan brek depan dan belakang berfungsi sepenuhnya.

Gear perlu berada pada keadaan bebas dan juga boleh merujuk kepada isyarat lampu neutral.



Pulas kunci penalaan motosikal ke tanda ON (Buka).

Gunakan choke sekiranya cuaca sejuk atau enjin yang lama tidak dihidupkan.





Hidupkan enjin dengan menggunakan tendang kaki.



Bagi sesetengah model motosikal, hidupkan enjin menggunakan penghidup tangan.



Pulas pendikit minyak dan dengar bunyi enjin.



Periksa semua penunjuk dan meter pada panel instrumen.



Nilai Keselamatan Jalan Raya


Enjin sukar dihidupkan sekiranya gear tidak dalam keadaan bebas dan pendikit minyak dipulas terlalu banyak.

Kaedah:

2.2 MEMATIKAN ENJIN MOTOSIKAL



Cengkam tuil klac (model motosikal tertentu) dan tekan pedal gear untuk memastikan gear telah bebas (neutral).



Matikan enjin dengan memulas kunci penalaan ke tanda OFF (Tutup).



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Gear perlu dilaraskan pada kedudukan bebas ketika enjin dimatikan untuk memelihara enjin agar tidak rosak.

BAB 3

MENGENALI PANEL INSTRUMEN MOTOSIKAL

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengenalpasti dan mengetahui fungsi setiap komponen pada panel instrumen motosikal.
2. Menghargai kepentingan setiap komponen motosikal.

Kaedah:

1. Kunci Penalaan (*Ignition Switch*)

Berfungsi untuk menghidupkan enjin dan membebaskan motosikal dari keadaan terkunci.



Nilai Keselamatan Jalan Raya



Kerosakan kunci menyebabkan kita gagal menghidupkan motosikal dan membebaskan motosikal dari keadaan terkunci.

2. Meter Kelajuan (*Speedometer*)

Berfungsi mengukur had laju motosikal yang sedang ditunggang.



Nilai Keselamatan Jalan Raya



Kerosakan meter kelajuan boleh membuatkan kita menunggang melebihi halaju dan boleh disaman.



3. Meter Putaran Enjin (*Tachometer – R.P.M.*) (*Model motosikal tertentu*)

Berfungsi mengukur kelajuan putaran enjin motosikal ketika dihidupkan.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Gagal menjangka putaran enjin dan boleh merosakkannya.

4. Meter Jumlah Jarak Perjalanan (*Odometer*)

Berfungsi mengukur jumlah jarak perjalanan motosikal.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kerosakkan odometer membuatkan kiraan jumlah jarak perjalanan motosikal tersekat

5. Meter Jarak Perjalanan Semasa (*Trip Meter*) (*Model motosikal tertentu*)

Trip meter berfungsi mengukur jarak perjalanan semasa ketika motosikal digunakan.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kerosakan trip meter membuatkan kiraan jarak perjalanan semasa motosikal tersekat.

6. Penanda Aras Petrol

Berfungsi mengukur kandungan minyak petrol di dalam tangki motosikal.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Jika anda tidak melihat penanda aras petrol kemungkinan minyak petrol kehabisan di pertengahan jalan.

7. Senarai Lampu Amaran: Lampu Bebas (*Neutral*)

Berwarna hijau menunjukkan gear berada dalam keadaan bebas.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kerosakan lampu neutral menyukarkan penunggang untuk memastikan keadaan gear benar-benar bebas.

8. Lampu Isyarat Kiri Dan Kanan (*Signal*)

Berwarna hijau dan berkelip. Memberi amaran yang lampu isyarat sedang digunakan.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kegagalan mengesan apabila lampu isyarat digunakan boleh menyukarkan pengguna jalan raya lain.



9. Lampu Tinggi (*High Beam*)

Berwarna biru dan memberi amaran lampu tinggi sedang digunakan.



Nilai Keselamatan Jalan Raya



Kegagalan mengesan penggunaan lampu tinggi boleh menyebabkan pengguna jalan raya dari arah hadapan mengalami keadaan silau dan boleh mengakibatkan kemalangan.



10. Lampu Tekanan Minyak Enjin (*Model motosikal tertentu*)

Berwarna merah dan berfungsi untuk memberi amaran kekurangan minyak di dalam enjin.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Kegagalan mengesan tahap minyak enjin yang kurang boleh merosakkan komponen-komponen enjin.



11. Lampu Suhu Enjin (*Model motosikal tertentu*)

Berwarna merah/hijau dan berfungsi memberitahu tahap suhu enjin motosikal.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Kegagalan mengesan tahap minyak enjin yang kurang boleh merosakkan komponen-komponen enjin.



12. Lampu Sistem Brek Anti Kunci (*ABS*) (*Model motosikal tertentu*)

Berwarna merah/kuning/oren dan berfungsi memberi amaran sistem ABS motosikal telah aktif.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Kegagalan mengesan sistem ABS motosikal yang aktif boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan jika membrek secara mengejut.

BAB 4

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN BREK, KLAC DAN PENDIKIT MINYAK

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengoperasikan brek, klac dan pendikit minyak dengan betul.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.

4.1 BREK

Berfungsi memperlahan dan memberhentikan motosikal.

Kaedah:

- Periksa kedua-dua brek agar berfungsi.
- Periksa sukatan bendalir brek.
- Selaras tuil tangan dan pedal kaki mengikut kesesuaian.
- Pastikan jarak bebas tuil adalah 15 - 20mm.



Jangan guna brek hadapan dan belakang secara mengejut. Roda motosikal akan terhenti secara tiba-tiba dan motosikal akan hilang kawalan.

Nilai Keselamatan Jalan Raya




Penunggang tidak dapat memberhentikan motosikal, terjatuh atau melanggar pengguna jalan raya lain.

4.2 KLAC

Klac terdiri dari komponen kepingan karbon yang menjadi renggang dengan bekalan kuasa yang dihasilkan oleh enjin bila tuil ditarik. Lebih banyak cengkaman pada tuil klac dibebaskan, lebih banyak tenaga enjin disalurkan untuk menggerakkan motosikal.

Kaedah:



- Selaraskan tuil mengikut keselesaan jari. Periksa jarak bebas tuil pada kadar 10 – 20mm. Sekiranya jarak bebas tuil terlalu panjang atau terlalu pendek, ia menyukarkan pertukaran gear dengan sempurna.
- Cengkam tuil klac menggunakan empat jari sebelum menekan pedal gear. Setelah pedal gear ditekan, lepaskan cengkaman pada tuil klac secara perlahan sehingga kuasa enjin bertindak balas kepada tayar belakang dan menggerakkan motosikal. Sekiranya anda mencengkam tuil klac pada kadar sederhana, ia dapat membantu anda untuk menunggang motosikal pada kadar yang perlahan dengan lebih selesa.

Sesetengah motosikal dilengkapi dengan klac auto ataupun klac separa auto.

Nilai Keselamatan Jalan Raya



Motosikal akan hilang kawalan jika tuil klac dilepaskan secara agresif ketika dalam kedudukan gear.



Klac Auto

Kaedah:

- Tidak menggunakan tuil klac dan tidak memerlukan pertukaran gear. Pulas pendikit minyak pada kedudukan gear neutral dan sistem klac akan beroperasi secara sendiri.

Klac Semi Auto

Kaedah:

- Tidak menggunakan tuil klac, menukar gear secara manual.

4.3 PENDIKIT MINYAK

Kaedah:

- Genggam pendikit minyak dan pulas perlahan-lahan. Pendikit minyak akan kembali ke kedudukan asal apabila genggamannya dilepaskan.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Memulas pendikit minyak secara perlahan-lahan dapat menjimatkan penggunaan petrol manakala memulas dengan mengejut boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan.

BAB 5

MENGGUNAKAN GEAR MOTOSIKAL

HASIL PEMBELAJARAN


Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Mengoperasikan gear dengan betul.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.

Gear berfungsi untuk menggerakkan motosikal. Pemilihan gear bertujuan untuk menyelaraskan kuasa pecutan, kelajuan dan memperlakan pergerakan motosikal dengan tertib.

Kaedah:

- Tekan pedal gear untuk menukar gear yang lebih tinggi.
- Cungkil pedal gear untuk menukar gear yang lebih rendah.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Pemilihan gear yang tidak tepat boleh menyebabkan pergerakan motosikal tidak lancar.

BAB 6

MENYESUAIKAN DIRI DENGAN RUTIN SELAMAT SEBELUM MENUNGGANG MOTOSIKAL

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan amalan rutin selamat sebelum menunggang motosikal.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.

6.1 PERALATAN KESELAMATAN UNTUK MENUNGGANG MOTOSIKAL

Topi Keledar Yang Diluluskan

Bagi setiap penunggang motosikal, tiada alat pelindung keselamatan yang penting seperti topi keledar. Fungsi keberkesanan topi keledar boleh menyelamatkan nyawa penunggang apabila berlaku kemalangan. Penunggang dan pembonceng yang tidak memakai topi keledar terdedah menghadapi risiko kecederaan serius di bahagian kepala apabila berlaku kemalangan.



Terlalu longgar



*Terlalu ketat (saiz tidak
bersesuaian)*



Kemas dan selesa



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Penggunaan topi keledar yang tidak mengikut spesifikasi boleh menyebabkan kecederaan parah di kepala jika terjatuh atau terbabit dalam kemalangan.

Ciri-Ciri Topi Keledar Yang Baik:

- Diperakui standardnya oleh SIRIM.
- Saiz yang bersesuaian, kemas dan diikat dengan betul.
- Ada pita pemantul cahaya di bahagian tepi dan belakang topi.
- Berwarna cerah seperti putih, kuning atau merah.
- Ditukar apabila terdapat keretakan atau terkena hentakan yang kuat.
- Tali pengikat dan bahagian dalam topi yang rosak perlu diganti. Pastikan topi keledar dipakai mengikut saiz, kemas melindungi kepala serta tidak mengganggu tumpuan semasa menunggang.

Cermin Mata Keselamatan/Pelindung Muka

Amat digalakkan menggunakan cermin mata/pelindung muka untuk mengelakkan dari habuk dan serangga semasa menunggang.



Kasut

Pakailah but atau kasut dengan tapak yang kuat untuk memberi penukaran gear atau pengendalian brek kaki yang lebih cengkam. Ini adalah kerana untuk mengelakkan kaki daripada mudah tergelincir.

Jaket Keselamatan

Jaket yang menutupi keseluruhan badan dapat melindungi anggota badan dari kesejukan ketika menunggang dan mengelak kecederaan apabila terjatuh atau terbabat dalam kemalangan. Jaket berwarna cerah dan baju pemantul cahaya membolehkan anda mudah dilihat oleh pengguna jalan raya lain terutama pada waktu malam.



Sarung Tangan

Pakailah sarung tangan untuk melindungi tangan anda daripada kecederaan. Sarung tangan mestilah dari jenis telap peluh untuk memberi genggaman lebih kemas.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kegagalan menggunakan peralatan keselamatan menunggang boleh menyebabkan penunggang motosikal mengalami kecederaan yang parah jika terlibat dalam kemalangan.

6.2 PEMERIKSAAN MOTOSIKAL SEBELUM MENUNGGANG

Petrol Dan Penutup Tangki

- Pastikan petrol mencukupi dan penutup ditutup kemas mengikut arah jam.



Minyak Enjin

- Pastikan tiada berlaku kebocoran minyak enjin dengan melihat keseluruhan bahagian luar enjin.
- Pastikan penutup minyak enjin ditutup kemas mengikut arah jam dengan menggunakan ragum.



Tayar

- Gunakan alat penyukat tekanan angin tayar sebagai salah satu alat asas untuk memastikan tekanan angin tayar hadapan dan belakang mencukupi.



Rantai

- Pastikan ketegangan atau kekenduran rantai dengan cara menggunakan jari untuk mengenalpasti tahap kelegaan. Gunakan pembaris untuk mendapatkan kiraan 15 - 20 milimeter jarak bebas rantai.



Hon

- Periksa hon dengan menekan butang hon dengan kadar segera untuk memastikan ia berfungsi.



Cermin Sisi

- Duduk seakan menunggang di atas motosikal sambil melihat ke arah kedua belah cermin sisi dan melaraskannya sehingga mendapat sudut pandangan yang tidak terlindung oleh badan penunggang mahupun pembonceng di bahagian belakang motosikal.



Klac

- Pastikan kelancaran sistem klac berfungsi dengan menarik dan melepaskan tuil klac secara berulang-ulang.





Lampu Dan Lampu Isyarat (*Signal*)



- Pastikan lampu hadapan berfungsi dengan melihat sambil meletakkan telapak tangan dan pada masa yang sama memulas pendikit minyak.



- Tarik tuil brek tangan atau menekan pedal brek kaki sambil meletak telapak tangan di bahagian lampu belakang untuk memastikan ia menyala.



- Tolak suis lampu isyarat ke kiri atau kanan sambil meletakkan telapak tangan untuk memeriksa lampu isyarat menyala di bahagian hadapan dan belakang.

Brek

- Pastikan brek hadapan berfungsi dengan menarik tuil sambil meletakkan beban badan ke arah hadapan. Uji juga brek belakang dengan menekan pedal brek sambil memulas pendikit minyak dan lakukannya secara berulang-ulang.



Tarik tuil sambil meletakkan beban badan ke arah hadapan



Tekan pedal brek sambil memulas pendikit minyak dan lakukannya secara berulang-ulang

Bateri

- Lihat tahap pencahayaan pada panel instrumen sebagai salah satu cara untuk mengesan keupayaan kuasa bateri.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kegagalan penunggang motosikal memeriksa komponen-komponen seperti petrol, minyak enjin, tayar, rantai, brek, bateri dan klac akan menyebabkan motosikal mengalami kerosakan ketika digunakan.

BAB 7

BANTUAN KECEMASAN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kesediaan untuk bertindak jika berlaku kecemasan.
2. Mempunyai rasa tanggungjawab untuk menyelamatkan mangsa-kemalangan.
3. Membantu mereka yang menghadapi masalah atau kemalangan di jalan raya.

7.1 LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL JIKA TERLIBAT DALAM KEMALANGAN

- a) Berhenti dan memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain.
- b) Nyalakan lampu amaran yang terdapat pada motosikal anda.
- c) Pastikan seseorang atau anda sendiri menelefon pihak ambulans sekiranya ada mangsa yang memerlukan bantuan.
- d) Pastikan keadaan kemalangan adalah selamat dari gangguan trafik lain.
- e) Jangan letakkan diri anda dalam situasi berbahaya kepada pengguna jalan raya lain.
- f) Jangan sesekali menanggalkan topi keledar penunggang motosikal yang terlibat kemalangan apabila mereka berada dalam keadaan tidak sedarkan diri melainkan anda pasti tindakan anda mampu mengurangkan risiko kecederaan teruk kepada mereka seperti kesesakan pernafasan.
- g) Jangan memberi apa-apa makanan, minuman dan bahan lain kepada mangsa kemalangan jalan raya.

DAIL KECEMASAN

999



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Sekiranya terlibat dalam kemalangan, cuba bersabar dan selesaikan masalah dengan baik. Motosikal hanyalah harta benda yang boleh ditukar ganti berbanding keselamatan dan nyawa sendiri.

7.2 LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL JIKA TERLIBAT DALAM KEMALANGAN RINGAN BERSAMA PENGGUNA JALAN RAYA LAIN

Pastikan keadaan sekeliling adalah selamat tanpa unsur-unsur jenayah. Alihkan motosikal ke tepi jalan ataupun tempat yang selamat.

Selesaikan masalah dengan pihak yang terlibat dengan cara baik, bertimbang rasa dan tolak ansur ataupun:

- a) Ambil nota tentang nama, alamat dan nombor telefon pihak yang terlibat.
- b) Catatkan model, keluaran dan nombor pendaftaran kenderaan yang terlibat dalam kemalangan itu.
- c) Maklumat tentang syarikat insurans kenderaan tersebut, nama saksi dan alamat mereka yang melihat kemalangan tersebut.
- d) Nama jalan dan keadaan persekitaran kawasan kemalangan.
- e) Mengenal pasti pegawai polis yang menyiasat kes kemalangan tersebut seperti nombor badan dan nama.
- f) Dalam keadaan tertentu, anda mungkin tiada nota dan pen, anda boleh menggunakan telefon bimbit sebagai alat mencatat maklumat dan mengambil gambar.





7.3 LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL JIKA TERLIBAT DALAM KEMALANGAN SERIUS BERSAMA PENGGUNA JALAN RAYA LAIN

- Pastikan keadaan sekeliling adalah selamat tanpa unsur-unsur jenayah.
- Jangan alihkan kenderaan sehingga diberi kebenaran oleh pihak berkuasa/polis.
- Hubungi bantuan kecemasan dengan segera.
- Kawal keadaan kawasan kemalangan dengan bantuan pengguna jalan raya yang lain.
- Tunggu sehingga ketibaan pihak berkuasa/polis.
- Buat laporan kepada pihak polis.



7.4 LANGKAH-LANGKAH YANG BOLEH DIAMBIL JIKA TERLIHAT MANGSA KEMALANGAN JALAN RAYA

- Pastikan keadaan sekeliling adalah selamat tanpa unsur-unsur jenayah.
- Hubungi bantuan kecemasan dengan segera.
- Beri amaran kemalangan yang berlaku kepada pengguna jalan raya lain.
- Periksa keadaan mangsa kemalangan.
- Jika perlu, bantuan pernafasan (*Resusitasi Kardiopulmonari*) atau *Cardiopulmonary Resuscitation (CPR)*, rawat pendarahan dan memeriksa kecederaan tulang.
- Bantu untuk memastikan keadaan kawasan kemalangan adalah selamat.



BAB 8

MENGERAK, MEMBERHENTI DAN MENONKAT MOTOSIKAL

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menggerak, memberhenti dan menonkat dengan selamat.
2. Menghargai kepentingan menggerak, memberhenti dan menonkat motosikal.

8.1 MENGERAK MOTOSIKAL

Kaedah:

- A. Duduk di atas motosikal dengan keadaan menegak. Pastikan tangan, siku, lutut dan kaki pada kedudukan yang betul. Lepaskan tongkat motosikal.



- A. Pulas pendikit minyak dan pastikan kedudukan gear.

- B. Lihat cermin sisi, beri isyarat lampu ke kanan, isyarat tangan dan letak bebanan motosikal pada kaki kiri sementara kaki kanan letakkan di atas pemijak motosikal sambil menekan brek belakang. Lihat ke belakang dengan memusingkan kepala ke bahu kanan.



- B. Cengkam brek hadapan dan hidupkan enjin. Pulas pendikit minyak dan dengar bunyi enjin. Periksa semua penunjuk.

- C. Pulas pendikit minyak perlahan-lahan sehingga motosikal mula bergerak. Angkat kaki kanan dan letakkan di atas pemijak kaki setelah motosikal bergerak.



- C. Tekan pedal gear (bagi motosikal yang menggunakan klac biasa, cengkam tuil klac dan tekan pedal gear).

- D. Lepaskan cengkaman pada brek hadapan secara perlahan dan bersedia memulas pendikit minyak.

- E. Bagi motosikal yang menggunakan klac biasa pula, pastikan cengkaman pada tuil klac dilepaskan secara perlahan sehingga motosikal bergerak sambil memulas pendikit minyak.




Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kegagalan menggunakan teknik menggerakkan motosikal dengan betul boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan dan terjatuh.

8.2 MEMBERHENTI MOTOSIKAL

Kaedah:



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kegagalan menggunakan teknik yang betul ketika memberhentikan motosikal boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan dan melanggar apa sahaja *hazard* yang muncul di hadapan.

8.3 MENONGKAT MOTOSIKAL

Memarkir Motosikal Menggunakan Tongkat Sebelah

Kaedah:

- Berdiri di sebelah kiri motosikal, pegang sebelah kiri hendal menggunakan tangan kiri.
- Cengkam brek hadapan dengan tangan kanan. Tegakkan motosikal dan tolak tongkat sebelah motosikal menggunakan kaki kanan. Biarkan motosikal mengereng ke kiri sehingga beban motosikal disangga oleh tongkat sebelah.



Memarkir tongkat sebelah.



Membebaskan tongkat sebelah.

Membebaskan Motosikal Dari Posisi Parkir Menggunakan Tongkat Sebelah

Kaedah:

- Berdiri di sebelah kiri motosikal, pegang hendal motosikal menggunakan kedua-dua tangan.
- Tegakkan motosikal, tolak motosikal ke arah hadapan. Tolak tongkat sebelah motosikal menggunakan kaki anda ke atas. (Pastikan tongkat sebelah motosikal berada di kedudukan betul di tempat yang disediakan).



Memarkir Motosikal Menggunakan Tongkat Tengah

Kaedah:

- Berdiri di sebelah kiri motosikal, pegang sebelah kiri hendal menggunakan tangan kiri dan tangan kanan memegang bar di bahagian belakang motosikal.
- Pastikan tongkat tengah ditekan dengan kaki kanan (atau kiri) sambil menarik motosikal ke belakang.



Memarkir tongkat tengah.



Membebaskan tongkat tengah.

Membebaskan Motosikal Dari Posisi Parkir Menggunakan Tongkat Tengah

Kaedah:

- Berdiri di sebelah kiri motosikal, pegang sebelah kiri hendal menggunakan tangan kiri dan tangan kanan memegang bar di bahagian belakang motosikal.
- Letakkan kaki kanan (atau kiri) di hadapan tongkat.
- Tarik motosikal ke hadapan ketika motosikal bergerak ke hadapan dari kedudukan menongkat, gerakkan tangan kanan anda pada brek hadapan sambil mengawal motosikal tersebut.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Tanpa pengetahuan teknik menongkat yang betul menyebabkan anda sukar mengimbangi berat motosikal, kemungkinan motosikal akan rebah dan menimpa diri anda.

BAB 9

KAWALAN MOTOSIKAL BERGERAK KE HADAPAN DAN BELAKANG

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

- 1. Menunjukkan kemahiran menggerak motosikal ke hadapan dan ke belakang dengan selamat.*
- 2. Menghargai kepentingan kemahiran menggerak motosikal ke hadapan dan ke belakang dengan selamat.*

9.1 MENGERAKKAN MOTOSIKAL KE HADAPAN

Kaedah:

- Berdiri di sebelah kiri motosikal, pegang hendal dengan kedua-dua tangan. Pastikan gear berada di kedudukan bebas dan enjin telah dimatikan.
- Tolak motosikal dengan tangan kanan dalam keadaan bersedia untuk membrek. Pastikan motosikal mengereng ke arah anda.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kegagalan anda mengawal motosikal dengan baik seperti memegang hendal dengan sebelah tangan, boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan dan rebah ke sebelah kiri anda.



9.2 MENGERAKKAN MOTOSIKAL KE BELAKANG

Kaedah:

- Berdiri di sebelah kiri motosikal. Pegang hendal dengan tangan kiri dan tangan kanan pula memegang bar di bahagian belakang motosikal. Pastikan gear berada di kedudukan bebas dan enjin motosikal telah dimatikan.
- Pastikan motosikal mengereng ke arah anda. Lihat ke belakang dan tolak motosikal secara perlahan.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Jangan menolak motosikal dengan laju dan membiarkan mengereng ke sebelah kanan kerana ia akan menyebabkan hilang kawalan.

BAB 10


MEMBUAT PERGERAKAN ANGKA '8'

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak ke kiri dan kanan.
2. Menghargai kepentingan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak ke kiri dan kanan dengan selamat.

Kaedah:



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Menunggang dengan kelajuan yang tinggi boleh menyebabkan jejarian tunggangan menjadi tajam dan motosikal akan hilang kawalan.

BAB 11


MENUNGGANG DI ATAS TITI

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak di jalan yang lurus dan sempit pada kelajuan rendah.
2. Menghargai kepentingan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak di jalan yang lurus dan sempit pada kelajuan rendah dengan selamat.

Kaedah:





Nilai Keselamatan Jalan Raya

Menunggang dengan kelajuan rendah memang agak sukar kerana penunggang memerlukan keseimbangan yang betul. Kawalan yang tidak seimbang boleh menyebabkan motosikal tergelincir dari titi.

BAB 12

MENUNGGANG RINTANGAN ANTARA KON (SLALOM)

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak ke kiri dan kanan pada kelajuan yang rendah.
2. Menghargai kepentingan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak ke kiri dan kanan.

Kaedah:

Tunggang hingga melepasi laluan keluar.

Ketika membelok ke kanan melepasi kon, pastikan motosikal menyereng ke kanan dan badan menegak, melawan posisi motosikal. Tangan kanan perlu menahan beban hendal dan tangan kiri perlu menjadi lebih fleksibel.

Ketika membelok ke kiri melepasi kon, pastikan motosikal menyereng ke kiri dan badan menegak, melawan posisi motosikal. Tangan kiri perlu menahan beban hendal dan tangan kanan perlu menjadi lebih fleksibel.

Gunakan gear 2. Gunakan brek kaki dan pendikit minyak dengan sesuai bagi mengawal kelajuan motosikal.

Tunggang dengan keadaan tenang dan membiarkan anggota badan seperti bahu, tangan, pinggang dan kaki menjadi lebih bebas. Pandangan mata perlu fokus ke arah kon di hadapan laluan motosikal.

Mula

1m



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Menunggang antara kon memerlukan pergerakan badan dan motosikal yang pantas, kegagalan melakukannya menyebabkan penunggang akan panik jika menunggang di kawasan sesak dan boleh terlibat dalam kemalangan.

BAB 13

MEMBREK

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran memberhentikan motosikal dengan selamat pada kadar biasa (*gradually stop*) dan kecemasan (*emergency stop*).
2. Menghargai kepentingan kemahiran memberhentikan motosikal dengan selamat.

13.1 BREK KADAR BIASA (*GRADUALLY STOP*)

Kaedah:



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Penggunaan brek secara kasar boleh menyebabkan roda akan terhenti secara tiba-tiba dan motosikal akan kehilangan cengkaman ke atas permukaan jalan raya.

13.2 BREK KECEMASAN (EMERGENCY STOP)

Kaedah:



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Lakukan latihan teknik membrek kecemasan secara progresif. Teknik membrek berubah mengikut keadaan jalan dan cuaca.

BAB 14


MENUNGGANG DI LALUAN TIDAK RATA

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak di laluan tidak rata pada kelajuan yang rendah.
2. Menghargai kepentingan kemahiran mengimbangi motosikal semasa bergerak di laluan tidak rata pada kelajuan yang rendah dengan selamat.

Kaedah:





Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kawalan kemas motosikal di laluan tidak rata amat perlu kerana anda tidak dapat menjangka apakah *hazard* di hadapan. Kegagalan anda bertindak boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan dan terjatuh.

BAB 15


MENUNGGANG DI LALUAN LURUS

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran menunggang di jalan lurus.
2. Menunggang di laluan / lorong yang betul.
3. Menghargai kepentingan kemahiran menunggang di jalan lurus dengan selamat.

Kaedah:



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Ketika menunggang di jalan lurus, jangan menukar lorong sewenang-wenangnya tanpa tujuan. Ini boleh menyebabkan motosikal anda akan dilanggar dari belakang.

BAB 16

MENUNGGANG DI PERSIMPANGAN


HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran menunggang di persimpangan dengan berada di lorong yang betul.
2. Menghargai kepentingan kemahiran menunggang di persimpangan berkawal dan tidak berkawal dengan selamat.


16.1 TEKNIK MENUNGGANG DI PERSIMPANGAN BERKAWAL

Kaedah:



16.2 TEKNIK MENUNGGANG DI PERSIMPANGAN TIDAK BERKAWAL

Kaedah:



KAJIAN MIROS

Penunggang motosikal yang kurang berpengalaman atau baru mendapat lesen motosikal didapati lebih cenderung untuk melakukan kesilapan ketika mengenal pasti hazard di persimpangan tidak berlampu isyarat.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Kita perlu bertolak ansur dan bertimbang rasa apabila berada di persimpangan dengan memberi keutamaan kepada kenderaan yang sampai terlebih dahulu.

BAB 17

MEMBELOK DI PERSIMPANGAN


HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran membelok di persimpangan dengan selamat.
2. Menunjukkan kemahiran membelok dengan mengekalkan kedudukan lorong.
3. Menghargai kepentingan kemahiran membelok di persimpangan dengan selamat.

17.1 MEMBELOK DI PERSIMPANGAN BERKAWAL

Kaedah:






Nilai Keselamatan Jalan Raya

Berhenti sekiranya melihat lampu merah. Anda mungkin bertembung dengan pengguna jalan raya lain jika mengabaikannya.

17.2 MEMBELOK DI PERSIMPANGAN TIDAK BERKAWAL

Kaedah:



KAJIAN MIROS

Penunggang motosikal didapati lebih cenderung untuk mengaktifkan isyarat membelok pada saat akhir ketika menukar lorong di persimpangan tidak berlampu isyarat yang mempunyai laluan khas untuk membelok.



Nilai Keselamatan Jalan Raya

Beri keutamaan kepada pengguna jalan raya yang lain dan bergerak setelah keadaan selamat. Ini dapat mengelakkan anda dari kemalangan.

BAB 18


MEMBERI ISYARAT LAMPU DAN TANGAN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran memberi isyarat lampu dan tangan dengan betul.
2. Menghargai kepentingan kemahiran memberi isyarat lampu dan tangan untuk keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain.

Kaedah:





Nilai Keselamatan Jalan Raya

Memberi isyarat lampu dan tangan dapat mengelakkan pengguna jalan raya yang lain keliru dengan tindakan anda. Ini dapat mengelakkan anda dari dilanggar oleh kenderaan lain.

BAB 19


MEMBUAT PUSINGAN 'U'

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran membuat pusingan 'U' dengan betul.
2. Menghargai kepentingan kemahiran membuat pusingan 'U' dengan betul untuk keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain.

Kaedah:





Nilai Keselamatan Jalan Raya

Pastikan tindakan pusingan 'U' tidak menghalang kenderaan yang datang dari arah hadapan.

BAB 20

MENUNGGANG DI SELEKOH


HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan kemahiran menunggang di pelbagai jenis selekoh dengan betul.
2. Menunjukkan kemahiran mengekalkan kedudukan motosikal ketika mengambil selekoh.
3. Menghargai kepentingan kemahiran menunggang di pelbagai jenis selekoh dengan betul untuk keselamatan diri dan pengguna jalan raya lain.

Kaedah:





Nilai Keselamatan Jalan Raya

Selekoh adalah laluan jalan raya yang pelbagai dan berbahaya. Penunggang perlu memahirkan pengendalian motosikal mereka bagi menjamin keselamatan diri.

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU

KPP03 :
PRAKTIKAL DI JALAN
(PENUNGGANGAN SELAMAT)



MOTOSIKAL



BAB 1

PEMERIKSAAN SEBELUM MEMULAKAN PERJALANAN

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Melakukan rutin selamat sewaktu memeriksa dan memastikan motosikal dalam keadaan selamat sebelum memulakan perjalanan.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.
3. Menghargai nilai-nilai murni tentang keselamatan diri penunggang, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.

1. Petrol Dan Penutup Tangki




Pastikan petrol mencukupi sebelum anda memulakan perjalanan. Anda juga boleh melihat meter aras minyak pada panel instrumen.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Enjin motosikal tidak akan berfungsi jika tangki petrol kosong dan perjalanan motosikal akan tergendala sekiranya bekalan petrol tidak mencukupi.

2. Minyak Enjin



Periksa menggunakan rod penyukat aras minyak pelincir ketika enjin motosikal berhenti. Pastikan sukatan minyak berada pada tanda antara tahap maksimum dan minimum.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Enjin motosikal akan rosak sekiranya minyak enjin tidak mencukupi, kotor dan lama yang boleh menjejaskan perjalanan penunggang motosikal.

3. Tayar



Periksa permukaan tayar depan/belakang untuk memastikan bunga tayar sempurna dan pastikan tekanan angin yang cukup dengan alat penyukat angin.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Tayar tidak dapat mencengkam jalan dengan baik jika bunga tayar tidak sempurna, tekanan angin yang terlalu rendah atau tinggi. Kerosakan tayar menyebabkan motosikal akan hilang kawalan.

4. Rantai



Jika rantai terlalu tegang, ia akan mengganggu prestasi enjin dan juga kestabilan motosikal. Jika terlalu kendur, ia akan terlucah dan akan membuatkan roda belakang terhenti secara tiba-tiba.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Rantai yang terlalu tegang boleh merosakkan enjin motosikal. Motosikal akan hilang kawalan jika roda terhenti secara tiba-tiba.

5. Klac




Selaraskan tuil dan periksa kabel klac.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Pelarasan tuil klac membantu pertukaran gear dengan sempurna. Penggunaan klac yang salah boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan.

6. Brek



Periksa tahap takungan bendalir brek. Pastikan brek depan dan belakang berfungsi bila tuil ditarik dan pedal ditekan.

7. Bateri



Periksa air bateri pada paras mencukupi dan tambah jika perlu.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Brek tidak berfungsi jika tidak diselaraskan dengan betul. Kerosakan brek boleh menyebabkan motosikal yang anda tunggang terbabat dalam kemalangan.



Pastikan bateri kering dalam keadaan baik.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kerosakan bateri akan menyebabkan enjin akan sukar untuk dihidupkan. Pengendalian motosikal pada waktu malam amat berbahaya kerana lampu dan lampu isyarat kurang berfungsi.



8. Lampu Dan Lampu Isyarat

Periksa semua lampu berfungsi dengan baik.

- Lampu tinggi.
- Lampu rendah.
- Lampu belakang.
- Lampu brek.
- Lampu isyarat.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Lampu isyarat dapat memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain tentang arah yang hendak dituju oleh penunggang motosikal. Pengguna kenderaan lain akan keliru dengan pergerakan motosikal yang menggunakan lampu isyarat salah.



9. Hon



Periksa hon sama ada berfungsi dengan baik.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Gagal memberi amaran kepada pengguna jalan raya lain apabila hon tidak berfungsi. Penggunaan hon yang salah, menimbulkan kemarahan pengguna jalan raya lain.



10. Cermin Sisi




Periksa cermin sisi di kiri dan kanan motosikal dalam keadaan baik dan bersih serta diselaraskan.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang meletakkan diri dalam risiko dilanggar jika membelok tanpa melihat keadaan belakang. Penunggang tidak dapat melihat arah belakang jika cermin sisi terlalu kotor.

11. Alat Keselamatan Tambahan



Memastikan alatan keselamatan tambahan seperti kunci pad atau rantai dibebaskan terlebih dahulu.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Peralatan kunci tambahan boleh menyebabkan kerosakan motosikal jika penunggang lalai membebaskannya. Penggunaan peralatan keselamatan berupaya melindungi motosikal dari dicuri.

BAB 2

MENGAMALKAN RUTIN SELAMAT SEBELUM MENUNGGANG

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunjukkan amalan rutin selamat sebelum menunggang motosikal.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.
3. Menghargai nilai-nilai murni tentang penyesuaian diri tentang rutin selamat.

1. Peralatan Keselamatan Untuk Menunggang



2. Memeriksa Komponen Motosikal Sebelum Menunggang

- Petrol dan penutup tangki.
- Minyak enjin.
- Tayar.
- Rantai.
- Brek.
- Bateri.
- Klac.
- Lampu dan lampu isyarat (*signal*).
- Hon.
- Cermin sisi.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang akan mengalami kecederaan yang serius jika tidak menggunakan peralatan keselamatan sekiranya terlibat dalam kemalangan jalan raya. Penggunaan topi keledar yang tidak mengikut spesifikasi boleh menyebabkan kecederaan parah di kepala jika terjatuh.




3. Menghidup Dan Mematikan Enjin Motosikal

Teknik dan langkah-langkah yang digunakan semasa menghidupkan enjin adalah seperti berikut:



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kegagalan mengikuti teknik yang betul boleh menyebabkan motosikal gagal dihidupkan dengan sempurna dan mengakibatkan enjin motosikal tidak mampu bertahan lama.



Langkah-langkah mematikan enjin adalah seperti berikut:

- Gear dalam keadaan bebas.
- Matikan enjin dengan memulas kunci penalaan ke tanda OFF (Tutup).





4. Mempraktikkan Teknik Membrek, Memulas Pendikit Minyak, Mencengkam Klac Dan Menukar Gear Dengan Betul

Kaedah

Memulas pendikit minyak dengan betul.

Mencengkam klac dan cara-cara menyelaraskan tuil klac dengan betul.

Membrek menggunakan brek hadapan dan belakang dengan betul dan cara-cara menyelaraskan kedua-dua brek.

Menukar gear dengan betul.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kegagalan menggunakan brek, pendikit minyak dan tuil klac dengan betul boleh menyebabkan motosikal hilang kawalan. Kawalan pendikit minyak yang betul mampu menjimatkan penggunaan petrol.



5. Membaca Komponen-Komponen Yang Terdapat Pada Panel Instrumen Motosikal



Panel instrumen untuk model motosikal tertentu:

- Meter putaran enjin (*Tachometer – R.P.M.*).
- Meter jarak perjalanan semasa (*Trip meter*).
- Lampu amaran:
 - Lampu tekanan minyak enjin.
 - Lampu suhu enjin.
 - Lampu Sistem Brek Anti Kunci (ABS).



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kerosakan penanda aras petrol boleh menyebabkan kekurangan petrol tidak dapat dikesan. Suhu enjin boleh dikesan menggunakan lampu amaran awal.



BAB 3

MEMULAKAN PERGERAKAN SELAMAT

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Melakukan teknik pergerakan selamat.
2. Menghargai teknik pergerakan selamat untuk keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya yang lain.
3. Menghargai nilai-nilai murni tentang pergerakan selamat.

1. Peralatan Keselamatan Untuk Menunggang

- Topi keledar.
- Cermin mata keselamatan/ pelindung muka.
- Kasut.
- Sarung tangan.
- Jaket keselamatan.
- Baju pemantul cahaya.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kegagalan menggunakan peralatan keselamatan menunggang boleh menyebabkan penunggang mengalami kecederaan parah jika terlibat dalam kemalangan.

2. Pemeriksaan Komponen Motosikal Sebelum Menunggang



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kegagalan penunggang motosikal memeriksa komponen motosikal asas akan menyebabkan motosikal mengalami kerosakan ketika digunakan. Kerosakan lampu, lampu isyarat, hon dan cermin sisi antara faktor penunggang motosikal menunggang dalam keadaan tidak selamat dan berbahaya kepada pengguna jalan raya lain.



3. Senaman Regangan

Senaman regangan yang dipraktikan akan memberi keselesaan otot-otot penting dan mudah dilaksanakan di atas motosikal. Disyorkan sebanyak tiga hingga lima kali latihan selama 10 hingga 20 saat.

Regangan 1

Bahu Dan Lengan

- Capai belakang dengan menggunakan tangan kiri dari kepala hingga ke bawah sejarak yang boleh sehingga menggenggam telapak tangan kanan. Genggamkan jari-jemari dengan kemas. Tahan selama 10 hingga 20 saat. Lakukan kaedah yang sama bagi sebelah kanan badan.



Regangan 2

Badan

- Letakkan sebelah tangan pada pinggul sebagai penyokong sementara dan bengkokkan badan ke sebelah tangan yang memegang pinggul. Gerak perlahan sehingga terasa regangan. Tahan dan bertenang. Panjangkan masa regangan di antara 15 hingga 20 saat, semampu yang boleh. Jangan lakukan secara tergesa-gesa.



Regangan 3

Lengan Dan Pergelangan Tangan



- Duduk tegak di atas motosikal dengan lengan yang lurus, letakkan hujung jari pada hendal motosikal dan tolak pergelangan tangan ke bawah dan ke depan.
- Duduk tegak di atas motosikal dengan lengan yang lurus, lenturkan jari-jemari ke belakang, buku jari atau tangan pada hendal motosikal dan tolakkan pergelangan tangan ke atas dan ke depan serta tahan regangan tersebut. Tahan selama 15 - 20 saat.



Regangan 4

Putaran Bahagian Badan

- Cengkam hendal dengan tangan kanan, pusing bahagian atas badan dengan perlahan dan letakkan tangan kiri pada bar di bahagian belakang motosikal. Untuk meningkatkan regangan, pusingkan bahagian atas badan dan kepala (bukan pinggul) untuk melihat bahu sebelah kiri. Lakukan selama 15 - 20 saat.
- Lakukan kaedah yang sama bagi sebelah kiri badan.
- Untuk kekalkan keseimbangan badan, lakukan di sebelah badan yang tegang dahulu.



Regangan 5

Pangkal Peha

- Halakan badan pada arah yang sama dengan motosikal, pegang hendal motosikal dengan menggunakan sebelah tangan. Pegang kaki kanan daripada luar menggunakan tangan kanan. Pegang hendal motosikal dengan tangan kiri. Dengan perlahan, tarik kaki kanan tadi mengarah ke punggung sehingga terasa regangan pada peha. Lakukan selama 15 - 20 saat. Ulang regangan di sebelah kiri motosikal untuk kaki kiri.





Regangan 6

Leher

- Duduk tegak di atas motosikal. Gerakkan kepala ke kiri, kanan, depan dan belakang dengan perlahan. Pastikan bahagian belakang sentiasa berada dalam keadaan menegak. Semasa menggerakkan kepala, berhenti dan tahan jika mula terasa regangan. Jangan sesekali memaksa.
- Anda juga boleh amalkan senaman lain yang sesuai setiap kali sebelum menunggang motosikal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Fizikal yang tidak cergas mampu mengundang risiko kemalangan ketika menunggang terutama perjalanan jarak jauh.





BAB 4

MENUNGGANG DI JALAN BANDAR

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunggang di jalan bandar dengan selamat.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan bandar.
3. Menghargai nilai-nilai murni tentang cara-cara menunggang dengan selamat di jalan bandar.

4.1 MENGURUSKAN KELAJUAN

Menguruskan kelajuan ialah menyesuaikan pergerakan motosikal dengan memilih gear dan kelajuan pada jalan dan keadaan trafik semasa. Ia bergantung pada faktor keadaan cuaca, kemampuan motosikal dan penunggang.



15-35 km/j tukar gear 2

25-45 km/j tukar gear 3

35-50 km/j tukar gear 4

200 meter

Pecutan di laluan tidak sibuk.




15-35 km/j tukar gear 2

25-45 km/j tukar gear 3


35-50 km/j tukar gear 4

200 meter

Pecutan di laluan sibuk.



Sentiasa mematuhi had laju yang ditetapkan. Menunggang 40km/j di laluan 70km/j adalah terlalu perlahan.



Amalkan rutin selamat. Pastikan kedudukan motosikal di lorong yang betul dengan tindakan yang sesuai. Jangan menunggang ke kiri dan kanan tanpa tujuan yang nyata.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Penunggang perlu sesuaikan kelajuan motosikal mengikut keadaan trafik tanpa menghalang pengguna jalan raya lain demi keselamatan diri dan pembonceng.



4.2 MEMOTONG DENGAN SELAMAT

Bagi penunggang motosikal, memotong kenderaan mudah dilakukan dengan memulas pendikit minyak dan mengharapkan tindak balas pecutan motosikal.

Memotong Sebelah Kanan



Jika keadaan selamat, mulakan pecutan dengan gear yang betul. Selepas memotong kenderaan, beri ruang masa sedikit sebelum kembali ke laluan asal.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

**JIKA HATI RASA TERAGAK-AGAK ATAUPUN
TIDAK SELAMAT...**

JANGAN MEMOTONG!!!




Memotong Sebelah Kiri

Kebiasaannya anda memotong di sebelah kanan namun demikian anda dibenarkan memotong di sebelah kiri sekiranya:

- Terdapat kenderaan hendak membelok ke kanan.
- Trafik perlahan (kesesakan).
- Laluan sehalu.

Jangan memotong:

- Apabila menghampiri persimpangan.
- Apabila keadaan jalan menjadi runcing dan sempit.
- Apabila menghampiri kawasan seperti bukit dan sebagainya.
- Apabila menghampiri kawasan sekolah.
- Apabila menghampiri kawasan jalan di bawah selenggaraan.



Pastikan persekitaran selamat sebelum memotong kenderaan dari sebelah kiri.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Amalkan rutin selamat ketika memotong di laluan yang dibenarkan demi menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan raya lain.




4.3 MENUNGGANG DI PERSIMPANGAN

Terdapat beberapa jenis persimpangan iaitu:

- Simpang T.
- Simpang Empat.
- Simpang Y.
- Persimpangan Bulatan.

1. Langkah-Langkah Ketika Menghampiri Persimpangan Berkawal




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

SENTIASA AMALKAN RUTIN SELAMAT



2. Langkah-Langkah Ketika Menghampiri Persimpangan Tidak Berkawal



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Berhati-hati dengan kenderaan yang datang dari pelbagai arah ketika menghampiri persimpangan berkawal dan tidak berkawal.



3. Langkah-Langkah Ketika Menghampiri Persimpangan Bulatan



KAJIAN MIROS

Kebanyakan penunggang yang kurang berpengalaman hanya dapat mengenal pasti hazard yang tertentu sahaja ketika di simpang tiga tidak berlampu isyarat. Sebagai contoh, mereka mengamalkan rutin dan tindakan selamat ketika berhadapan dengan kenderaan dari arah hadapan sahaja.




4.4 MENUKAR LORONG DENGAN SELAMAT

Tujuan menukar lorong ialah:

- Untuk bergerak ke kanan bagi membelok ke kanan.
- Untuk bergerak ke kiri bagi membelok ke kiri.
- Untuk memotong kenderaan yang bergerak terlalu perlahan di hadapan.
- Untuk melepasi halangan ataupun rintangan yang berada di laluan.

Penunggang motosikal dilarang:

- Menukar laluan secara tergesa-gesa.
- Mencelah di antara kenderaan dengan cara yang berbahaya.
- Menunggang motosikal ke kiri dan kanan tanpa tujuan.



Amalkan rutin selamat dan berhenti sebelum garisan berhenti.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Amalkan rutin selamat, lakukan pecutan dengan sempurna dan pastikan motosikal berada di laluan yang betul seperti memaling ke kiri atau kanan sebelum menukar laluan.


4.5 MENUNGGANG DENGAN SELAMAT DI KAWASAN SEKOLAH DAN PERUMAHAN

Menunggang di kawasan sekolah dan perumahan memerlukan penunggang motosikal membuat jangkaan dan tafsiran risiko tentang sebarang kemungkinan di kawasan tersebut. Sentiasa mengamalkan rutin selamat ketika menunggang. Pelbagai tanda amaran juga terdapat di kawasan tersebut.



Perlahankan motosikal dan sentiasa peka dengan keadaan sekeliling.

Di kawasan sekolah, terdapat ramai ibu bapa dan bas sekolah yang berhenti di sepanjang laluan. Perlahankan motosikal dan beri laluan kepada mereka yang sedang melakukan pergerakan keluar dari tempat berhenti.



Berhati-hati dengan bonggol yang dibina untuk memperlambatkan pergerakan motosikal. Bersedia untuk berhenti apabila perlu. Bertimbang rasa, jangan memcut dan membrek secara mengejut.

Di kawasan perumahan, tunggang pada kelajuan 30 - 60 km/j mengikut keadaan. Terdapat ramai pejalan kaki yang tidak mementingkan arahan lalu lintas, beri perhatian yang lebih. Peka di kawasan kanak-kanak bermain dan halangan yang tidak terduga.



Ikut had laju dan bersedia untuk berhenti jika perlu.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Bersedia untuk berhenti di laluan pejalan kaki untuk memberi laluan kepada orang ramai dan kanak-kanak sekolah. Tunggang motosikal pada had laju yang ditetapkan di kawasan tersebut.




4.6 MENUNGGANG DENGAN JARAK SELAMAT

Kekalkan diri dengan undang-undang 2 saat ketika mengekori kenderaan di hadapan bagi teknik menunggang dengan jarak selamat.

Jika ingin mengambil risiko dengan mengekori kenderaan di hadapan terlalu rapat, **TANYA** diri sendiri? Sekiranya kenderaan di hadapan berhenti secara tiba-tiba tanpa amaran, adakah anda bersedia untuk bertindak ataupun membiarkan sahaja diri melanggar kenderaan tersebut?

Dalam situasi mengekori kenderaan besar seperti bas/lori atau keadaan cuaca hujan atau berkabus, jarakkan dua kali ganda ataupun 4 saat di belakang kenderaan di hadapan. Lihat tanda seperti lampu jalan ataupun tiang penanda jalan sebagai rujukan. Dalam keadaan jalan yang sibuk, jangan terlalu rapat dengan kenderaan di sebelah kiri atau kanan. Beri ruang yang secukupnya untuk bergerak di antara kenderaan tersebut.



Kendali motosikal dengan mengamalkan rutin selamat, gunakan kiraan 2 saat apabila mengekori kereta dan jarakkan dua kali ganda ataupun 4 saat di belakang kenderaan berat di hadapan.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Gunakan kiraan 2 saat ketika mengekori kenderaan di hadapan dan tidak terlalu rapat bagi memastikan keselamatan penunggang adalah selamat untuk membrek.

4.7 MENUNGGANG DI LALUAN YANG BETUL

Motosikal mempunyai kelebihan untuk berada di banyak posisi laluan jalan raya dengan mudah berbanding kenderaan lain. Amalkan rutin selamat dan kekalkan kelajuan dan kedudukan motosikal di laluan yang betul.



Apabila berhadapan dengan kenderaan yang berhenti di pinggir jalan, beri ruang yang sesuai untuk mereka membuka pintu ataupun apa sahaja kemungkinan.

Tunggang di lorong motosikal yang disediakan.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang dapat menghargai keselamatan diri dan pembonceng apabila menggunakan lorong motosikal yang disediakan dan tidak menunggang di lorong kenderaan lain.

4.8 MEMBERI LALUAN KEPADA PEJALAN KAKI, OKU DAN PENGGUNA JALAN RAYA LAIN

Amalkan rutin selamat apabila menunggang motosikal dengan memberi laluan kepada pejalan kaki dan Orang Kurang Upaya (OKU).



Utamakan pejalan kaki ketika menghampiri lintasan belang.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang dapat menghargai keselamatan diri dan pejalan kaki dengan mengamalkan rutin selamat ketika menghampiri lintasan belang dan memberi laluan kepada mereka.



4.9 MEMPERLAHANKAN MOTOSIKAL DENGAN SELAMAT


Penunggang yang ingin memperlahankan motosikal perlu membuat jangkaan persekitaran seperti melihat kenderaan di sekitar dan kenderaan di belakang.

Pastikan tempat untuk berhenti sesuai dan selamat, mengamalkan rutin selamat, lepaskan pendikit minyak, cengkam brek pada kadar yang sesuai iaitu 60 peratus hadapan, 40 peratus belakang, gunakan gear yang rendah dan bersesuaian.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang dapat menjaga keselamatan diri dengan memperlahankan motosikal ketika menghampiri kawasan tertentu.



Pastikan persekitaran, amalkan rutin selamat dan berhenti di tempat sesuai.



BAB 5

MENUNGGANG DI JALAN LUAR BANDAR

HASIL PEMBELAJARAN

Pada akhir bab ini, pelajar dapat:

1. Menunggang di jalan luar bandar dengan selamat.
2. Menghargai keselamatan diri, pembonceng dan pengguna jalan luar bandar.
3. Menghargai nilai-nilai murni tentang cara-cara menunggang dengan selamat di jalan luar bandar.

5.1 MENGURUSKAN KELAJUAN

Menguruskan kelajuan ialah menyesuaikan pergerakan motosikal dengan memilih gear dan kelajuan mengikut keadaan trafik semasa.



15-35 km/j tukar gear 2

25-45 km/j tukar gear 3

35-50 km/j tukar gear 4

200 meter

Pecutan di laluan tidak sibuk.



15-35 km/j tukar gear 2

25-45 km/j tukar gear 3

35-50 km/j tukar gear 4

200 meter

Pecutan di laluan sibuk.

Keadaan jalan luar bandar yang tenang tetapi pelbagai kemungkinan seperti binatang ternakan, permukaan jalan kurang elok, jalan sempit dan selekoh tajam.



Awas dengan kemungkinan binatang ternakan yang melintas jalan. Peka dengan tanda amaran tertentu.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Sentiasa berhati-hati jika menunggang di laluan yang mempunyai tanda amaran binatang ternakan.

5.2 MEMOTONG DENGAN SELAMAT

Menunggang di jalan luar bandar iaitu memotong dengan selamat.



Penunggang perlu mengamalkan semua rutin selamat seperti lihat ke hadapan, lihat cermin sisi, beri isyarat lampu, pastikan keadaan selamat dan lakukan pecutan sebelum memotong kenderaan di hadapan.




NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Keadaan jalan yang tenang di luar bandar boleh membahayakan penunggang jika melebihi had laju ketika menghampiri laluan sempit.



1. Memotong Sebelah Kanan



2. Memotong Sebelah Kiri



Kebiasaannya anda memotong di sebelah kanan namun demikian anda dibenarkan memotong di sebelah kiri sekiranya;

- Terdapat kenderaan hendak membelok ke kanan.
- Trafik perlahan (kesesakan).
- Laluan sehalu.

Kekalkan prosedur larangan memotong di kawasan berikut:


- Apabila menghampiri persimpangan.
- Apabila keadaan jalan menjadi runcing dan sempit.
- Apabila menghampiri kawasan seperti bukit dan sebagainya.
- Apabila menghampiri kawasan sekolah.
- Apabila menghampiri kawasan jalan di bawah selenggaraan.




5.3 MENUNGGANG DI PERSIMPANGAN

Menunggang di jalan luar bandar iaitu menunggang di persimpangan dengan selamat.

Kedadaan dan suasana jalan luar bandar, pergerakan kenderaan seperti traktor yang perlahan memerlukan pertimbangan sewajarnya oleh penunggang motosikal ketika menghampiri simpang.



Ketika membelok di laluan yang bertentangan, berikut adalah langkah yang perlu diambil.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kegagalan mematuhi lampu isyarat di persimpangan berkawal boleh menyebabkan anda dilanggar kenderaan lain.



5.4 MENUKAR LORONG DENGAN SELAMAT

Menunggang di jalan luar bandar dengan menukar lorong dengan selamat.

Di laluan yang sempit, penunggang motosikal perlu lebih berhati-hati dengan teknik menukar lorong kerana perkongsian laluan bersama pengguna lain.





Tujuan menukar lorong ialah:

- Untuk memotong kenderaan yang bergerak terlalu perlahan di hadapan.
- Untuk melepasi halangan ataupun rintangan yang berada di laluan.

Penunggang motosikal dilarang:


- Menukar laluan secara tergesa-gesa.
- Menceleh di antara kenderaan dengan cara yang berbahaya.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Menukar lorong dengan cara agresif boleh membahayakan penunggang motosikal di laluan sempit. Bertimbang rasa dengan memberi laluan kepada pengguna jalan raya yang lain di laluan sempit.

5.5 MENUNGGANG DENGAN SELAMAT DI KAWASAN SEKOLAH DAN PERUMAHAN



Penunggang motosikal perlu lebih berhati-hati ketika melalui kawasan perumahan.



Bertimbang rasa, jangan memecut dan membrek secara mengejut di kawasan sekolah.

Menunggang di jalan luar bandar iaitu menunggang di kawasan sekolah dan perumahan dengan selamat.


Menunggang di kawasan persekolahan dan perumahan memerlukan penunggang motosikal membuat jangkaan dan penafsiran risiko tentang sebarang kemungkinan di kawasan tersebut. Sentiasa mengamalkan rutin selamat ketika menunggang. Penunggang perlu lebih peka dengan pelbagai tanda amaran di kawasan tersebut.

Di kawasan perumahan, tunggang dengan kelajuan 30 – 60km/j mengikut keadaan. Pejalan kaki dan penunggang basikal tidak mementingkan arahan lalu lintas, beri perhatian yang lebih. Awas apabila melalui kawasan kanak-kanak bermain.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Berhati-hati ketika menunggang di kawasan perumahan dengan kanak-kanak yang sedang melintas atau penunggang basikal.



Bersedia untuk berhenti ketika menghampiri lintasan belang untuk memberi laluan kepada pelajar melintas di kawasan sekolah.



Di kawasan sekolah pula, terdapat ramai ibu bapa yang menggunakan motosikal. Perlahankan motosikal dan beri laluan kepada mereka yang sedang melakukan pergerakan keluar dari tempat berhenti. Berhati-hati dengan bonggol. Bersedia untuk berhenti apabila perlu. Bertimbang rasa, jangan memecut dan membrek secara mengejut.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Awas dengan pergerakan motosikal ibu bapa dan pelajar di kawasan sekolah. Ikut arahan yang diberikan oleh pengawal lalu lintas di kawasan sekolah.

5.6 MENUNGGANG DENGAN JARAK SELAMAT

Menunggang di jalan luar bandar iaitu menunggang dengan jarak selamat.

Kekalkan prosedur menunggang dengan peraturan 2 saat ketika mengekori kenderaan di hadapan. Jangan mengekori kenderaan di hadapan terlalu rapat.


Tunggang motosikal dengan menggunakan topi keledar, sarung tangan, kasut dan baju pantulan cahaya keselamatan. Periksa keperluan asas motosikal dan pastikan keadaan jalan sempurna dan cuaca yang terang.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang tidak dapat menjangka laluan yang rosak jika terlalu hampir dengan kenderaan di hadapan.

Pemandu bas dan lori tidak menyedari penunggang motosikal jika terlalu rapat dengan kenderaan mereka.




5.7 MENUNGGANG DI LALUAN YANG BETUL

Menunggang di jalan luar bandar, memerlukan kerjasama antara penunggang motosikal dengan pengguna jalan raya lain kerana berkongsi laluan yang sama.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Penunggang perlu memberi kerjasama jika bertembung dengan kenderaan lain di laluan sempit



Penunggang perlu membuat jangkaan sebarang kemungkinan apabila menunggang di laluan sempit seperti halangan tertentu.

5.8 MEMBERI LALUAN KEPADA PEJALAN KAKI, OKU DAN PENGGUNA JALAN RAYA LAIN

Menunggang di jalan luar bandar iaitu memberi laluan kepada pejalan kaki, Orang Kurang Upaya (OKU) dan pengguna jalan raya yang lain dengan selamat di jalan luar bandar.



Ketika menunggang di laluan sempit, awasi jarak pergerakan motosikal dengan memperlahankan pergerakan.

Pejalan kaki atau OKU bertindak dengan cara berbeza dari pandangan seorang penunggang motosikal. Mereka juga sukar menafsirkan kelajuan motosikal yang ditunggang.

Amalkan rutin selamat apabila menunggang motosikal. Beri perhatian kepada pengguna jalan raya lain seperti pejalan kaki dan OKU.



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA


Penunggang motosikal akan bergesel jika terlalu hampir dengan pejalan kaki atau OKU di laluan sempit

5.9 MEMPERLAHANKAN MOTOSIKAL DENGAN SELAMAT

Menunggang di jalan bandar dan luar bandar dengan memperlahankan motosikal dengan selamat.



Isyarat lampu tangan Brek hadapan dan belakang, kawal motosikal dengan sempurna. Pastikan motosikal berhenti



Pastikan motosikal berhenti dengan selamat dan mengangkat tangan kanan serta turunkan kaki kiri



Perlahankan motosikal. Amalkan rutin selamat dengan memberi isyarat tangan kanan



NILAI KESELAMATAN JALAN RAYA

Kegagalan memberi isyarat untuk memperlakan dan memberhentikan motosikal boleh menyebabkan anda dilanggar kenderaan lain dari arah belakang.

KURIKULUM PENDIDIKAN PEMANDU

**CONTOH SOALAN
UJIAN BAHAGIAN I**




MOTOSIKAL



CONTOH SOALAN

1. Di manakah tanda isyarat lalu lintas berikut **boleh ditemui** ketika memandu?



- A Kawasan bandar.
B Kawasan bukit.
C Kawasan pantai.
2. Pilih tanda isyarat lalu lintas yang **BETUL** bagi **Dilarang Masuk**:

A



B



C




3. Pilih tanda isyarat lalu lintas **BETUL** bagi **Dilarang Meletakkan Kenderaan**:

A



B



C






4. Apakah **tindakan yang perlu dilakukan** oleh pemandu apabila melihat tanda isyarat lalu lintas di bawah?



- A Memecutkan kenderaan.
B Membelok tanpa memberikan isyarat.
C Memandu di lorong yang betul.
5. Pilih tanda isyarat lalu lintas yang **BETUL** bagi semua tindakan di bawah:

- I) Merancang arah tuju
II) Memilih lorong yang betul
III) Memperlahankan kenderaan
IV) Memberikan keutamaan kepada kenderaan dari arah kanan

A



B



C






6. Pilih maksud yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Dilarang Berhenti.
 - B Dilarang Membunyikan Hon.
 - C Dilarang Membelok Ke Kanan.
7. Pilih jawapan yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Jalan Licin.
 - B Jalan Rosak.
 - C Bahu Jalan Lembut.
8. Pilih jawapan yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Persimpangan Y.
- B Jalan Utama Di Sebelah Kiri.
- C Persimpangan Jalan Kecil Di Sebelah Kiri.



9. Pilih jawapan yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Jalan Sehalu.
- B Lorong Kiri Ditutup Kepada Lalu Lintas.
- C Lorong Kanan Ditutup Kepada Lalu Lintas.

10. Pilih tindakan yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Berhenti selepas garisan putih.
- B Berhenti sebelum garisan putih.
- C Berhenti untuk kanak-kanak melintas.

11. Pilih tindakan yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Berikan laluan kepada kenderaan dari arah hadapan.
- B Memberikan hon kepada kenderaan di hadapan sebelum membelok ke kanan.
- C Jangan berikan isyarat jika anda mahu membelok ke kanan.



12. Pilih keterangan yang **BETUL** bagi tanda isyarat lalu lintas ini:



- A Tidak boleh membunyikan hon.
- B Berikan keutamaan kepada pejalan kaki.
- C Letakkan kenderaan di pintu masuk hospital.

13. Pilih jawapan yang **BETUL** bagi isyarat lalu lintas ini:



- A Had Laju Tamat.
- B Bahaya-Bahaya Lain.
- C Kawasan Tanah Runtuh Di Hadapan.



14. Pilih tanda isyarat lalu lintas yang **BETUL** bagi tindakan di bawah:

- I) Berhenti di lorong yang betul
- II) Memandu dengan berhati-hati
- III) Memberikan isyarat sebelum membelok
- IV) Mengawasi kenderaan keluar dan masuk di persimpangan

A



B



C



15. Pilih tanda isyarat lalu lintas yang **BETUL** bagi maksud **Melarang Kenderaan Yang Melebihi Had Berat Melalui Sesuatu Jalan:**

A



B



C





16. Apakah yang harus dilakukan apabila anda berasa letih ketika menunggang?
- A memandu dengan lebih laju.
 - B memberhentikan kenderaan dan berehat.
 - C meneruskan perjalanan ke destinasi yang dituju.
17. Ketika penunggang mendaki bukit di jalan raya, penunggang perlulah
- A. Condongkan badan ke hadapan
 - B. Condongkan badan ke belakang
 - C. Menunggang dengan lebih laju
18. Perlanggaran dengan kenderaan di belakang dapat dielakkan jika anda:
- A Memberikan isyarat dalam tempoh masa yang mencukupi.
 - B Tidak mengamalkan peraturan jarak.
 - C Menekan brek dengan kuat dan mengejut.
19. Untuk memulakan pergerakan kenderaan, anda patut menggunakan:
- A Gear tiga.
 - B Gear dua.
 - C Gear satu.
20. Apabila menghampiri kawasan lintasan pejalan kaki, anda perlu:
- A Memperlahankan kenderaan supaya sempat berhenti jika perlu.
 - B Membunyikan hon supaya orang tidak melintas.
 - C Berhenti dengan mengejut.
21. Semasa menuruni bukit, tiba-tiba brek kaki kenderaan anda didapati tidak berfungsi. Apakah langkah yang perlu anda ambil?
- A Tukar kepada gear tinggi.
 - B Bunyikan hon dan nyalakan lampu.
 - C Tukar kepada gear rendah dan gunakan brek tangan.



22. Apakah peraturan jarak yang digunakan apabila mengekori kenderaan?
- A Peraturan 12 saat.
 - B Peraturan 2 saat dan 4 saat.
 - C Peraturan 6 saat dan 12 saat.
23. Antara peraturan yang perlu diamalkan semasa memotong kenderaan ialah:
- A Berada di belakang, periksa di hadapan dan memberikan isyarat untuk bergerak ke kanan sekurang-kurangnya 3 saat.
 - B Pastikan kenderaan di hadapan bergerak laju sebelum memotong.
 - C Bergerak ke kanan dengan segera dan tingkatkan kelajuan kenderaan.
24. Sebagai seorang pemandu/penunggang berhemah, apakah yang patut anda lakukan sebelum memulakan perjalanan di waktu puncak?
- A Membatalkan perjalanan anda dan memilih untuk menggunakan pengangkutan udara.
 - B Meneruskan perjalanan dan menempuh kesesakan lalu lintas.
 - C Merancang perjalanan supaya tidak menghadapi waktu puncak atau memilih laluan alternatif.
25. Apakah bentuk kesalahan yang boleh dikaitkan dengan alkohol di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987?
- A Menumpang kenderaan yang dipandu oleh rakan yang tidak berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan/alkohol.
 - B Memandu semasa berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan/alkohol.
 - C Menaiki Kenderaan Perkhidmatan Awam yang dipandu oleh orang yang tidak berada di bawah pengaruh minuman yang memabukkan/alkohol.
26. Apabila warna lampu isyarat di hadapan bertukar daripada merah kepada hijau, anda haruslah:
- A Membunyikan hon sebelum meneruskan perjalanan
 - B Meneruskan perjalanan tanpa berhati-hati.
 - C Meneruskan perjalanan sekiranya selamat.




27. Apakah faktor yang boleh menyebabkan berlakunya kemalangan?
- A Keadaan kenderaan.
 - B Warna kenderaan.
 - C Jenis kenderaan.
28. Kenyataan manakah yang menggambarkan sikap pemanduan sempurna?
- A Tidak sopan dan bertimbang rasa.
 - B Terlibat dengan kemalangan.
 - C Mematuhi peraturan lalu lintas.
29. Apakah tindakan yang **TIDAK BOLEH** dilakukan jika kenderaan anda dipotong oleh kenderaan lain?
- A Memandu di lorong kiri.
 - B Melajukan kenderaan anda.
 - C Memberikan laluan untuk dipotong.
30. Di jalan yang tidak rata, anda patut:
- A memandu dengan lebih laju.
 - B menggunakan brek tangan.
 - C mengurangkan kelajuan.
31. Berikut adalah salah satu bentuk *hazard*?
- A Cuaca.
 - B Pakaian.
 - C Kewangan.
32. Salah satu punca berlakunya kemalangan adalah disebabkan oleh faktor kenderaan. Untuk mengelakkan kemalangan tersebut anda perlulah:
- A Memastikan kenderaan berfungsi dengan baik.
 - B Memastikan laluan perjalanan tidak sibuk.
 - C Mengubah suai kenderaan untuk dipandu dengan laju.
33. Apakah tanggungjawab anda terhadap pengguna jalan raya lain?
- A Pemandu mestilah berwaspada dalam semua keadaan.
 - B Hak pengguna jalan raya lain tidak semestinya diberikan perhatian.
 - C Pemandu boleh memandu dengan laju dalam semua keadaan.



34. Apabila menghampiri lampu isyarat, anda mestilah:
- A Menambahkan kelajuan.
 - B Memberhentikan kenderaan.
 - C Mematuhi arahan lampu isyarat.
35. Semasa menunggang, apakah yang perlu dilakukan apabila anda melihat sekumpulan kanak-kanak bermain di tepi jalan?
- A Perlahankan kenderaan, bersedia untuk membrek dan berhenti jika perlu.
 - B Kurangkan kelajuan, berhenti dan perhatikan kanak-kanak yang berada di tepi jalan.
 - C Tambahkan kelajuan dan bunyikan hon dengan kuat supaya didengari oleh kanak-kanak tersebut.
36. Semasa menunggang pada waktu malam, sekiranya kenderaan dari arah hadapan anda menggunakan lampu tinggi, anda hendaklah:
- A Menggunakan lampu tinggi untuk mengingatkan pemandu kenderaan itu supaya merendahkan lampunya.
 - B Meninggikan lampu kenderaan anda supaya pemandu kenderaan dari arah hadapan tidak dapat melihat.
 - C Memandu dengan memasuki lorong kenderaan dari hadapan supaya ia berhenti di tepi jalan.
37. Sekerap manakah anda harus melihat cermin pandang belakang semasa memandu?
- A Setiap 1 hingga 2 saat.
 - B Setiap 5 hingga 8 saat.
 - C Setiap 2 hingga 5 minit.
38. Pernyataan manakah yang menunjukkan tindakan yang perlu dilakukan sebelum menunggang?
- A Menukar minyak enjin dan palam pencucuh.
 - B Memakai topi keledar, duduk dengan betul dan melaraskan cermin.
 - C Mencuci kereta setiap minggu.




39. Pilih pernyataan yang **BETUL** bagi gambar rajah ini:



- A Kenderaan di lorong B boleh masuk ke lorong A.
- B Kenderaan di lorong B perlu memberikan laluan kepada kenderaan di lorong A.
- C Kenderaan di lorong A perlu memberikan laluan kepada kenderaan di lorong B.

40. Pilih pernyataan yang **BETUL** bagi gambar rajah ini:



- A Kenderaan A berada di laluan yang betul.
- B Kenderaan B berada di laluan yang betul.
- C Kenderaan C berada di laluan yang betul.



41. Berapakah kelayakan umur untuk memohon Lesen Memandu Kenderaan Perkhidmatan Awam (Bas)?:
- A 17 tahun.
 - B 18 tahun.
 - C 21 tahun.
42. Berapakah kelayakan umur untuk memohon Lesen Memandu Kelas C:
- A 16 tahun.
 - B 17 tahun.
 - C 18 tahun.
43. Pilih jawapan yang **BETUL**:
- A Lesen Kelas D - Motosikal
 - B Lesen Kelas E - Bas
 - C Lesen Kelas A - Kereta
44. Tempoh sah keputusan ujian Bahagian II dan III bagi tujuan permohonan lesen memandu adalah:
- A 1 tahun.
 - B 2 tahun.
 - C 3 tahun.
45. Berapakah kelayakan umur untuk memohon Lesen Memandu Kelas B?
- A 16 tahun.
 - B 17 tahun.
 - C 18 tahun.
46. Pilih pernyataan yang **BENAR** mengenai matlamat Sistem KEJARA:
- A Mengurangkan kadar kemalangan jalan raya.
 - B Memastikan pemandu boleh mengawal tekanan semasa memandu.
 - C Meningkatkan kemudahan pemanduan di jalan raya.



47. Di bawah Sistem KEJARA, **Lesen Memandu Percubaan (PDL)** boleh **dibatalkan** sekiranya pemegang lesen tersebut mengumpul mata demerit sebanyak:
- A 8 mata.
 - B 10 mata.
 - C 20 mata.
48. Bagaimanakah penggunaan pakaian yang berwarna cerah dan mempunyai pantulan cahaya dapat mengurangkan risiko kemalangan?
- A Membantu pengguna jalan raya lain menyedari kehadiran anda.
 - B Memudahkan pengguna jalan raya mengenali anda.
 - C Melahirkan pengguna jalan raya yang berhemat.
49. Apakah tahap kesihatan yang diperlukan oleh pemohon untuk mendapatkan lesen memandu?
- A Sihat tubuh badan dan boleh mendengar pada jarak 23 meter.
 - B Sihat tubuh badan, boleh melihat pada jarak 23 meter dan tidak buta warna.
 - C Sihat tubuh badan, boleh mendengar pada jarak 20 meter dan tidak buta warna.
50. Had laju kebangsaan untuk memandu kereta di lebuh raya adalah:
- A 100 km/j.
 - B 110 km/j.
 - C 120 km/j.
51. Di bawah Sistem KEJARA, apakah kesalahan yang boleh dikenakan mata demerit?
- A Tidak memakai topi keledar
 - B Tiada cermin sisi motosikal
 - C Nombor pendaftaran tidak mengikut peraturan.



52. Di bawah Sistem KEJARA, berapakah jumlah mata demerit yang dikenakan jika melakukan kesalahan gagal mematuhi isyarat lampu merah bagi kenderaan motosikal?
- A 10 mata.
 - B 6 mata.
 - C 4 mata.

1. B 2. A 3. A 4. B 5. A 6. B 7. C 8. C 9. B
10. B 11. A 12. A 13. B 14. A 15. A 16. B 17. A 18. A
19. C 20. A 21. C 22. B 23. A 24. C 25. B 26. C 27. A
28. C 29. B 30. C 31. A 32. A 33. A 34. C 35. A 36. A
37. B 38. B 39. C 40. C 41. C 42. A 43. B 44. A 45. A
46. A 47. C 48. A 49. B 50. B 51. A 52. C

JAWAPAN:



KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN
MALAYSIA



JABATAN PENGANGKUTAN
JALAN MALAYSIA

M.I.R.O.S

MALAYSIAN INSTITUTE OF ROAD SAFETY RESEARCH

